



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT PERTAMA

SHAH ALAM, 04 APRIL 2016 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Mohd Redzuan bin Adam
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas pada hari yang keenam 4 April 2016 dimulakan dengan Bacaan Doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua. Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 76.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK : ISU KEMALANGAN JALAN RAYA

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- (a) Adakah kerajaan sedar kes kemalangan maut jalan raya di Selangor bertambah kebelakangan ini? Sebagai contoh kawasan Hulu Langat?
- (b) Jika ya, apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan mengatasi perkara ini?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Pagi. Tuan Speaker, terima kasih kepada Dusun Tua yang bertanya berkenaan isu keselamatan jalan raya. Kerajaan Negeri menyedari hakikat bahawa jumlah kemalangan maut di Negeri Selangor masih lagi tinggi. Justeru, kerajaan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor sentiasa bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak yang terlibat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Kementerian Kesihatan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi kerajaan lain serta pihak swasta dan badan bukan kerajaan

(NGO) berkaitan dalam pelbagai dan memperbanyakkan aktiviti penguatkuasaan dan kempen kesedaran dari semasa ke semasa. Ia sebagai langkah bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negeri ini khususnya di kawasan yang kerap melibatkan kemalangan maut seperti di Kuala Selangor, Kajang dan Hulu Selangor.

Sebagai rancangan jangka pendek, kerajaan telah melaksanakan kempen kesedaran termasuklah ceramah, pameran dan advokasi keselamatan jalan raya bagi meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat setempat. Ini termasuklah kempen musim perayaan, *ops* bersepadu dan sebagainya.

Dalam masa yang sama, pihak kerajaan bersama agensi kerajaan dan pihak swasta yang lain turut menyokong penuh pelaksanaan pendidikan keselamatan jalan raya bermula daripada peringkat kanak-kanak di sekolah bagi melahirkan generasi baru pengguna jalan raya yang mengamalkan budaya selamat, beradab, berhemah dan berhati-hati di jalan raya sebagai rancangan jangka masa panjang. Selain itu, kerajaan giat mempromosi dan menggalakkan kewujudan lebih banyak Kelab Keselamatan Jalan Raya di sekolah-sekolah sebagai salah satu *platform* terbaik menyemai sikap bertanggungjawab sebagai pengguna jalan raya. Dalam masa yang sama inisiatif turut diberikan kepada kelab yang paling aktif melaksanakan program-program keselamatan jalan raya.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO saya inginkan penjelasan berkenaan dengan jalan di Kuala Selangor, dari Kapar ke Kuala Selangor ke Sabak Bernam, jalan persekutuan 5 di mana terdapat banyak lori-lori panjang, treler-treler panjang sering kali melencong masuk ke longkang. Sering kali, sebulan berapa kali berlaku. Apakah punca sebenar menyebabkan keadaan sedemikian?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Sekinchan. Permasalahan lori-lori khususnya yang lebih muatan ini masih lagi kurang dari sudut penguatkuasaan. Jadi kita akan terus bersama-sama memohon kepada pihak-pihak bertanggungjawab seperti SPAD dan sebagainya begitu juga dengan JPJ untuk memperbanyakkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan ini kerana kalau tidak ia ialah saya bersetuju dengan Sekinchan ianya merupakan punca kebanyakan berlaku kemalangan maut khususnya.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Speaker, soalan nombor 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK : MASS RAPID TRANSIT (MRT)

77. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar.

- (a) Apakah status terkini pembinaan MRT?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri ada melakukan kajian terhadap kesan ekonomi dan pelaburan selepas MRT siap?
- (c) Jika ada, bilakah kajian tersebut akan dibentangkan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, status terkini pembinaan MRT adalah seperti di bawah:-

Untuk MRT Laluan 1 iaitu MRT Laluan Sungai Buloh – Kajang, sehingga 31 Januari 2016 adalah :

- Secara keseluruhan, tahap kemajuan kerja-kerja pembinaan adalah 79.85%.
- Semua kerja sivil dan struktur telah siap sepenuhnya.
- Pada masa ini, kerja-kerja sistem sedang berjalan dengan lancar.
- Bagi pembinaan Fasa 1 iaitu dari Stesen MRT Sungai Buloh ke Stesen MRT Semantan dijangka siap pada Disember 2016 dan dijangka dapat beroperasi menjelang Disember 2016.
- Keseluruhan fasa iaitu dari Stesen MRT Sungai Buloh ke Stesen MRT Kajang dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2017 dan dijangka beroperasi pada 1 Ogos 2017.

Untuk MRT Laluan 2 iaitu MRT Laluan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya (SSP):

- Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Skim Rel Laluan Rel pada 7 Oktober 2015.
- Pembinaan dijangka bermula Mei 2016.
- Fasa 1 iaitu dari Stesen MRT Sungai Buloh ke Stesen MRT S09 ke Kampung Batu dijangka mula beroperasi pada Julai 2021 dan
- Bagi Fasa Kedua iaitu keseluruhan laluan dari Stesen MRT Sungai Buloh ke Stesen MRT S36 di Putrajaya Sentral dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada Julai 2022.

Projek *Mass Rapid Transit* (MRT) merupakan projek pengangkutan awam di bawah Rancangan Pembangunan Rel Bandar Greater KL/Lembah Klang (URDP) yang merupakan salah satu komponen Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Greater

KL/Lembah Klang oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Projek ini dilaksanakan oleh MMC Gamuda selaku *Project Delivery Partner* (PDP) yang dilantik Kerajaan Persekutuan. Projek MRT juga merupakan Projek Penggerak Ekonomi di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh PEMANDU, Projek MRT Lembah Klang dijangka membawa manfaat-manfaat berikut:-

- (i) Menjana sebanyak RM4 bilion setiap tahun secara langsung dan tidak langsung daripada aktiviti pembinaan;
- (ii) Menjana Pendapatan Negara Kasar (*Gross National Income*) sebanyak RM21 bilion setiap tahun sehingga tahun 2020;
- (iii) Menjana 130,000 peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung; dan
- (iv) Meningkatkan nilai pembangunan kasar (*Gross Development Value*) sebanyak RM300 juta setiap tahun.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri belum menetapkan sama ada kajian terhadap kesan ekonomi dan pelaburan perlu dijalankan selepas pembinaan MRT disiapkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap memberikan sokongan terhadap pelaksanaan projek tersebut yang melibatkan beberapa jajaran di dalam Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan ke-78. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

TAJUK : PENDIDIKAN DI SELANGOR

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Adakah Kerajaan Selangor akan merangka pelan perancangan pendidikan di Negeri Selangor?
- (b) Sila sebut nama Institusi Pengajian atau Latihan yang dimiliki oleh Kerajaan Selangor?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Pada masa ini sebarang pelan perancangan pendidikan di Negeri Selangor oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan bidang kuasa yang ada. Terdapat beberapa sidang meja bulat atau konvensyen pendidikan telah dirangka bagi membincangkan secara terperinci pelaksanaan pendidikan di Negeri Selangor. Program terkini yang telah dilaksanakan ialah Seminar Hala Tuju Pendidikan yang telah dilaksanakan pada 5 Mac 2016 yang lalu.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan telah merangka beberapa strategi untuk memantapkan sektor pendidikan di Negeri Selangor, antaranya ialah:-

- (i) Program Peringkat Pendidikan Awal, Menengah dan Rendah yang bertujuan untuk:
 - Memantapkan kemahiran guru di Negeri Selangor;
 - Membangunkan kapasiti pelajar daripada aspek akademik dan sahsiah;
 - Meningkatkan peratus pencapaian pelajar-pelajar Negeri Selangor dalam SPM;
 - Membudayakan ilmu di kalangan rakyat Negeri Selangor; dan
 - Memantapkan kemahiran pengusaha tadika dan guru-guru pendidikan awal di Negeri Selangor.

- (ii) Program Peringkat Pendidikan Tinggi yang bertujuan untuk:
 - Membangunkan kapasiti kepimpinan mahasiswa Selangor;
 - Memartabatkan ilmuan di kalangan masyarakat;
 - Melahirkan mahasiswa yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran kerja;
 - Mengantarabangsakan IPT Selangor; dan
 - Meningkatkan kualiti tenaga pengajar di IPT Selangor.

- (iii) Bantuan Pendidikan. Beberapa bentuk bantuan pendidikan ditawarkan oleh Kerajaan Negeri untuk meringankan beban rakyat di dalam pendidikan adalah:
 - Program Bantuan Subsidi Yuran Tadika iaitu Skim Bantuan Tadika Selangor atau TUNAS;
 - Program Bantuan Tuisyen Percuma kepada calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS);
 - Program bantuan sara diri kepada pelajar UNISEL, KUIS dan INSPENS yang dikenali sebagai Program Bantuan Sara Diri Mahasiswa Selangor;
 - Program Biasiswa Khas kepada anak Selangor yang akan melanjutkan pelajaran ke peringkat Phd Doktor Falsafah iaitu Program *Brain Bank*; dan
 - Program Pinjaman Boleh Ubah di bawah Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor.

IPT di bawah Kerajaan Selangor adalah seperti berikut :-

- Universiti Selangor (UNISEL);
- Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS); dan
- Kolej Antarabangsa INPENS.

Senarai pusat latihan di bawah Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- Pusat Latihan Awam Selangor (PLAS); Morib
- Pusat Latihan Penguat kuasa Selangor (PULAPES); Jugra
- Akademi Latihan Inivasi dan Motivasi (ALIM); Jugra
- Kem Motivasi Pengkalan Tanjung, Kuala Sepintas, Sabak Bernam;
- Institusi Latihan Jati Diri Selangor (ILJAS) Sabak Bernam
- Institut Budaya Baru Melayu, Kemensah; dan
- Kem Belia Bukit Lagong.

TUAN SPEAKER: Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 79.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(TELOK DATOK)**

TAJUK : LAMPU JALAN LED

79. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar.

- (a) Adakah perumahan/perdagangan yang baru diwajibkan memasang lampu LED?
- (b) Mengapakah sehingga kini Daerah Kuala Langat belum nampak penukaran lampu LED seperti yang dijanjikan dalam Belanjawan 2016 sebanyak RM5 juta diluluskan untuk menukarkan 2,800 lampu LED di bawah PBT?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Teluk Datuk. Berdasarkan kepada cabutan keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri ke-30/2015 yang telah disahkan pada 22 September 2015 telah menimbang dan meluluskan cadangan penggunaan lampu jalan jenis LED bagi jalan-jalan negeri yang diselenggara di bawah Geran Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) dan Belanja Mengurus Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut kriteria utama kawasan *hotspot* rekod jenayah atau kemalangan dan peruntukan yang diluluskan melibatkan sebanyak RM5.6 juta. Tujuan pemasangan lampu LED adalah sebagai galakan dari pihak Kerajaan Negeri terhadap usaha mencapai sasaran

Bandar Selamat dengan keutamaan kepada kawasan *hotspot* iaitu kawasan yang mempunyai rekod jenayah tinggi atau kemalangan seperti yang disahkan oleh pihak Polis. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama PBT bagi mendapatkan maklumat berhubung lokasi dan pengesahan dari Ahli Dewan Negeri di PBT masing-masing. PBT telah mengemukakan lokasi permasalahan lampu LED kepada Perbendaharaan bagi tujuan penyaluran peruntukan MARRIS. Walau bagaimanapun pihak Perbendaharaan memohon supaya PBT dapat menyemak semula kriteria berdasarkan keputusan MMKN iaitu kawasan dikenal pasti sebagai *hotspot* jenayah, nisbah pembahagian lokasi hendaklah 70% di kawasan perumahan dan 30% di jalan utama. Sekian.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO yang berkenaan dengan pemasangan lampu LED ini, bukan sahaja di Kuala Langat, di daerah Sabak Bernam juga kita menghadapi masalah di mana tahun lepas didatangi pegawai dari UPEN mengatakan minta cepat cari tempat. Kita cari tempat 50 tempat untuk 50 batang tapi tunggu sampai 2016, satu batang pun tak ada. Apa masalah kekangan yang menyebabkan satu batang pun tak jadi. Minta Yang Berhormat EXCO jawab.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ok, terima kasih Sekinchan. Seperti apa yang saya maklumkan tadi pihak Perbendaharaan meminta PBT menyemak semula tentang kawasan yang dikenal pasti adalah kawasan *hotspot* ataupun kawasan yang memang diperlukan LED tersebut. Saya ingin mengambil sedikit masa dan akan memaklumkan saya akan sendiri melihat semula supaya peruntukan ini dapat disalurkan dalam masa yang singkat.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan yang nombor 80.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

**TAJUK: KEMUDAHAN PEMASANGAN LAMPU AWAM JALAN DI JALAN-JALAN
KAMPUNG TRADISI**

80. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- (a) Bagaimanakah kemudahan tersebut dapat disediakan di setiap jalan kampung?

- (b) Berapakah peruntukan setahun dan cadangan meningkatkannya bagi setiap daerah?
- (c) Bagaimana peruntukan disalurkan?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker, Meru bertanyakan berkenaan dengan lampu awam di jalan-jalan kampung tradisi. Bagi kemudahan lampu awam Kerajaan Negeri Selangor pada masa ini telah menggariskan beberapa kriteria dan keperluan bagi mencapai hasrat dan objektif tersebut. Kriteria pemasangan lampu jalan awam adalah seperti berikut. Satu kawasan *hotspot* yang mempunyai rekod jenayah tinggi ataupun kemalangan seperti yang disahkan oleh Polis Diraja Malaysia, yang kedua jalan masuk utama di kawasan kampung, pondok bas, bonggol jalan, dewan, masjid, surau, rumah ibadat, sekolah dan lain-lain tempat tumpuan awam. Ketiga jalan-jalan yang didapati bahaya melibatkan kemalangan seperti selekoh dan persimpangan. Permohonan pemasangan lampu jalan awam di kampung tradisi adalah permohonan dikemukakan pada Unit Perancang Ekonomi Negeri iaitu UPEN melalui Pejabat Daerah dan tanah sama ada daripada Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung atau aduan penduduk dan permohonan tersebut dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri di kawasan berkaitan. Pemilihan projek-projek tersebut adalah berdasarkan keperluan kriteria yang ditetapkan dan taf kritikal sesuatu permohonan projek. Pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar KKLW juga telah melaksanakan proses pemasangan dan penyelenggaraan lampu-lampu jalan kampung di luar bandar dan memperuntukkan sebanyak 30 unit lampu bagi setiap kampung dan bil utiliti kos operasi dan penyelenggaraan ditanggung oleh pihak kementerian. Bagi tahun 2016 peruntukan sebanyak RM5 juta diperuntukkan untuk kemudahan asas desa dan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar. Walau bagaimana pun tidak ada siling diperuntukkan untuk sesebuah daerah memandangkan kelulusan sesuatu projek adalah tertakluk kepada keperluan dan kewajaran kos projek yang dicadangkan. Buat masa ini hanya 4 buah lampu LED jalan awam kampung telah dipasang di kawasan Sabak Bernam mengikut permohonan kepada Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor. Permohonan yang diterima daripada pejabat daerah akan di teliti daripada segi keperluan dan kewajaran kos projek. Projek, setelah projek diperuntukkan dan peruntukan diluluskan untuk dilaksanakan Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri akan mengeluarkan surat kelulusan belanja serta waran peruntukan mengikut jumlah yang telah diluluskan dilaksanakan di pejabat daerah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan tambahan, saya nak minta EXCO lama-lama ini kita tidak boleh buat jalan dan sebagainya di kampung dan sebagainya. Macam mana lampu boleh didirikan di dalam kampung

sahaja ini peruntukan MARRIS ke peruntukan luar bandar. Kalau ada peruntukan luar bandar untuk tiap-tiap kampung di dalam Negeri Selangor berapakah peruntukannya kepada setiap daerah untuk adakan lampu-lampu ini.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Seperti mana yang saya katakan tadi kita tidak mempunyai siling tertentu untuk kemudahan lampu jalan di daerah-daerah dan ini bergantung kepada permohonan walaupun peruntukan RM5 juta yang di peruntukkan untuk kemudahan desa tahun ini tapi kita juga melihat *priority-priority* kemudahan awam yang lain yang harus kita bangunkan. Untuk makluman bahawa antara perancangan menyediakan 50 buah lampu unit lampu ini adalah di kawasan-kawasan jalan MARRIS dan ini juga sebagainya boleh dilibatkan jalan-jalan kampung yang telah didaftarkan di bawah peruntukan MARRIS. Untuk makluman ahli dewan bahawa kerajaan negeri juga telah berusaha untuk sebagai tambahan mendaftarkan jalan-jalan yang belum lagi didaftarkan di bawah MARRIS. Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat Selia Selenggara Sendirian Berhad dengan untuk mencerap jalan-jalan kampung bermula pada 1 Disember 2015 dan sehingga kini sejumlah yang agak besar jalan-jalan telah di cerap sejumlah 600 kilometer jalan-jalan yang dicerap daripada 1500 kilometer jalan yang masih lagi belum didaftarkan di bawah MARRIS. Jadi saya kira mungkin dalam perbelanjaan akan datang juga kita melihat selain daripada peruntukan KKIW 30 buah lampu di setiap kampung kita juga boleh memperuntukkan sejumlah boleh dirancang mengikut *priority* ataupun tempat-tempat yang perlu ataupun memenuhi kriteria untuk kita pasang lampu-lampu jalan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B.. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO, saya nak tanya soalan ini lampu di kampung tradisi ini di mana jawapan Yang Berhormat EXCO mengatakan di daerah Sabak Bernam ada lebih kurang empat batang di pasang. Saya nampak ini tidak munasabah di mana DUN Sabak, DUN Sekinchan, DUN Sungai Panjang, Air Tawar empat DUN hanya empat batang. Bermakna 1 DUN 1 batang. Ini saya harap permohonan memang banyak di setiap persimpangan ada perlu dipasangkan di kampung-kampung kerana berlaku *accident*, kemalangan jadi saya berharap peruntukan itu disalurkan dan dipastikan lampu jalan ini lebih saya mintak Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER: Soalan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Mengenal pasti kenapa di Sabak Bernam hanya empat batang sahaja. Ini saya nak tahu.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih kepada Sekinchan. Sebenarnya kita telah memulakan pemasangan lampu LED seperti mana saya maklumkan tadi empat buah unit di Sabak Bernam kerana kita tidak peruntukan yang

khusus untuk pemasangan ini dan saya dimaklumkan jumlah yang kos yang agak besar lebih kurang RM18,000 untuk 1 unit. Yang ini saya kena semak semula, baru pagi tadi saya baru dapat makluman RM18,000 setiap unit dan ini saya kira memberikan impak yang baik sebenarnya daripada tanggungan untuk bayar bil-bil bulanan kerana kita melihat sekiranya kita menambahkan jumlah lampu-lampu yang sedia ada seperti mana yang sedia ada ini juga memberikan tambahan kos kepada pengurusan di peringkat pejabat daerah untuk bil-bil tersebut. Pun begitu saya kira dengan adanya banyak permintaan di setiap daerah sebenarnya kita nak melihat bagaimana cara yang terbaik untuk kita sediakan lampu-lampu jalan ini yang memberi kesan sudah tentu di kampung tetapi dari segi pengurusan dan dari segi peruntukan mampu kita uruskan yang lebih baik lagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan, Kota Anggerik.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan saya soalan 81.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : DALAM PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2016 DATO' MENTERI
BESAR SELANGOR MENGUMUMKAN SHAH ALAM SEBAGAI KOTA
SENI DAN KOTA ANAK MUDA**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan MBSA untuk menjadikan Shah Alam Kota Seni?
- b) Apakah Langkah-langkah MBSA untuk menjadikan Shah Alam Kota Anak Muda?
- c) Berapakah Bajet disediakan untuk usaha-usaha ini?

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI: Terima kasih Speaker dan Kota Anggerik yang menanyakan soalan ini. Terdapat 10 rancangan yang telah disusun oleh Majlis Bandar Raya Shah Alam dan juga Jawatankuasa Kota Seni Shah Alam dalam merealisasikan Shah Alam sebagai Kota Seni. Yang pertama, Majlis Bandar Raya akan baik pulih serta meningkatkan kemudahan dan prasarana seperti baik pulih Laman budaya, Taman Tasik Shah Alam, Laman Seni, Lorong Seni iaitu transformasi lorong belakang, yang kedua menyediakan garis panduan hiburan Shah Alam, yang ketiga *Buskers Corner* di Kompleks SACC Mall an program bersama PKNS *Prep Event*, yang keempat memperkasakan seni taman ataupun Arts & Parks seperti mercu tanda dan keindahan landskap, yang kelima mencirikan seni reka ataupun *arcitecture* dalam bidang bangunan, yang keenam menubuhkan Kreatif Hub

Shah Alam untuk menyediakan di Pusat Serenti Hub Seni, yang ketujuh Laman Budaya sebagai pentas seni ataupun *open stage* untuk semua golongan masyarakat, yang kelapan merangka program berkualiti nasional dan pengantara bangsa, yang kesembilan memperkasa penglibatan masyarakat iaitu melibatkan komuniti dan yang kesepuluh menubuhkan kumpulan-kumpulan kebudayaan di peringkat Majlis Bandar Raya. Bagi soalan (b) dalam usaha merealisasikan Shah Alam kota anak muda MBSA telah merancang tiga dimensi atau 3 skop untuk memastikan ia sesuai dengan perkembangan generasi muda. Yang pertama pendekatan segmen seni dan budaya penubuhan Jawatankuasa Seni Kota Shah Alam menyemarakkan dan merakyatkan aktiviti seni dan budaya di kalangan masyarakat di peringkat sasaran dengan memperluaskan promosi dan publisiti golongan seni dan budaya. Yang ketiga menggalakkan pembangunan produk seni dan budaya selaras dengan pembangunan industri kreatif di Shah Alam. Yang keempat meningkatkan jaringan kerja sama strategik dengan badan-badan kesenian seperti Jabatan Kebudayaan Negeri, PADAT, Majlis Kebudayaan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, NGO, Syarikat-syarikat dan Korporat serta individu, yang kelima merangka program-program penyerahan bakat dengan bertemakan pentas seni untuk semua ataupun *open stage*, yang keenam memperkasa program seni jalanan dan yang ketujuh pemberi pengiktirafan kepada penggiat seni. Bagi segmen kedua iaitu pendekatan melalui program sukan rekreasi antaranya ialah menganjurkan program-program sukan dan rekreasi untuk warga tempatan masyarakat seperti Larian *Half Marathon*, *Enduride* (120KM), Bola Tampar Piala Datuk Bandar, *Soccerkids*, Futsal Piala Datuk Bandar dan Kejohanan Tekwando Piala Datuk Bandar, kategori seawal usia lima tahun lagi. Yang kedua melahirkan masyarakat sihat dan cergas melalui aktiviti sukan dan riadah contoh kayuhan santai, senam aerobik mingguan dan klinik pembangunan sukan. Yang ketiga menyediakan kemudahan sukan dan logistik untuk menjalankan aktiviti secara optimum seperti gelanggang futsal bersaiz FIFA, *international cord*, dewan-dewan sukan, taman sukan lasak, kolam renang dan trek basikal. Seterusnya menyediakan tenaga pengajar dan jurulatih bertauliah untuk program pembangunan sukan seperti Taekwando, Futsal, Ragbi dan Bola Sepak. Yang keenam memperkasakan program remaja melalui PeBT dan juga Majlis Perwakilan Penduduk. Yang ketujuh menggalakkan komuniti cergas dan hijau melalui penganjuran kayuhan serta larian. Manakala pendekatan ketiga program kemasyarakatan, merancang beberapa perkara pembangunan antaranya, memperkasakan *Public Engagement* melalui program-program bersama masyarakat dan MPP dan seterusnya melalui kerja sama strategik bersama dengan institusi-institusi pengajian awam dan swasta dan yang ketiga menyediakan pusat ilmu Perpustakaan Anggerik Vanilla, Kota Kemuning dan dua lagi perpustakaan untuk dibina menjelang tahun 2017 di Seksyen 19 dan di U5 di samping menyediakan perpustakaan bergerak atau pun *mobile library*. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuang tidak hadir. Tidak hadir. Jeram.

Y.B.. DATO' AMIRUDDIN SETRO: Terima kasih Tuan speaker, soalan nombor 83.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO HAJI AMIRUDDIN BIN STRO
(JERAM)**

TAJUK: INDUSTRI PASIR

83. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lombong-lombong pasir yang masih aktif di Selangor.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengekang kes kecurian pasir di Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih yang berhormat Jeram yang ingin mendapatkan penjelasan berhubung lombong-lompong pasir yang masih aktif di Negeri Selangor dan juga apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengekang kes kecurian pasir. Untuk makluman Yang Berhormat Jeram, sehingga ke hari ini terdapat 67 lombong pasir yang masih aktif di Negeri Selangor dan berikut saya berikan perincian mengikut daerah. Petaling 2, Klang tiada, Gombak 7, Hulu Langat 8, Hulu Selangor 10, Kuala Langat 5, Kuala Selangor 25, Sepang 10, Sabak Bernam tiada. Kerajaan Negeri menyedari tentang kepentingan tindakan mengekang kecurian pasir kerana aktiviti tersebut akan menyebabkan Kerajaan Negeri kehilangan hasil melalui kutipan *royalty* bahan batuan dikutip bagi tujuan tersebut Kerajaan Negeri senantiasa mengambil langkah proaktif seperti berikut. Pertama menambah jumlah anggota di Bahagian Penguatkuasaan dengan melantik seramai 100 orang Pembantu Penguatkuasa Gred N17 dan 15 orang Penolong Pegawai Tanah Gred NT27 khusus bagi memperkasakan penguatkuasaan tanah di setiap Pejabat Tanah dan Daerah dan juga Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Anggota baru penguatkuasaan ini telah pun melaporkan diri pada 14 Mac 2016 yang lalu. Kedua meningkatkan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi kerajaan yang lain iaitu PDR, JPJ, SPAD, Jabatan Imigresen, Jabatan Mineral dan Geosains serta Pihak Berkuasa Tempatan. Yang ketiga melaksanakan operasi statik terhadap kawasan yang berulang kali berlakunya kecurian pasir atau *hotspot* yang telah dikenal pasti, keempat mewujudkan kerjasama Penguatkuasaan antara negeri sebagai contoh kerjasama di antara PTG Selangor dan PTG Perak untuk membanteras penyeludupan pasir merentas sempadan negeri. Kelima meningkatkan jumlah kekerapan rondaan aktiviti risikan anggota penguatkuasa di setiap PTD dan PTG. Keenam menyelaras dan menyeragamkan format dan maklumat doket pasir yang dikeluarkan di setiap PTD mulai 1 Januari 2016 yang mempunyai ciri keselamatan yang lebih baik sebagai tambahan Kerajaan Negeri sedang dalam proses membangunkan sistem penggunaan doket secara elektronik,

e-Doket bagi mempertingkatkan kecekapan dan memudahkan pemantauan ketirisan *royalty* pasir dan pelaksanaan sistem e-Doket ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam mencapai matlamat Smart Selangor dan yang ketujuh bagi mengurangkan kerenah birokrasi dalam proses permohonan permit, Kerajaan Negeri telah membenarkan pemilik tanah persendirian yang memiliki tanah berkeluasan minimum 20 ekar untuk memohon terus permit pengeluaran bahan batuan pasir ke Pejabat Pentadbir Tanah. Sebelum ini semua permohonan permit bahan batuan pasir perlu melalui KSSB. Dasar ini telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2 /2015 Garis Panduan Mengeluarkan Permit Bahan Batuan Bagi Tujuan Lombongan Pasir di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B.. PUAN GAN PEI NEI: Terima Kasih Tuan Speaker, soalan saya No.84

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK: TASKA DAN NURSERI DI TEMPAT KERJA

84. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Senarai premis-premis kerajaan yang menyediakan perkhidmatan taska dan nurseri.
- b) Apakah bentuk insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pihak swasta menyediakan nurseri kanak-kanak untuk warga kerja mereka?
- c) Apakah kadar perbandingan antara agensi kerajaan dan swasta yang menyediakan kemudahan nurseri?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Rawang. Tuan Speaker, Rawang bertanya tentang taska dan nurseri di tempat kerja. Terdapat 14 jabatan atau agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri yang menyediakan kemudahan nurseri atau taska seperti berikut :-

Jabatan / Agensi	Jumlah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	1
MBPJ	1
MPK	2
MPSJ	2
MPKj	1
MBSA	1
MPAJ	1
MPS	1
MDHS	1

Sementara agensi kerajaan ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan juga Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor. Manakala sebanyak 19 buah taska yang terdapat di premis kerajaan di seluruh Selangor, yang mana ia terdapat di sekolah di kampus universiti iaitu di UiTM, di UniTen, UPM, juga di kuarters kakitangan seperti di hospital dan beberapa institusi seperti SIRIM, Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, Institut Perakaunan Negara Sabak Bernam dan juga di SIRIM.

Untuk b) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penubuhan taman-taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja oleh pihak swasta bagi memudahkan dan membantu ibu bapa di kalangan kakitangan mereka menempatkan anak-anak mereka di taska yang berhampiran dengan tempat kerja mereka. Ini dapat menjimatkan masa perjalanan ibu bapa ke tempat kerja dan juga mereka memberikan keyakinan tentang tahap keselamatan anak-anak mereka serta yuran yang dikenakan adalah lebih berpatutan. Sehubungan itu Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan untuk memberikan insentif kepada pihak swasta yang menyediakan kemudahan nurseri kanak-kanak kepada warga kerja mereka. Perkara ini akan diambil maklum dan akan diberikan tindakan yang sewajarnya.

Selain daripada itu pihak Kerajaan Negeri juga melalui Program Merakyatkan Ekonomi Selangor telah menyediakan Program Skim Bantuan Asuhan Rakyat atau Si Kembar yang dia khaskan kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Sama ada taska kerajaan mahupun taska swasta yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dengan bantuan yuran sebanyak RM100 sebulan kepada taska-taska berkenaan.

Sementara (c) kadar perbandingan antara agensi kerajaan dan swasta yang menyediakan kemudahan nurseri merujuk kepada Akta Taska 1984 dan Peraturan Taska 2012 tiada sebarang penetapan yuran mahupun had yuran taska bulanan bagi sesebuah taska. Maka kadar yuran taska adalah bergantung kepada pengusaha itu sendiri atau agensi tertentu mengikut keperluan masing-masing. Yuran taska di tempat kerja agensi awam yang dikenakan didapati lebih murah berbanding taska

swasta berdasarkan pertama, taska tempat kerja awam tidak memerlukan kos sewaan bangunan oleh itu kadar yuran yang rendah dapat diberikan kepada kakitangan mengikut kelayakan gaji dan skim kakitangan.

(b) matlamat utama taska di tempat kerja agensi awam adalah untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada anak-anak kakitangan awam tanpa berorientasikan keuntungan. Oleh itu kadar yuran yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding taska swasta.

(c) Taska di tempat kerja awam turut mendapat geran daripada kerajaan seperti geran penubuhan dan geran pengoperasian. Manakala kakitangan awam yang menghantar anak-anak juga turut mendapat subsidi yuran taska mengikut syarat dan kelayakan. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya adakah kerajaan mempunyai sasaran untuk berapa lagi taska yang kita hendak tubuhkan atau dioperasikan di premis-premis awam maksudnya untuk jabatan-jabatan ataupun agensi kerajaan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Rawang. Mengikut statistik yang kita dapati bahawa ada beberapa lagi Majlis-Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah yang belum lagi menubuhkan taska di tempat kerja antaranya adalah Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Daerah Kuala Langat dan *insya-Allah* kita akan melihat perkara ini untuk taska di tempat kerja di PBT kita dapat dilaksanakan. Selain daripada itu kita juga akan melihat di institusi-institusi lain yang mana keperluan untuk menubuhkan taska di tempat kerja untuk dilaksanakan. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Speaker.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya amat bimbang mendengar jawapan daripada Y.B. EXCO. Jawapan A ya, yang senaraikan agensi-agensinya ada 14. Saya ingat lagi di Dewan yang bersidang beberapa dahulu kita sudah 14, sekarang pun 14 lagi. So, bagaimanakah kerajaan boleh menunjukkan komitmen yang akan menubuhkan lebih banyak lagi taska ataupun nurseri di bangunan-bangunan kerajaan dengan tiada kemajuan dari soalan dahulu sampai sekarang?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok. Terima kasih Damansara Utama. Kita ambil maklum tentang saranan tersebut. Dalam sidang Dewan yang lepas

dalam pembentangan bajet oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor bahawa Kerajaan Negeri akan melaksanakan *Affordable Child Care Center*. Jadi melalui program tersebut kita boleh memastikan ataupun kita boleh melaksanakan di tempat-tempat yang ada kepentingan dan keperluan untuk melaksanakan taska di tempat kerja ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada pihak EXCO, kalau kita lihat tentang insentif yang ada kepada pihak swasta ini adalah baik sebenarnya tetapi saya tidak nampak juga bagaimana jumlah yang diberikan oleh pihak EXCO tadi terlalu sikit jumlahnya. Ya, Maknanya penglibatan pihak swasta itu tidak sebagaimana yang kita inginkan sedangkan industri yang memerlukan perkhidmatan kepada wanita dari sistem sokongan ini banyak. Jadi soalan saya ialah apakah sebenarnya kaedah ataupun pendekatan yang Kerajaan Negeri Selangor gunakan untuk lebih banyak lagi pihak swasta - pihak swasta ini terlibat. Contohnya, perbincangan, pekeliling, perjumpaan dan sebagainya supaya akhirnya jumlah yang ada ini meningkat dari tahun ke tahun. Jadi pihak swasta itu patutnya terlibat lebih rancak lagi dalam program menyediakan taska di tempat kerja sebenarnya. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih ya Batu Tiga. Kita ambil maklum saranan daripada Batu Tiga. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 85.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN DAERAH SEPANG

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang pada tapak yang disediakan di Bandar Baru Salak Tinggi?

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Pihak Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPS) telah membuat penelitian bagi pembelian empat lot rumah kedai tiga tingkat di jalan 4 medan, 120 Bandar

Baru Salak Tinggi, Sepang milik Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) untuk diwujudkan Perkhidmatan Perpustakaan Cawangan Salak Tinggi, Sepang. Lot tersebut adalah seluas sebanyak 25,696 kaki persegi dan pihak PPAS dalam proses rundingan harga bagi lot-lot berkenaan untuk dibentangkan dan dalam dan diluluskan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PPAS. Terima kasih.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Kami berterima kasih dari jawapan dari pihak EXCO. Sungai Pelek sangat dukacita apabila dimaklumkan Projek Perpustakaan Daerah tidak dijalankan seperti sepatutnya sebaliknya hanya perpustakaan cawangan baru sahaja. Adakah pihak EXCO dalam tadi ada dekat soalan sana dalam Projek RMK yang ke-12 akan mengadakan perpustakaan? Adakah pihak EXCO dalam Dewan yang mulia ini menjamin projek perpustakaan dibina pada RMK12. Saya mengandaikan sekiranya projek perpustakaan cawangan diteruskan kebarangkalian Projek Perpustakaan Daerah tidak akan dapat dipertimbangkan lagi memandangkan Kerajaan Negeri Selangor mempunyai sebelas yang besar lagi memandangkan Salak Tinggi adalah tempat yang adalah besar tumpuan penduduk dekat sana sedangkan daerah Sepang satu perpustakaan pun tak ada. Harap pihak EXCO mempertimbangkan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Terima kasih. Saya faham Yang Berhormat prihatin kerana daerah Sepang adalah satu-satunya daerah yang tidak mempunyai Perpustakaan Daerah buat masa ini. Kita menganggarkan jika nak membina perpustakaan daerah dengan spesifikasi yang penuh ia memerlukan keluasan 90,000 kaki persegi dan kos sebanyak RM36 juta. Jadi kita akan mengkaji perkara tersebut untuk dilaksanakan sekiranya ada kemampuan di peringkat Kerajaan Negeri.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN: Soalan tambahan. Memandangkan perpustakaan sudah disediakan di daerah di Salak Tinggi. Mengapa kerajaan mengabaikan projek ini?

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Saya sokong Sungai Pelek. Saya akan bincang dengan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk dimasukkan mungkin dalam belanjawan-belanjawan yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Bagus Sungai Pelek. Sabak.

Y.B. TUAN SALEHEN BIN MUKHYI: Tuan Speaker, soalan 86.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : MASIH BANYAK TERDAPAT PREMIS-PREMIS MAKANAN DAN PERKHIDMATAN YANG BEROPERASI MASIH BELUM MEMPUNYAI SIJIL PEMATUHAN SYARIAH ATAU SIJIL HALAL DARI JAIS DAN JAKIM

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan yang boleh diambil bagi memastikan premis ini beroperasi dengan bersijil?
- b) Apakah JAIS mempunyai cukup keupayaan untuk melakukan pemantauan bagi memastikan pematuhan syarat bagi premis yang telah mempunyai sijil halal?

Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker, Sabak Bernam bertanya berkaitan dengan premis-premis makanan yang masih belum lagi mempunyai sijil pematuhan syariah ataupun sijil halal. Pensijilan halal yang dilaksanakan pada hari ini adalah bersifat sukarela sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Perihal Dagangan 2011 APP 2011. Berhubung status premis yang masih tidak mempunyai persijilan halal antara beberapa tindakan yang telah dilaksanakan atau dirancang untuk dilaksanakan. Kini di Selangor adalah melalui promosi-promosi pendidikan dan juga galakan. Satu melalui Program Halal Fest yang pernah kita adakan pada tahun 2015 dan *insya-Allah* pada tahun ini juga kita akan adakan Seminar Eksekutif Halal, Program Penerangan Halal Daerah dan juga Ziarah Halal ke premis-premis komersial dan juga Kursus Pematuhan Halal Kantin-kantin Sekolah. Berdasarkan rekod kelulusan sijil pengesahan halal, pihak JAIS masih belum mampu untuk memantau keseluruhan kelulusan sesebuah syarikat sekuang-kurangnya sekali di dalam setahun. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Kalau kita lihat pada tahun 2015. Kelulusan yang diberikan adalah, RM1,126 dan kita hanya dapat memantau sejumlah 360 buah premis dan 39 kelulusan ditarik ataupun dibatalkan. Antara beberapa faktor yang menyebabkan ketidakmampuan untuk memantau keseluruhan premis-premis tersebut adalah pertama bahagian pengurusan halal yang baru diwujudkan pada tahun 2015 sebelum ini dikenali sebuah unit yang hanya mempunyai beberapa sahaja orang kakitangan, yang kedua penambahan perjawatan sedia ada masih belum mencukupi walaupun pelantikan jawatan kontrak telah pun dibuat. Sejumlah 28 waran jawatan tetap Bahagian Pengurusan Halal diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2015. Yang ketiga belum mempunyai kemudahan-kemudahan sokongan operasi yang sewajarnya kerana seperti mana yang saya maklumkan bahagian ini hanya baru

diwujudkan pada tahun 2015. *Insyah-Allah* kita akan menaiktarafkan beberapa pelan-pelan sokongan operasi untuk tujuan menaiktarafkan bahagian ini dan seterusnya dapat membantu di dalam proses pemantauan dan juga keperluan untuk memberikan galakan mendapatkan sijil halal daripada premis-premis makanan yang masih belum lagi dapat diusahakan.

Y.B. TUAN SALEHEN BIN MUKHYI: Tambahan.

TUAN SPEAKER: Sabak dahulu.

Y.B. TUAN SALEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih kepada jawapan EXCO. Itu hari, jawapan tadi kita dimaklumkan tentang isunya ialah isu sebab 1,126 yang diluluskan hanya 300 ini sangat merisaukan kita tentang beberapa mungkin kesempatan yang mungkin digunakan premis ini untuk tidak mematuhi terhadap pematuhan syariah ini. Cuma isunya ialah isu perjawatan dan tentang pegawai yang telah disediakan yang sekarang ini adakah dia dibayar oleh jabatan agama atau dibayar oleh JAIS ataupun dibayar oleh JAKIM sendiri sebab perkongsian ini ialah perkongsian antara JAIS dan juga JAKIM sendiri. Terima kasih.

Y.B. DATO DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Sabak. Untuk secara, atau secara tepatnya saya perlu dapatkan maklumat untuk memberikan maklumat sama ada daripada segi urusan elaun atau emolumen dan penggajian ini daripada negeri ataupun daripada JAKIM. Cuma seperti mana kita sedia maklum, saya ingat proses untuk penambahan jawatan-jawatan masih lagi diteruskan, terutama jawatan-jawatan kontrak yang mana telah diluluskan oleh MMKN pada tahun 2014 sejumlah 51 jawatan kontrak dan setakat ini, kita hanya baru mendapat 10 jawatan yang telah kita lantik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B.. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih, Tuan Speaker, soalan saya nombor 87.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(KAJANG)**

TAJUK : PERGANTUNGAN PENDAPATAN

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pergantungan pendapatan Kerajaan Negeri kepada hasil tanah dan apakah tempoh perancangan tersebut ?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Yang Berhormat Kajang, yang telah mengemukakan satu soalan yang mantap dan kukuh. Dalam usaha untuk membantu Kerajaan Negeri supaya kebergantungan terhadap hasil tanah ini diperhalusi semula dan melihat sumber-sumber baru untuk meningkatkan hasil dan pendapatan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat Kajang, sumber hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah seperti yang termaktub dalam Bahagian 3, Jadual kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Di antara elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan Negeri di bawah kuasa yang telah diberikan mengikut Perlembagaan Persekutuan, adalah hasil tanah, hasil lombong, hasil hutan, duti hiburan dan sewa dan jualan harta negeri. Di antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan hasil adalah, pertama, membuat penilaian ke atas kadar dan pengurusan ke atas hasil yang sedia ada. Contohnya berdasarkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan merujuk kepada kaedah Tanah Selangor Perihal Kaedah 24, maka Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menaikkan kadar caj royalti, premium dan ses bagi hasil bahan batuan granit ataupun kuari yang dikeluarkan daripada hutan simpanan kekal. Kenaikan kadar telah menyumbang kepada kenaikan hasil hutan yang berjumlah RM48.4 juta bagi tahun 2015 berbanding sebanyak RM25.8 juta pada tahun 2014. Kedua, menguatkuasakan duti hiburan ke atas Taman Tema di Selangor selepas pengecualian berkenaan dimansuhkan oleh Kementerian Kewangan bermula pada Februari 2014. Ketiga, mendapatkan bayaran premium yang belum diterima daripada Kerajaan Persekutuan ke atas tanah yang dibangunkan oleh syarikat konsesi lebuhraya, sebagai tapak komersial, seperti stesen minyak, restoran, hotel, kedai dan gerai, yang sebelum ini kita terlepas pandang. Yang keempat, melaksanakan projek *Urban Regeneration Development*, yang akan membolehkan pembangunan semula bandar dari segi landskap, reka bentuk dan ekonomi setempat. Yang kelima, cadangan supaya mengenakan caj perkhidmatan ke atas Kerajaan Persekutuan sebanyak 10% daripada kutipan duti setem bagi urus niaga pindah milik hartanah kepada Kerajaan Negeri dan yang keenam, cadangan pengenaan caj, khusus bagi penginapan di hotel-hotel. Seperti yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Melaka dan Pulau Pinang. Di Melaka, caj khusus tersebut dikenali sebagai caj fi warisan, manakala di Pulau Pinang dikenali sebagai fi Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat Kajang juga, Kerajaan Negeri sedang menyusun satu strategi memperbagaikan sumber. Untuk meningkatkan hasil negeri secara holistik dan komprehensif. Pertama, melakukan rasionalisasi aset anak-anak Kerajaan Negeri seperti matlamat penubuhan DEIG. Yang kedua, melakukan penyusunan semula operasi dan pelaburan dengan tujuan untuk mengelakkan pertindihan aktiviti perniagaan dan mengurangkan pembaziran dan memaksimumkan kecekapan. Dan yang akhirnya, kita akan menumpukan kepada *core business* bagi setiap anak syarikat supaya mewujudkan pertumbuhan organik perniagaan dan tidak bergantung pada penjualan aset semata-mata.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, terima kasih jawapan yang telah diberikan. Saya difahamkan MBI sedang distrukturkan semula untuk mengangkat dividen kepada Kerajaan Negeri. Apakah langkah-langkah untuk mendapatkan dividen daripada agensi-agensi yang lain seperti PKNS, Yayasan Selangor dan sebagainya. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat, Kajang. Sebenarnya bagi anak-anak syarikat yang lain termasuk PKNS telah pun kita mulakan usaha untuk menstrukturkan semula anak-anak syarikat di bawah PKNS termasuk *world wide*. Kita juga telah memulakan usaha yang sama bagi PKPS, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor di mana tiga anak syarikat di bawah PKPS telah pun ditutup kerana kita melihat berlaku pertindihan aktiviti operasi dan juga tidak memberikan pulangan yang baik. Itulah langkah-langkah yang sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri termasuk melihat keperluan untuk menstrukturkan anak-anak syarikat MBI, yang mempunyai 12 kumpulan anak syarikat, yang juga berlaku pertindihan ekonomi dan tidak menyumbang dividen kepada Kerajaan Negeri. Yang ini telah pun saya jelaskan secara panjang lebar apabila kita membincangkan pada minggu lepas tentang matlamat penubuhan DEIG. Terima kasih.

Y.B.. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Dato Menteri Besar. Adakah di sana rancangan ataupun formula tertentu, untuk menstabilkan pendapatan daripada tanah, satu formula di antara *freehold* dan *listhold*, kerana ini adalah di antara permintaan penduduk, untuk *convert* daripada *listhold* kepada *freehold*. Adakah ada satu formula tertentu yang dirangka?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Kelang. Kerajaan Negeri terikat dengan Kanun Tanah Negara yang telah pun digubal sebelum ini, di mana memperbataskan pajakan kepada 99 tahun. Yang keduanya, sekiranya Kerajaan Negeri menimbangkan untuk membenarkan pajakan kepada *freehold*, sudah tentulah premiumnya akan melambung tinggi dan kita percaya dalam suasana ekonomi pada hari ini, pastinya rakyat tidak mampu untuk membayar premium. Baru-baru ini pun kita melihat bagaimana beberapa kes di Petaling dan juga di Sekinchan, walaupun pajakan dilanjutkan selama 99 tahun dengan premium semasa, itu pun mereka tidak mampu untuk membayar premium sehingga menuntut Kerajaan Negeri melihat semula skim dan program pembayaran premium ini di mana kita mencadangkan baru-baru ini supaya tempoh pajakan ini dipendekkan kepada 60 tahun dan ia dapat mengurangkan kadar premium sebanyak 40% dan apabila

tempoh pajakan telah matang ataupun tamat, mereka boleh menyambung semula untuk suatu tempoh tertakluk kepada keupayaan pemilik yang berkenaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, Soalan nombor 88.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(BATU TIGA)**

TAJUK : PERALATAN PWB

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah kos yang telah dikeluarkan untuk pembiayaan pembelian peralatan kepada setiap PWB? Sila nyatakan setiap DUN dan jenis peralatan.
- b) Apakah ada pemantauan khas terhadap peralatan ini dari pihak Kerajaan Negeri Selangor? Apakah status terkini?
- c) Berapakah jumlah permohonan peralatan yang belum dipenuhi?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih, Batu Tiga. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga amat prihatin berkaitan dengan pembangunan wanita di Negeri Selangor. Dengan wujudnya Pusat Wanita Berdaya atau PWB, sejak 2010 sehingga kini, maka banyak program-program wanita dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lancar, dan memberi manfaat kepada wanita setempat di seluruh Negeri Selangor. Pusat Wanita Berdaya ini, ditubuhkan sebagai Pusat Perkembangan Potensi Wanita dalam komuniti dan sebagai hub aktiviti wanita setempat. Bagi meningkatkan lagi kemahiran wanita dalam menghasilkan produk, sama ada produk hasilan makanan atau hasilan jahitan, maka Kerajaan Negeri berbesar hati untuk memperuntukkan sejumlah wang bagi pembelian peralatan untuk ditempatkan di lokasi yang bersesuaian. Bagi tujuan latihan atau bengkel kepada wanita setempat. Semenjak tahun 2010, sebanyak RM595,000.00 telah dibelanjakan untuk membeli peralatan di Pusat Wanita Berdaya ini. Sebanyak 20 PWB telah memilih peralatan jahitan, manakala sebanyak 17 buah PWB pula telah memilih peralatan masakan. Berikut adalah senarai PWB yang telah memperoleh peralatan mengikut jenis aktiviti yang dijalankan. Adakah saya perlu, saya kira boleh didapati jawapan kesemua 37 ini dalam jawapan.

Jadi saya teruskan kepada soalan (b). Jawapan (b) pemantauan khas dilakukan oleh urus setia Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga dari semasa ke semasa dengan pemeriksaan mengejut ke premis PWB. Mulai tahun 2016, pemantauan peralatan PWB akan dilaksanakan dengan lebih giat lagi dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Masyarakat, Pejabat Daerah dan Tanah dan pihak pengurusan PWB. Bagi memastikan peralatan yang dibekalkan kepada Pusat Berdaya Wanita ini digunakan sepenuhnya.

Untuk (c), terdapat 56 DUN telah menubuhkan Pusat Wanita Berdaya, seluruh Selangor, namun demikian hanya terdapat 37 buah PWB sahaja yang telah menerima peralatan sama ada berupa peralatan jahitan dan juga peralatan masakan. Manakala pembelian peralatan bagi baki 19 buah PWB lagi masih belum dibuat berikutan masih terdapat isu lokasi penempatan peralatan yang belum selesai di peringkat DUN. Kerajaan Negeri tiada halangan dan bersedia untuk membuat pembelian peralatan tersebut setelah isu penempatan peralatan PWB di peringkat DUN selesai.

Y.B.. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih. Saya ingin bertanya, apakah, kalau ikutkan permohonan yang ada itu tahun 2010. Apakah mungkin kepada PWB yang agak-agak aktif ini yang telah pun membuat banyak program ingin menambah permohonan, apakah mungkin kami boleh mendapatkan peruntukan atau peralatan baru untuk memastikan Pusat Pengembangan Wanita ini dapat dimaksimumkan sebaik mungkin. Jadi peruntukan itu, boleh tak kita mohon untuk peralatan baru.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih, Batu Tiga. Tuan Speaker, untuk permohonan peralatan baru, pihak Kerajaan Negeri tiada halangan dan kita sedang mengumpulkan permohonan-permohonan daripada penyelia-penyelia PWB yang lain untuk mereka menghantar, untuk mereka mengemukakan cadangan peralatan yang diperlukan. Jadi pihak jawatankuasa akan meneliti permohonan tersebut dan kita akan memastikan ia dapat diberikan mengikut kesesuaian dan keperluan. Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih, Speaker. Saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO berkenan dengan berapa jangka masa untuk pemprosesan, proses permohonan daripada PWB untuk pembelian peralatan. Ini disebabkan, saya difahamkan oleh pegawai PWB Teratai bahawa mereka telah hantar borang

permohonan sejak tahun lepas tapi sampai masa kini Teratai itu masih belum dapat lagi di pusat PWB Teratai. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih, Teratai. Kita sedang dalam proses untuk mengumpulkan semua permohonan-permohonan tersebut. Sehingga kini dari 19 PWB yang belum mendapat peralatan, hanya, kita hanya mendapat lima permohonan sahaja. Jadi sebab itulah kita mengumpulkan dahulu semua permohonan tersebut untuk kita sekaligus supaya pihak Kerajaan Negeri dapat membuat pembelian secara proses tender.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan saya ialah berapa jangka masa lama, sebab dah lama, dah satu tahun belum dapat apa-apa lagi sejak tahun lepas.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Teratai. Kita sedang, kita belum, tidak mempunyai jangka masa tapi kita akan percepatkan proses tersebut dan apa juga yang, keputusan kita akan maklumkan pada Teratai dan juga PWB yang terlibat. Terima kasih

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Daripada jawapan Yang Berhormat EXCO tadi, ada tak Yang Berhormat cadangkan kita uruskan lima permohonan itu dulu, sebab saya rasa adalah tidak adil untuk kita tangguhkan permohonan untuk tunggu yang lain. Sedangkan yang lima orang itu saya rasa sudah ada keperluan untuk jalankan aktiviti dengan peralatan itu.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Rawang. Kita pertimbangkan cadangan Rawang tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih, Speaker. Soalan nombor 89.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : BEKALAN BENIH KELAPA

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sedarkah Kerajaan Negeri bahawa permintaan benih kelapa semakin meningkat tetapi benih kelapa matag sukar diperolehi?

b) Apakah langkah yang perlu diambil untuk memenuhi permintaan?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih, Tuan Speaker dan Bukit Melawati yang bertanya berkenaan bekalan benih kelapa matag. Secara umumnya terdapat kekurangan benih kelapa matag di Selangor. Pada ketika Jabatan Pertanian Negeri Selangor memerlukan bekalan sekitar 20,000 pokok setahun. Di mana kita boleh melaksanakan projek penanaman semula dengan jenis matag sekitar 130 hektar setahun. Setakat ini Jabatan Pertanian Selangor hanya boleh membekalkan sebanyak 5,000 benih kelapa matag sahaja. Bagi mengatasi masalah ini, penanaman semula kelapa dilaksanakan secara berperingkat. Selain daripada itu, Jabatan Pertanian menggalakkan petani menanam *variety* kelapa lain seperti kelapa pandan. Jabatan Pertanian Selangor akan terus bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Persekutuan bagi mendapatkan bekalan kelapa matag secara berterusan. Di samping itu juga, jabatan juga mendapatkan bekalan tambahan dari pihak swasta.

TUAN SPEAKER: Ya, Bukit Malawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Speaker. Soalan tambahan. Angka yang begitu besar kehendak petani untuk menanam kelapa tapi sayangnya begitu lama hendak menunggu benih ini. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Speaker adakah tiada *variety* lain daripada matag dan pandan. Saya dimaklumkan bahawa ada satu lagi iaitu Sungai Gulang-gulang yang dipanggil SGG. Benih ini sudah berjalan sehingga ke Melaka dan Johor. Kenapa kita tidak guna benih yang tersedia ada di Negeri Selangor? Jadi saya tanya kepada Yang Berhormat EXCO, boleh atau tidak? Benih SGG itu diguna pakai bagi menggantikan benih kelapa matag yang terlalu lama hendak tunggu sampai ada kebun-kebun yang diusahakan telah semak semula. Jadi boleh tidak benih SGG ini digunakan? Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Bukit Malawati, persoalan Bukit Melawati berkenaan kelapa matag. Dan jawapan yang saya berikan tadi memang kita menggalakkan *variety* lain. *Variety* yang disyorkan oleh Jabatan adalah varieti kelapa pandan. Kalau disebutkan tadi ada varieti lain dan kita boleh menyemak, dan kita memang alu-alukan supaya kita tidak bergantung pada kelapa matag sahaja. Alhamdulillah untuk pengetahuan semua ahli dewan bahawa Selangor dari sudut SSLnya *saiz saincance level* nya kita telah sampai 106% melebihi daripada keperluan rakyat di Negeri Selangor dan ada di kalangan produk hasilan kelapa ini dieksport. Jadi saya mengambil cadangan Bukit Mealawati itu, terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana kekurangan bekalan daripada kelapa matag dan juga Kerajaan Negeri saya difahamkan ingin juga menggalakkan supaya bekalan daripada *variety* lain terutamanya pandan digalakkan, kelapa pandan ini digalakkan untuk di apa ini, ditambah. Adakah Kerajaan Negeri menyediakan inisiatif kepada penanam-penanam atau pembekal kelapa supaya mereka mendapat mengekalkan membekalkan *variety* tanaman tersebut supaya mengatasi krisis kekurangan kelapa matag tersebut.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Sungai Burong, bagi kelapa matag seperti mana yang saya nyatakan tadi 5,000 benih adalah merupakan inisiatif yang boleh diberikan. Berkaitan dengan benih-benih lain juga merupakan inisiatif yang kita boleh sediakan untuk alternatif kepada kelapa matag kepada para penanam kelapa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jenis-jenis inisiatif tadi? Boleh terangkan tak jenis alternatif ni?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Antara bantuan adalah benih itu sendiri.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR HJ MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 90.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: HASIL GALIAN DAN MINERAL

90. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pendapatan kerajaan yang berkaitan industri pasir di Selangor.
- b) Berapa syarikatkah yang dibenarkan (berlesen) beroperasi untuk tujuan pengeluaran pasir di Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Sepat. Jumlah pendapatan Kerajaan Negeri yang berkaitan industri pasir dari Tahun 2008 hingga 2015 adalah sebanyak RM103.1 Juta. Sebagai perbandingan pada tahun 2008 jumlah kutipan royalti hanya berjumlah RM7.1 juta tetapi pada tahun 2015 telah

meningkat kepada RM24 Juta. Soalan yang kedua, terdapat lima buah syarikat yang masih aktif atau berlesen, beroperasi untuk tujuan pengeluaran pasir di Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR HJ MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR HJ MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Apakah faktor yang menyebabkan peningkatan daripada RM7.1 Juta kepada RM24 Juta pada tahun 2015?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Sepat. Seperti yang telah saya nyatakan dalam soalan yang lebih awal pagi ini, beberapa langkah telah pun diambil oleh Kerajaan Negeri oleh mengengkang aktiviti kecurian pasir yang telah menyebabkan hasil kepada Kerajaan Negeri maka saya percaya dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri selama hari ini dan sistem yang lebih cekap dan tulus maka kita telah berjaya meningkatkan kutipan royalti bagi Negeri Selangor. Terima Kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker. Dato' Menteri Besar, adakah saingan daripada pasir-pasir luar daripada Negeri Selangor merupakan, tiada peningkatan yang memberangsangkan dari segi hasil penjualan pasir?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Peningkatan daripada

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Saingan pasir-pasir luar dari Selangor. Dari Perak dan sebagainya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang, saya juga telah menjelaskan awal pagi ini bahawa kita ada kerjasama di antara Kerajaan Negeri Perak dan juga Negeri Selangor untuk memastikan pengeluaran pasir di negeri ini lebih terkawal dan tidak berlaku pemindahan bantuan daripada negeri lain secara menyeludup atau aktiviti yang tidak dibenarkan. Saya percaya pengeluaran pasir di Negeri Selangor ini juga memenuhi permintaan industri yang sedang rancak dijalankan dan mencukupi. Dan, saya kira saingan yang diberikan bukan sahaja dalam konteks kualiti pasir itu tapi dengan harga yang ditawarkan dan juga jumlah *supply* yang kita sediakan bagi memenuhi permintaan industri. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nampak hanya ada lima syarikat mereka yang lesen untuk mendapatkan pasir. Adakah ada sekatan-sekatan diberikan yang mengakibatkan ada 5 sahaja syarikat yang berlesen untuk mendapatkan pasir?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Untuk makluman Yang Berhormat Damansara Utama, lima buah syarikat yang berlesen dan beroperasi di Negeri Selangor ini adalah bagi tujuan pengeluaran pasir, bukan perlombongan pasir. Sebab soalan yang dikemukakan oleh Tanjung Sepat ialah pengeluaran pasir. Pengeluaran pasir ini termasuk memindahkan stok pasir-pasir laut, yang itu di bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Jika dilihat dari segi perundangan sedia ada, bagi tiga batu nautika ke atas ia adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan perlombongan pasir laut. tiga batu nautika, kurang dari tiga batu nautika itu adalah bidang kuasa negeri tetapi sehingga hari ini Kerajaan Negeri tidak pernah memberikan sebarang kelulusan untuk perlombongan pasir laut kerana ia boleh mencemarkan alam sekitar di negeri ini. Tetapi untuk pengeluaran pasir sebenarnya hanya satu syarikat yang dibenarkan iaitu KSSB untuk mengeluarkan pasir di Negeri Selangor. Namun demikian, untuk melombong pasir di Negeri Selangor seperti yang saya nyatakan pada pagi ini untuk memberikan kelonggaran supaya pemilik-pemilik tanah yang mempunyai tanah, yang mempunyai keluasan tanah 20 ekar ke atas mereka juga dibenarkan untuk membuat permohonan bagi perlombongan pasir terus kepada Pejabat Daerah masing-masing kalau dulu mereka terpaksa melalui KSSB namun kita membenarkan mereka untuk memohon secara terus kepada Pejabat Tanah Dan Daerah masing-masing. Sehingga ke hari ini Kerajaan Negeri hanya menerima dua permohonan daripada pemilik tanah persendirian. Dan satu dari pemohon tersebut telah pun ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Dan satu lagi syarikat telah bersetuju untuk menyerahkan usaha perlombongan kepada KSSB. Maka Kerajaan Negeri memberikan permit kepada KSSB dan tidak kepada syarikat yang memohon tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker , soalan nombor 91.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: KEDUDUKAN RIZAB PBT

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan kedudukan rizab kesemua PBT sejak 2009 secara perbandingan.
- b) Sila nyatakan secara terperinci apakah kesan pelaksanaan GST terhadap Kedudukan Rizab PBT.
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang dilakukan bagi memperkukuhkan kedudukan rizab PBT.

Y.B. TUAN EAN YONG HIANG WAH: Terima kasih kepada Sekinchan, secara keseluruhannya rizab sungai di semua PBT telah meningkat melebihi 100% perbandingan pada tahun 2009 hingga 2014 iaitu daripada RM -60. RM – 46.32 Juta kepada RM1439 Juta. Bagi data rizab tunai PBT 2015 data masih belum lagi, masih dalam semakan Jabatan Audit Negara. Butiran terperinci kesemua tunai PBT Negeri Selangor sejak tahun 2009 hingga 2014 akan saya bagi jawapan lisan kepada Yang Berhormat nanti. Pelaksanaan GST bermula 1 April 2015 dan kesan yang tepat terhadap kedudukan rizab akan dapat dilihat setelah Penyata Kewangan berakhir pada 31 Disember 2015 diaudit dan disahkan oleh Jabatan Audit Negara. PBT di Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk memperbaiki kedudukan rizab masing-masing. Prestasi rizab PBT dalam tempoh 5 tahun terkini telah menunjukkan peningkatan. Di antara tindakan-tindakan proaktif yang dilaksanakan oleh PBT utk memastikan rizab di setiap PBT akan terus stabil dan bertambah adalah seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan kutipan cukai taksiran dengan menguatkuasakan tindakan di bawah Seksyen 148, Akta 171 iaitu tindakan untuk menuntut tunggakan.
- ii. Kempen bayaran cukai taksiran yang melibatkan kawasan perumahan dan kampung yang tertentu yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi.
- iii. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi meningkatkan prestasi kutipan hasil selain itu kaedah penjimatan kawalan bajet dan kawalan kos dipraktikkan dari masa ke semasa. Bagi menggalakkan jabatan membuat belanjawan berdasarkan keperluan dan keutamaan tanpa melibatkan sebarang kos tambahan.
- iv. Membuat perbandingan faedah yang telah ditawarkan oleh pihak bank bagi memastikan pelaburan tetap dibuat di dalam bank yang menawarkan faedah yang kompetitif sahaja.
- v. Berusaha mencari hasil-hasil baru yang membantu menjana pendapatan PBT.

Selain itu Kerajaan Negeri Selangor telah menyasarkan agar kutipan cukai taksiran semasa PBT Negeri Selangor mencapai 90% manakala kutipan tunggakan cukai taksiran mencapai 70% seperti yang telah diluluskan di dalam MMKN 7/2006 yang

diadakan pada 5 April dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 19 April 2006. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Mengenai rizab PBT ini, kita nampak, saya ucapkan tahniah kerana PBT telah mencapai rizab yang tinggi dan mencapai 90% kutipan. Ini satu peningkatan yang mendadak, tahniah!. Pada masa yang sama, saya ingin meminta apakah langkah-langkah yang diambil oleh EXCO Kerajaan Negeri setiap PBT untuk mengelakkan berbelanja daripada mengadakan mesyuarat bulanan di Negeri Sarawak/Sabah. Ataupun mengadakan, selalu mengadakan lawatan ke luar negeri lebih daripada EXCO. Saya hendak tahu bagaimana untuk hendak mengawal bajet itu?

Y.B. TUAN EAN YONG HIANG WAH: Terima kasih kepada Sekinchan, saya rasa lebih ada dua negeri dasar, dua peraturan. Satu *retreat* ataupun seminar yang diadakan oleh mereka mesti mengadakan dalam Negeri Selangor, ini satu. Kedua, kalau ada lawatan keluar negara, kalau ada lawatan keluar negara mesti mendapat kelulusan Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Negeri akan melihat secara terperinci tentang tujuan lawatan dan kita akan hadkan apa ni, wakil yang akan keluar negeri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, mengenai Kerajaan Negeri menghadkan *retreat* keluar negeri ataupun mesyuarat bulanan mesti di Negeri Selangor. Tapi saya dapat laporan, ada PBT ke Negeri Sembilan, ke Langkawi, bagaimana hendak mengawal ni?

Y.B. TUAN EAN YONG HIANG WAH: Kalau ada tujuan yang khas mungkin mereka akan keluar negeri untuk berdialog dengan Kerajaan Tempatan (senyap...) itu adalah dibenarkan.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 92.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(SELAT KLANG)**

TAJUK: LATIHAN PENGURUSAN Pengerusi SURAU

92. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan melatih AJK Surau dengan kemahiran *soft skills* untuk meningkatkan kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi dan ilmu asas mendidik ummah (ahli kariahnya)?

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, Yang Berhormat Selat Kelang bertanyakan berkaitan Latihan Pengurusan Pengerusi Surau. Bagi tujuan latihan pengurusan adalah melalui sendiri ataupun program yang melibatkan surau-surau atau pun bersama pengurusan masjid. Latihan tersebut dianjurkan oleh beberapa agensi di antaranya Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Kolej Islam Universiti Antarabangsa, Masjid Negeri Shah Alam atas inisiatif Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS dan MAIS. JAIS dan MAIS juga telah menetapkan kehadiran ke Program Latihan ataupun kursus di kalangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau adalah wajib. Malah ianya akan dijadikan merit kepada pegawai atau pun ahli jawatankuasa masjid dan surau yang boleh dikenakan tindakan tidak boleh dipertimbangkan untuk pelantikan pada sesi pelantikan yang akan datang. Di antara program-program yang dilakukan melibatkan pengurusan surau terutamanya pengerusi, setiausaha dan juga bendahari adalah pengurusan. Kursus pengurusan surau cemerlang dan beberapa program-program yang lain bersama-sama dengan program pengurusan masjid yang dilakukan di Negeri Selangor, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan saya, soalan 93.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: SKIM GAJI MINIMA RM1,500.00 SEBULAN

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai kakitangan Awam di Negeri Selangor yang pendapatannya di bawah RM1,500.00 sebulan dari tahun 2008 hingga 2015?
- b) Apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan supaya pelaksanaan gaji RM1,500.00 dapat dilaksanakan?
- c) Berapakah anggaran kos tambahan Kerajaan untuk melaksanakan polisi gaji minima RM1,500.00 sebulan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik, untuk makluman Yang Berhormat jumlah keseluruhan bilangan kakitangan Awam termasuk jawatan tetap dan kontrak di Negeri Selangor yang pendapatannya di bawah RM1,500.00 sebulan. Pada tahun 2011 berjumlah 11,424 orang namun sehingga 2015 telah menurun secara mendadak 6,168 orang sahaja. Pecahan mengikut agensi boleh dikemukakan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Yang kedua Kerajaan Negeri sentiasa memberi latihan pembangunan kemajuan kerjaya kepada semua Penjawat Awam di Negeri Selangor. Ini bertujuan bagi melahirkan Penjawat Awam yang kompeten dan mempunyai nilai tambah agar lebih kompeten untuk menyandang jawatan yang lebih tinggi demi kemajuan kerjaya di masa akan datang.

Di bawah Sistem Saraan Malaysia, anggota Kumpulan Pelaksana antara Gred 1 – 40 diberikan kelebihan untuk dinaikkan pangkat secara Khas untuk penyandang KUP selepas 13 tahun berkhidmat. Secara tidak langsung, inisiatif ini mampu meningkatkan jumlah emolumen bulanan dan motivasi kerja anggota yang berkenaan. Pelaksanaan perkara ini diperjelaskan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bertarikh 4 Mei 2009. Berdasarkan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013, gaji minimum anggota perkhidmatan awam secara keseluruhannya telah dinaikkan dengan mengambil kira perkembangan keadaan ekonomi semasa. Selain itu, Penjawat Awam akan menikmati kenaikan 2 (dua) kenaikan gaji tahunan pada tahun 2016 di mana satu kenaikan akan diberikan mengikut Tarikh Pergerakan Gaji masing-masing dan yang kedua pada bulan Julai 2016. Soalan yang ketiga anggaran kos tambahan kerajaan untuk melaksanakan polisi gaji minimum RM1,500.00 sebulan ialah berjumlah RM2,015,023.40 yang meliputi Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri dengan kos tambahan ini ia dan kos sedia ada ianya akan mencecah jumlah keseluruhan sebanyak RM10 juta, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: BIASISWA MBI UNTUK CALON PHD

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah biasiswa MBI untuk calon PhD dalam penyelidikan bidang strategik dan kritikal akan ditawarkan, di mana biasiswa ini sepatutnya ditawarkan pada tahun 2015 dan telah pun diluluskan semasa perbahasan belanjawan 2015 pada tahun 2014?

Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku, biasiswa untuk calon PhD atau pun biasiswa "*Brain Bank*" ialah biasiswa yang pertama kali seumpamanya diwujudkan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi peluang kepada individu yang cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum bagi melanjutkan pengajian PhD dalam bidang strategik di universiti luar negara yang terkemuka. Dalam melaksanakan program ini, MMKN pada 2 Disember 2015 telah bersetuju agar peruntukan diluluskan sebanyak RM8.0 juta setahun di mana peruntukan awal yang diberikan adalah sebanyak RM5.0 juta untuk digunakan pada tahun 2016. Pada masa ini, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat SUK Selangor selaku Urus Setia Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor dalam peringkat akhir bagi menggubal polisi dan mekanisme pelaksanaan Program Khas Selangor *Brain Bank* sebelum ia diangkat kepada Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor untuk persetujuan. Tawaran bagi pengambilan pertama dijangka pada akhir tahun 2016.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker soalan nombor 95.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK: PEMBERIMILIKAN TANAH

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah asas yang digunakan Kerajaan Negeri dalam pemberimilikan tanah sama ada individu atau syarikat?
- b) Apakah Kerajaan Negeri masih melaksanakan pemberimilikan tanah kurnia?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Yang Berhormat Permatang ingin mengetahui apakah asas yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam pemberi milikan tanah sama ada individu atau syarikat dan apakah Kerajaan Negeri masih melaksanakan pemberi milikan tanah kurnia. Untuk makluman Yang Berhormat Pihak Berkuasa Negeri hanya boleh menimbangkan

permohonan daripada individu ataupun syarikat yang mematuhi Seksyen 43 Kanun Tanah Negara yang menjelaskan mengenai orang-orang dan badan-badan kepada tanah yang boleh dilupuskan. Pemohon perlu mengemukakan borang Jadual 1 kepada Pejabat Tanah dan Daerah dan permohonan tersebut akan diangkat untuk pertimbangan pihak berkuasa negeri setelah mendapat ulasan daripada semua jabatan teknikal yang berkaitan. Walau bagaimanapun asas pertimbangan yang digunakan untuk menimbang permohonan individu bagi tujuan kediaman adalah seperti di Pekeliling PTGS bilangan 6/2011 yang berkuat kuasa 1 Jun 2011. Pemberimilikan hanya dipertimbangkan kepada pemohon yang telah mengusahakan dan mendiami tapak sekurang-kurangnya tiga tahun pada tarikh 1 Januari 2008. Merujuk kepada Kanun Tanah Negara 1965 tiada istilah tanah kurnia yang digunakan dalam proses pelupusan tanah namun berdasarkan seksyen 42(1)(a) KTN Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk melupuskan tanah kerajaan melalui kaedah pemberimilikan tanah kerajaan di bawah seksyen 76 KTN, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor 96.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: KENDERAAN BERAT DI KAWASAN AWAM

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat parkir bagi kenderaan berat yang berdaftar bawah syarikat?
- b) Apakah tindakan terhadap kenderaan berat yang diletakkan di kawasan taman-taman perumahan, sekolah-sekolah dan bahu jalan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, Terima kasih kepada Taman Medan kenderaan berat tidak dibenarkan di parkir di kawasan yang boleh menyebabkan masalah, halangan lalu lintas, menghalang pandangan pengguna jalan raya, kerosakan jalan dan bahu jalan di kawasan taman. Kenderaan berat diisyaratkan parkir di lokasi berdaftar seperti dinyatakan dalam kelulusan permit didaftar Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Bidang kuasa PBT berkaitan parkir kenderaan berat adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil taman (UUK) 2005. Kuasa yang dinyatakan di dalam UK tersebut adalah dengan mengeluarkan kompaun berkaitan 1 UK7 kenderaan melebihi dua tan

dilarang. Kenderaan bermotor selain kepunyaan kerajaan atau badan-badan berkanun yang mempunyai berat muatan lebih daripada muatan dua tan metrik tidak boleh masuk ke mana-mana taman tanpa kebenaran bertulis Yang Dipertua. 2 UK kenderaan melebihi dua tan dilarang, mana-mana pegawai majlis yang diberi kuasa boleh mengalihkan mana-mana kenderaan bermotor peruntukan-peruntukan (1) dan menahan motor itu di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Yang Dipertua. PBT juga meminta Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia untuk mengambil tindakan saman ke atas kesalahan-kesalahan trafik di jalan-jalan bukan milik PBT seperti jalan persekutuan dan jalan negeri bawah jalan Kerja Raya. Selain itu operasi bersepadu dengan Suruhanjaya Pengangkutan Jalan Darat (SPAD) dilaksanakan termasuk menyenaraihitamkan kenderaan berat tersebut. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker, masalah ini telah berlarutan walaupun ada sekali, Taman Medan ingin memberi contoh hanya sekali sahaja Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor mengambil tindakan tetapi perkara ini berterusan. Apakah saman yang dikenakan itu hanya jumlah yang kecil dan bagaimana kesalahan yang berulang? Adakah tindakan yang sama atau lebih berat tindakannya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Yang Berhormat Taman Medan, adakah kawasan yang dimasukkan Yang Berhormat tadi adalah di jalan PBT ataupun jalan utama.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Jalan PBT, jalan utama.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Kalau jalan PBT, PBT sendiri boleh mengambil tindakan ke atas kesalahan tersebut. Kalau mengikut apa yang saya dapati daripada informasi yang saya dapati di bawah Akta, di bawah undang-undang kecil taman kesalahan yang boleh diambil ke atas mereka adalah kompaun atau penalti ya didenda tidak melebihi RM2,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh satu tahun atau kedua-duanya. Saya rasa isu ini perlu saya ambil perhatian kerana ini bukan sahaja berlaku di kawasan tetapi juga banyak berlaku di kawasan perumahan yang sedia ada. Dan saya akan meminta PBT mengambil tindakan penguatkuasaan lebih keras di semua kawasan di Negeri Selangor. Tentang isu kenderaan berat yang parkir di kawasan perumahan kerana ini menyusahkan rakyat di kawasan tersebut.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, soalan 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: PEKERJA WARGA ASING DI SELANGOR.

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah pekerja warga asing di Selangor dari 2010-2015? Sila huraikan mengikut negara asal dan industri yang diceburi.
- b) Apakah tahap pendidikan mereka?
- c) Adakah rancangan konkrit kerajaan negeri untuk menarik pekerja berkemahiran tinggi(*skilled workers*)?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, merujuk kepada rekod Jabatan Imigresen Negeri Selangor, seramai 189,631 pekerja asing dicatatkan pada tahun 2015. Maklumat berkenaan tahap pendidikan pekerja asing tidak dapat dinyatakan kerana tiada maklumat. Bagi membantu para pelabur yang ingin mendapatkan pekerja-pekerja yang berkemahiran tinggi, Kerajaan Negeri melalui *Invest Selangor* telah melaksanakan program *Invest Selangor Invest Initiative* di mana di bawah program ini pihak Kerajaan Negeri melalui *Invest Selangor* menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.

TUAN SPEAKER: Gombak Setia, tidak hadir. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, soalan nombor 99.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK: KONSENSI PENJAGAAN DAN PEMBERSIHAN JALAN-JALAN JKR.

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarikat, tempoh serta jumlah nilai kontrak untuk kerja penjagaan dan pembersihan jalan-jalan JKR dalam Selangor.

- b) Apakah skop-skop kerja untuk syarikat konsesi ini untuk tahun 2016 berbanding tahun 2007?
- c) Adakah Jalan JKR Persekutuan juga termasuk dalam skop kerja syarikat dilantik?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang, JKR Selangor telah pun melantik tiga syarikat kontraktor untuk menyelenggarakan jalan-jalan JKR di seluruh Selangor untuk tempoh lima tahun di dalam kontrak Jangka Panjang Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri seperti berikut: Zon yang pertama bagi Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor yang telah pun dianugerahkan pada MBI Rolid Setia Sdn. Bhd. dengan harga kontrak termasuk GST RM24,154,814.45. Bagi Zon Dua, Daerah Petaling, Klang, Gombak, Hulu Selangor dianugerahkan kepada Jurumart Sdn. Bhd. dengan harga kontrak termasuk GST RM26,758,914.29. Manakala bagi Zon Tiga Daerah Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang dianugerahkan kepada Edgenta Propel Berhad dengan harga kontrak termasuk GST RM21,813,431.96. Bagi tahun 2007 sebelum ini skop kerja hanya mempunyai lima kategori sahaja berbanding pada tahun 2016 iaitu sebanyak 11 kategori. Berikut disenaraikan perbandingan skop kerja untuk syarikat konsesi ini untuk tahun 2016 berbanding dengan tahun 2017. Bagi tahun 2017 dan 2016 di sana ada skop kerja R01 *pavement*, R02 *road shoulder*, R03 *grass cutting*, R04 *road furniture* dan R05 *dredgers and culvert*. Manakala R06 bagi *road line* tidak ada dalam tahun 2007 tetapi dimasukkan dalam tahun konsesi baru 2016. R07 *drainage* di kedua-dua tahun yang diperbandingkan. Manakala R08 hingga R011 tidak ada dalam konsesi sebelum ini iaitu R08 *road cleaning*, R09 *routing inspection*, R10 *mandatory inspection* dan R11 *street lighting* dan *traffic light*. Dan dalam skop kerja ini juga ada penambahbaikan. Maafkan saya daripada R01 sampai R011 itu ada penambahbaikan bagi setiap skop kerja yang dinyatakan.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan 11.30 pagi dan masa pertanyaan telah tamat saya akan tangguhkan Dewan selama 10 minit untuk unit teknikal memperbaiki mikrofon. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula. Baiklah urusan mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul No.1 tahun 2016. Usul mewujudkan suatu Darjah Kebesaran bernama Statut Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Sukan Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawa bagi

memenuhi perenggan Perkara 38 Bab 5 Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan memberi persetujuan bagi mewujudkan dan mengasaskan suatu darjah kebesaran bernama Statut Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Sukan Sultan Sharafuddin Idris Shah. Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memaklumkan pada Dewan yang mulia ini bahawa keputusan untuk mewujudkan Statut ini dibuat berdasarkan keputusan Mesyuarat Dewan Diraja ke-139 yang mana Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan supaya sebuah jawatankuasa teknikal Dewan Diraja diwujudkan bagi membincangkan tentang pewujudan Darjah, Bintang Kebesaran dan Pingat bagi Anugerah Sukan sebagai tanda kurnia yang amat berharga daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor terhadap sumbangan ahli-ahli sukan dan tokoh-tokoh sukan yang menunjukkan kecemerlangan sukan di Negeri Selangor Darul Ehsan. Berbangkit daripada keputusan Mesyuarat Dewan Diraja dan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, sebuah jawatankuasa telah dibentuk yang diberi nama Jawatankuasa Pewujudan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat bagi Anugerah Sukan Selangor. Darjah Kebesaran ini diwujudkan khusus untuk ahli-ahli sukan yang umur mereka pada kebiasaannya adalah di bawah 30 tahun yang sukar untuk melayakkan mereka untuk mendapat kurnia Darjah, Bintang Kebesaran serta Pingat peringkat negeri. Oleh yang demikian, Darjah Bintang Kebesaran dan Pingat ini adalah bertepatan dan bersesuaian dengan ahli-ahli sukan yang dalam lingkungan umur tersebut. Tambahan pula Darjah, Bintang Kebesaran dan Pingat ini tidak membawa apa-apa gelaran kepada penerima. Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, naskhah Statut Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Sukan Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam versi Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris adalah seperti yang diedarkan dalam Dewan yang mulia ini. Izinkan saya untuk menerangkan serba sedikit berkenaan dengan Darjah, Bintang Kebesaran dan Pingat ini sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini. Darjah, Bintang Kebesaran dan Pingat terbahagi kepada tiga kategori. Pertama, Darjah Kebesaran Ahli Kegemilangan Sukan Selangor atau A.K.S. Kedua, Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor atau B.K.S. dan yang ketiga Pingat Kecemerlangan Sukan Selangor P.K.S. Darjah Kebesaran Ahli Kegemilangan Sukan Selangor bagi Darjah Kebesaran Ahli Kegemilangan Sukan Selangor atau A.K.S. calon-calon yang layak dikurniakan Darjah Kebesaran ini adalah pegawai-pegawai sukan atau ahli-ahli sukan Negeri Selangor, anak kelahiran Selangor atau bermastautin di Selangor atau mewakili Negeri Selangor termasuk Sukan Paralimpik yang telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya 10 tahun. Pegawai-pegawai yang layak adalah pegawai-pegawai yang telah menempa nama di peringkat Antarabangsa atau telah melahirkan ahli-ahli sukan yang berjaya di peringkat Antarabangsa. Selain itu individu yang layak untuk Darjah Kebesaran ini adalah

(audio tak berfungsi selama beberapa saat)

... dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya 10 tahun. Pegawai-pegawai yang layak adalah pegawai-pegawai yang telah menempa nama di peringkat antarabangsa atau telah melahirkan ahli-ahli sukan yang berjaya di peringkat antarabangsa. Selain itu, individu yang layak untuk darjah kebesaran ini adalah (**gangguan mikrofon**) Kejohanan-kejohanan berprestij di peringkat antarabangsa sukan Olimpik.....(**gangguan mikrofon**). Bilangan kuota orang yang mengikuti sukan di persada ini adalah (**gangguan mikrofon**) dan bilangan maksimum keseluruhannya ialah 50 orang. Pengurniaan darjah kebesaran ini adalah semasa ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Balairung Seri Istana Alam Shah, Klang. Kedua, Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor. Bagi bintang kecemerlangan Sukan Selangor atau pun BKS calon yang layak dikurniakan bintang kebesaran ini adalah pegawai-pegawai sukan atau ahli-ahli sukan Negeri Selangor. Anak kelahiran Selangor atau bermastautin di Selangor atau mewakili Negeri Selangor termasuk sukan Paralimpik yang telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya 5 tahun. Pegawai-pegawai yang layak adalah pegawai-pegawai yang telah menempa nama di peringkat antarabangsa atau telah melahirkan ahli-ahli sukan yang berjaya di peringkat antarabangsa atau sekurang-kurangnya di peringkat Asean. Selain itu, individu yang layak untuk bintang kebesaran ini adalah ahli-ahli sukan Selangor yang telah memenangi pingat di kejohanan-kejohanan yang berprestij di peringkat Asian seperti Sukan Sea atau yang setaraf dengannya. Bilangan kuota orang yang boleh dikurniakan bintang kebesaran ini adalah tidak melebihi 5 orang pada satu-satu masa dan bilangan maksimum keseluruhannya ialah 100 orang. Pengurniaan bintang kebesaran ini adalah semasa Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Balairung Seri Istana Alam Shah, Klang. Ketiga Pingat Kecemerlangan Sukan Selangor atau PKS. Bagi pingat Kecemerlangan Sukan Selangor PKS calon yang layak dikurniakan pingat ini adalah pegawai-pegawai sukan atau ahli-ahli Sukan Negeri Selangor, anak kelahiran Selangor atau bermastautin di Selangor atau mewakili Negeri Selangor termasuk Sukan Paralimpik yang telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang sukan dan penglibatan sekurang-kurangnya 3 tahun. Pegawai-pegawai yang layak adalah pegawai-pegawai yang terkenal di peringkat kebangsaan atau telah melahirkan ahli-ahli sukan Selangor yang berjaya di peringkat kebangsaan.

Selain itu, individu yang layak untuk pingat ini adalah ahli-ahli sukan Selangor yang telah menunjukkan kecemerlangan yang konsisten dan telah memenangi pingat dalam kejohanan sukan di peringkat negeri atau peringkat kebangsaan. Bilangan kuota orang yang boleh dikurniakan pingat ini adalah tidak melebihi 5 orang pada satu-satu masa dan bilangan maksimum keseluruhannya ialah 200 orang. Pengurniaan pingat ini adalah di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, pewartaan dan tarikh kuat kuasa bagi statut ini akan ditentukan kemudian oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor setelah diluluskan

oleh Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perwujudan statut-statut darjah kebesaran bintang dan pingat sukan Sultan Sarafuddin Idris Shah ini memerlukan kepada persetujuan Dewan yang mulia ini kerana ia akan melibatkan perbelanjaan hasil negeri. Oleh itu, kerajaan negeri telah mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri dan beliau telah menasihatkan supaya suatu usul dibawa di Dewan yang mulia ini bagi mendapatkan persetujuan mengenai perwujudan statut tersebut. Kerajaan Negeri telah meneliti statut ini dan berpendapat ia adalah teratur. Penganugerahan kebesaran bintang, bintang kebesaran di bawah statut ini akan memberi penghormatan yang tinggi kepada mereka yang telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk menerimanya. Dengan keyakinan tersebut, dan atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, saya memohon untuk mencadangkan supaya usul ini disokong dan diluluskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya buka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa bagi memenuhi Perenggan B, Perkara 38 Bab 5 Bahagian Pertama Undang-undang Tubuh Negeri Selangor, 1959 Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan memberi persetujuan bagi mewujudkan dan mengasaskan suatu Darjah Kebesaran Bernama Statut Darjah Kebesaran Bintang Dan Pingat Sultan Sarafuddin Idris Shah. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak, usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, usul No.2 Tahun 2016, Usul Di Bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. "Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan *Special Select Committee On Competence, Accountability and Transparency* (SELCAT) bagi Dewan Negeri Selangor. Berkenaan wabak denggi di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2016."

Puan Speaker dan Yang Berhormat Ahli Yang Berhormat sekalian, Jawatankuasa telah mengadakan satu pendengaran terbuka pada 23 Februari 2016 bagi menyiasat punca penyebaran penyakit denggi. Kecekapan pengurusan pelaksanaan aktiviti pambanteras dan perbelanjaan dana dalam usaha menangani wabak denggi di Negeri Selangor. Menurut maklumat terkini daripada Jabatan Kesihatan Negeri

Selangor untuk tahun 2015, sebanyak 65,198 kes denggi telah dilaporkan di Negeri Selangor. Dan ini telah merangkumi lebih 50% daripada jumlah 120,836 kes denggi yang direkodkan di Malaysia untuk tahun 2015. Jadi pendengaran terbuka atau pun pendengaran awam yang telah dijalankan adalah untuk memahami serta mendapat maklum balas daripada pihak yang berkaitan. Serta mendengar atau pun membuat penemuan mendapati beberapa penemuan dan memberi cadangan untuk memperbaiki sekiranya ada kekurangan dalam usaha menangani wabak denggi di Negeri Selangor. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mengenal pasti beberapa faktor utama yang telah membawa kepada pembiakan nyamuk-nyamuk aedes.

Pertama didapati mungkin ini tidak diatur mengikut urutan, keutamaan tetapi antara puncanya adalah jumlah dan kepadatan penduduk yang tinggi di Negeri Selangor. Kemudian pergerakan penduduk di dalam Negeri Selangor yang begitu pesat kerana terdapat penduduk di Negeri Selangor yang bekerja di Kuala Lumpur dan tinggal di Negeri Selangor. Ketiga isu kebersihan persekitaran yang disebabkan oleh beberapa faktor termasuk sikap masyarakat itu sendiri. Dan seterusnya struktur bangunan yang bermasalah yang menakung air dan aktiviti *fogging* yang kurang efektif kerana tiada kerjasama daripada penduduk iaitu mungkin ada penduduk yang tidak membenarkan pihak berkuasa untuk memasuki premis milik mereka. Itu antara sebab-sebab yang telah dikemukakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Walaupun rata-rata ya, kes denggi di seluruh Negeri Selangor ini telah meningkat daripada tahun 2011 hingga 2015, kenaikan kes ini didapati berganda walaupun kita lihat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah dengan kerjasama pihak Pejabat Kesihatan Daerah dan PBT, kes masih meningkat ya. Jadi itu Jawatankuasa telah mengambil langkah untuk mencari apakah mungkin sebabnya ya. Walaupun dengan usaha yang telah dilakukan masih meningkat. Jadi penemuan yang memeranjatkan ya, Jawatankuasa apabila dipanggil untuk pendengaran awam ini kami telah mendapati walaupun pihak Kementerian Kesihatan mengatakan Negeri Selangor ini telah menghadapi satu wabak denggi tapi tidak ada mesyuarat koordinasi antara peringkat kementerian dan juga pihak Jawatankuasa Tetap yang bertanggungjawab. Jawatankuasa Tetap Kesihatan Kebajikan Hal Ehwal Wanita yang bertanggungjawab ke atas hal-hal berkaitan dengan wabak denggi di Negeri Selangor. Jadi satu perkara yang kita tidak menjangkakan kerana kalau ikut dari segi tahap keseriusan peningkatan kes denggi ini kita sudah menjangkakan sepatutnyalah dia ada kerjasama antara pihak kementerian dan juga pihak kerajaan negeri. Tapi ini tidak berlaku, yang keduanya penemuan yang kita satu perkara yang juga kita agak hairan Jawatankuasa Tindakan Kawalan Negeri tidak mengadakan mesyuarat yang bersepadu melibatkan Jawatankuasa Tetap yang berkaitan. Hanya dipengerusikan oleh Jawatankuasa Tetap Kesihatan dan di hadiri oleh pegawai-pegawai PKD dan juga PBT. Tidak melibatkan EXCO yang bertanggungjawab ke atas PBT, di mana kes-kes denggi ini berlaku di kawasan-kawasan perumahan dan juga kawasan-kawasan bawah jagaan Majlis. Jadi ini satu penemuan-penemuan yang kita agak

hairan jugalah, kenapa tidak dilibatkan. Kalau kita lihat wabak denggi yang berlaku di Negeri Singapura bila ia sudah menjadi wabak, semua kementerian atau semua pihak yang berkaitan ya, telah dilibatkan. Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kerajaan Tempatan dilibatkan dalam satu *special task force* untuk menangani wabak ini. Jadi ini tidak berlaku di peringkat negeri. Dan penemuan seterusnya Jawatankuasa juga dapati bahawa kes denggi mula meningkat dengan mendadak apabila Kementerian Kesihatan telah menetapkan prinsip kawalan yang baru bermula pada tahun 2014. Kes yang didaftarkan adalah kes yang telah disahkan dengan ujian makmal. Aktiviti *source reduction* ditingkatkan dan aktiviti semburan ruang terma atau pun *fogging* dikurangkan. Apabila *fogging* dikurangkan dan aktiviti *source reduction* tidak berjalan secepat yang perlu sebab nyamuk ini dia tempoh dia bertelur atau pun dia bertelur hingga dia menjadi anak nyamuk, dia mengambil masa tujuh hari. Jadi *fogging* yang dilakukan adalah lebih daripada tujuh hari bermakna dia tempohnya terlampau lama. Jadi ini telah menyebabkan kes-kes denggi meningkat. Dan seterusnya penemuan kita juga, kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai dasar khusus berkaitan dengan denggi dan bergantung pada dasar yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. Jadi kita hanya mengikut apa yang telah dikemukakan atau pun telah digubal oleh Kementerian Kesihatan, dia tidak ada dasar di peringkat Kerajaan Negeri. Mungkin berlainan di peringkat negeri tapi itu tidak ada.

Seterusnya Jawatankuasa dapati Jabatan Kesihatan Negeri Selangor tidak meminta apa-apa peruntukan daripada kerajaan Negeri Selangor. PKD hanya menunggu peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, jadi mereka tidak membuat apa-apa permohonan. Jadi kalau mengikut yang dilaporkan jadi peruntukan itu datang mengambil masa untuk turun ke negeri. Seterusnya jawatankuasa juga dapati tiada kajian menyeluruh dilakukan untuk mengenal pasti pecahan peratus atau pun *breakdown* dan *percentage* punca wabak denggi di Negeri Selangor walaupun keadaan yang membimbangkan ini berlarutan dan seperti mana yang disebutkan lebih awal jadi walaupun disenaraikan punca-punca berlakunya pembiakan nyamuk aedes tetapi tidak ada statistik dan pecahan peratusan berapa yang lebih menyumbang kepada pembiakan nyamuk aedes tersebut.

Menurut Y.B. EXCO isu wabak denggi yang serius ini belum lagi dibawa atau pun dikemukakan di dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri jadi kita jawatankuasa berharap perkara ini dilihat dengan lebih serius dibawa perbincangannya di dalam MMKN agar ia mendapat perhatian penuh daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Seterusnya jawatankuasa juga dapati walaupun wabak denggi semakin meningkat tindakan penguatkuasaan iaitu pengeluaran saman, tidak bertambah dan ini tidak menggambarkan sebenarnya keadaan yang dikatakan serius tetapi saman jumlah saman masih rendah kalau kita buat kiraan dan begitu juga kesalahan yang berulang atau pun ialah kesalahan yang berulang itu tidak dikenakan tindakan yang lebih

keras bagi memberi *message* bahawa mereka perlu buat sesuatu supaya tidak dikenakan tindakan yang lebih teruk.

Seterusnya jawatankuasa juga dapati walaupun ada sekolah-sekolah yang mempunyai tempat pembiakan nyamuk yang tinggi tapi tidak ada satu pun sebenarnya satu sekolah yang diarah tutup dan dibersihkan jadi ini juga tidak menggambarkan serius tindakan serius atau pun sikap serius kita menangani wabak denggi ini. Dengan itu, Jawatankuasa Pilihan SELCAT mengemukakan beberapa saranan supaya isu wabak denggi dapat diatasi kerana ia telah pun meragut nyawa kesan yang terburuk adalah ia meragut nyawa warga Negeri Selangor dan kita perlu melihat ini sebagai satu amaran *message* atau pun *alarm to who's the state* dengan izin untuk mencari jalan bagaimana kita boleh memperbaiki situasi ini ataupun mencari pendekatan yang berbeza daripada apa yang kita telah laksanakan jadi dengan itu jawatankuasa menyarankan supaya diadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Kesihatan walaupun kita tidak ada kuasa di sini untuk memaksa Kementerian Kesihatan untuk memanggil pihak Kerajaan Negeri berbincang bagaimana untuk menangani isu denggi ini, tapi kita minta supaya Jawatankuasa Tetap Kesihatan menjemput pihak menteri untuk duduk berbincang bersama-sama dengan negeri mencari jalan penyelesaian terbaik bagi kita menangani isu denggi ini.

Seterusnya kita juga mencadangkan supaya semua kontrak pembersihan di padang awam dan longkang mesti dipinda jadual kekerapannya. Jadi ini membolehkan kerja-kerja pembersihan dilakukan setiap minggu dan seperti mana yang saya sebutkan tadi nyamuk aedes dia perlu 7 hari sahaja untuk membiak jadi kerja-kerja pembersihan ini mesti dilakukan lebih kerap untuk menghapuskan telur-telur atau pun jentik-jentik nyamuk tersebut dan saranan kita juga peruntukkan tambahan diberikan kepada PBT untuk mengupah kakitangan tambahan yang diperlukan bagi melawan denggi. Saya ingin bawakan satu perkara yang kita juga dapati dalam pendengaran awam tersebut di mana pihak MBPJ didapati telah berjaya mengurangkan kes denggi sebanyak sembilan peratus berbanding tahun 2014 disebabkan penumpuan khusus diberikan oleh kumpulan khas, sebuah kumpulan khas telah diwujudkan untuk pergi membersihkan kawasan dan juga mengawal kawasan-kawasan seperti sekolah dan kawasan komersial jadi dia telah menunjukkan penurunan sebanyak sembilan peratus dan ini memerlukan sebenarnya memerlukan kakitangan tambahan bagi melakukan kerja tersebut jadi jawatankuasa sarankan supaya mengupah kakitangan tambahan bagi menangani kawasan-kawasan yang tinggi dari segi insiden kes denggi ini.

Dan jawatankuasa juga mencadangkan supaya PBT segera membeli peralatan mikroskop mudah alih untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan *on the spot* iaitu mengenal pasti sama ada jentik-jentik yang ditemui di tapak adalah jentik-jentik daripada nyamuk aedes. Sebab selagi tidak dapat dikenal pasti maka kompaun tidak dapat dikeluarkan jadi apa yang sedang berlaku atau pun sedia berlaku adalah jentik-jentik ini dihantar ke makmal untuk dikenal pasti menggunakan mikroskop di

makmal dan selepas itu baru dikeluarkan surat kompaun kepada pihak yang telah melanggar peraturan ini kerana membaiki nyamuk aedes jadi kita lihat bila ada tempoh masa untuk mengeluarkan saman ini agak panjang jadi mungkin ini memberi *message* kepada pihak awam maka keadaan tidak begitu serius jadi kita menyarankan supaya peralatan seperti mikroskop mudah alih ini di perolehi bagi mengenal pasti *on the spot* di tapak dan terus dikeluarkan saman kepada pihak yang telah melanggar peraturan.

Seterusnya jawatankuasa juga mencadangkan supaya Unit Khas Anti Denggi diwujudkan di dalam PBT seperti mana yang saya sebut tadi apa yang berlaku di MBPJ ini telah berjaya menurunkan sembilan peratus insiden kes denggi dan kita juga minta supaya nilai saman yang dikeluarkan bagi pesalah yang berulang atau pun kesalahan yang berulang itu ditingkatkan jadi ini supaya mencegah pihak yang telah sebelum ini membuat kesalahan untuk mengambil tindakan segera memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk. PBT harus juga memastikan bahawa Jabatan OSC dan Jabatan Bangunan meluluskan pelan bangunan yang bersifat *Dengue Free* sebab ada di dapati reka bentuk bangunan yang menakung air jadi ini juga bermasalah kerana pemilik bangunan mungkin tidak menyedari bahawa bangunan yang mereka duduki telah pun menjadi tempat pembiakan nyamuk jadi ini juga tugas Jabatan OSC dan Jabatan Bangunan bagi memastikan reka bentuk yang diluluskan yang telah mendapat kebenaran merancang tidak sebenarnya menjadi tempat pembiakan nyamuk dan akhir sekali tapak pembinaan hendaklah dipantau dengan lebih kerap dan oleh pihak PBT dan arahan pemberhentian kerja *stop work order* harus diberikan sekiranya terdapat tempat pembiakan nyamuk aedes.

Dan jawatankuasa ini juga berpendapat walaupun peruntukan telah diberikan dan usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan Negeri masih tidak memadai kita perlu melihatkan perkara ini dengan lebih serius dan lebih terbuka kerana pendekatan yang kita gunakan selama ini mungkin tidak meninggalkan kesannya yang diharapkan kenaikan kes denggi masih berlaku di kawasan-kawasan yang diduduki oleh awam dan juga kawasan-kawasan komersial. Oleh itu, jawatankuasa ini berharap saranan-saranan yang telah dikemukakan ini akan mendapat perhatian segera dan tidak menunggu untuk sidang yang akan datang untuk memberi jawapan atau pun maklum balas jadi akhir sekali saya mencadangkan supaya usul ini diterima. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Speaker saya menyokong usul yang dibawa oleh Taman Medan. Saya nak bangkitkan sebab beberapa perkara sahaja di sini yang Tuan Speaker, sebab banyak sasaran telah pun utamakan oleh Taman Medan satu-satunya saya ingat kita di negeri kena mulakan mengadakan fikiran yang lain untuk atasi masalah denggi di dalam negeri kita. Dengan izin *thinking out of the box* dengan izin tidaklah lagi kita

nak buat ulang kali yang kita telah lakukan beberapa tahun ini tetapi kematian mangsa-mangsa denggi ini meningkat dan kes-kes pun meningkat di dalam Negeri Selangor. Contohnya saya nak bagi di Singapura walaupun tak berapa minat untuk ambil contoh dari Singapura tetapi Singapura jiran kita pun ada masalah denggi apa yang mereka telah buat ialah contohnya di sini bila kita nak masuk sebuah kediaman atau pun nak masuk sebuah tempat yang kita tahu wabak denggi itu tinggi di dalam kawasan itu kita tangan kita terikat sebab undang-undang ada yang sekarang tidak berikan kita kuasa untuk masuk kawasan kita nak tunggu polis datang kita kena tunggu penguat kuasa datang dan akhirnya sekali tabligh masuk dah kita tak boleh buat apa-apa pun, tetapi dalam negeri Singapura apa mereka telah buat ialah di bawah satu jawatan yang dipanggil (NEI) *National Environmental Institution* itu dia bagi kuasa kepada badan ini untuk dia boleh masukkan dalam satu-satu kawasan untuk bila dia tahu kawasan itu ada denggi dan dia masuk so begitulah kita di dalam negeri pun kena *think* macam mana kita boleh atasi masalah bawa kepada dewan undang baru dan sebagainya ini perlu dua-dua EXCO untuk PBT dengan EXCO Kesihatan dan juga jabatan Menteri Besar kena duduk dan fikir macam mana kita nak atasi masalah ini. Sekarang ini adalah satu epidemik di dalam Negeri Selangor kalau saya boleh katakan dan kita tidak boleh katakan isunya ialah sampah sahaja atau pun isunya orang tidak berapa faham tentang memang orang di Selangor tak faham tentang denggi kalau dia faham tentang faham dia tidak akan buang sampah di rata-rata di kawasan rumah-rumah mereka dan sebagainya tetapi saya ingat ini ialah caranya untuk kita menukar fikiran mereka dan ada beberapa cadangan yang telah bahawa satunya sekarang kita di dalam *Program Smart Selangor* kita ada Bas Percuma bolehlah kita di dalam bas-bas percuma kita tayangkan video tentang isu denggi dan macam mana atasi masalah ini bersama-sama di dalam Bas Smart Selangor ada orang-orang asing banyak yang gunakan so kita boleh *educate* mereka atas isu denggi di dalam Negeri Selangor dan lagi satu kita mesti ada, itu lebih kuat untuk kita digunakan di dalam Negeri Selangor atas orang-orang yang sentiasa tidak ikuti undang-undang di dalam Negeri Selangor. Penguatkuasaan isu ini penting untuk kita atasi masalah ini so saya minta kerjasama di antara EXCO PBT dengan EXCO Kesihatan bersama dengan pegawai kesihatan Daerah atau puan Pegawai Kesihatan Negeri untuk duduk bersama-sama bawa lah beberapa cadangan yang kita telah adakan di dalam sasaran di dalam SELCAT selepas pendengarannya tetapi malangnya bila kita ada pendengaran ini kita nampak bekerjasama di antara tiga-tiga jawatankuasa ini bukan tepatnya *its not unifying for* yang ada masing-masing buat kerja masing-masing beritahu sama satu sama lain tetapi masih meningkatkan denggi teruskan di dalam Negeri Selangor so saya ingat kita kena ambil tindakan yang serius kita kena meningkat perbelanjaan kepada PBT-PBT semua pegawai-pegawai PBT yang datang untuk pendengaran SELCAT beritahu dengan kita bahawa tak cukup tenaga kerja di dalam jabatannya tak cukup alat-alat yang mereka kena bawa sebab beberapa PBT tidak diberi *priority* kepada isu denggi di dalam bajet mereka masing-masing.

Ini telah dibangkitkan kepada kita dan saya ingat saya minta Kerajaan Negeri untuk adakan mesyuarat dengan jawatankuasa-jawatankuasa kesihatan ataupun mana-mana jawatankuasa di dalam PBT untuk tanya mereka apa yang kehendak mereka untuk atasi masalah atau tidak dalam tempoh enam bulan yang akan datang saya ingat Kerajaan Negeri kena bagi peruntukan yang lebih dan kita bagi *priority* untuk lebih ramai turun bawa untuk buat sesuatu untuk atasi masalah denggi di dalam Negeri Selangor. Ini, *if you don't have the heart in the right place, you* tidak boleh atasi masalah ini di dalam Negeri Selangor. Dengan perbelanjaan sahaja kita akan atasi masalah, dengan cukup tenaga kerja kita akan atasi masalah. So, ambillah isu ini sebagai satu isu serius di dalam negeri dan saya harap ya, kerajaan akan adakan satu tindakan sewajarnya untuk atasi masalah denggi di dalam Negeri Selangor. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan. 10 minit seorang. Sekinchan dulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan juga ingin turut serta dalam perbahasan laporan Jawatankuasa SELCAT mengenai menyiasat punca penyebaran penyakit denggi. Kecekapan pengurusan, pelaksanaan di PBT, pembanterasan dan perbelanjaan dana dalam usaha untuk menangani wabak denggi Negeri Selangor. Sebelum saya teruskan perbahasan saya Tuan Speaker, oleh sebab ada gangguan-gangguan daripada mikrofon ini saya cadangkan selepas.. (Ahli dewan ketawa) saya cadangkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang bijaksana, kalau gangguan seperti ini diteruskan selepas makan tengah hari, saya akan usulkan bahawa kontraktor sedemikian dibuang 24 jamlah. Ini satu amaran serius kerana kita tidak boleh tahan ya dalam kita usaha melipat gandakan jenama *Smart Selangor* wujud pula orang yang tak *smart* untuk buat kerja-kerja sedemikian. Orang tak *smart* ya. Saya teruskanlah ya, ini untuk ingatan sahaja ya. Untuk dalam konteks mencegah wabak denggi ini, Selangor ini kita sedia maklumlah 60 lebih, 5 juta lebih penduduk di Negeri Selangor, belum dicampur dengan pekerja-pekerja asing di sana-sini kalau kira-kira bukan 5 juta lah, 7 juta 8 juta lah, kalau tak tambah lagi pekerja-pekerja asing. Selangor ini oleh sebab kepadatan penduduk, jadi masalah timbul kerana tabiat, dari sikap penduduk telah menyebabkan wabak denggi ini menular di sana-sini dan daripada 120,836 kes di seluruh Malaysia, Selangor telah didapati 63,198 kes di mana Menteri Kesihatan mengambil peluang ini menyerang Selangor di TV3 suku dan Utusan Melaya dan media-media yang sewaktu dengannya. Tapi, kita kena tengok pada hakikat. Bukan soal nak serang Selangor dalam konteks, apa nama, merebaknya wabak denggi dan dalam Pendengaran Awam yang dilakukan oleh SELCAT, kita telah mengenal pasti beberapa perkara yang berlaku di mana ada kelemahan yang berlaku, ada kelemahan, tetapi usaha saya nampak, saya nampak usaha telah dijalankan oleh Yang Berhormat EXCO kesihatan dan Kerajaan Negeri untuk terjah dan musnah untuk mengurangkan kes wabak denggi ini. Apa yang kita nampak Tuan Speaker, oleh sebab nyamuk aedes ini dia agak unik. Saya pernah tegaskan dalam dewan

yang mulia ini, nyamuk aedes ini dia agak unik. Dia akan menggigit tidak mengenal bangsa, agama dan kaum. Siapa pangkat, dia tak kisah. Nyamuk ini dia buta warna dia tak macam UMNO dia ada perkauman. Jadi, saya nak tegaskan sekali lagi. Ini penting, ini penting ya. Jadi, jangan kerana saya hari ini saya Menteri Besar, jangan kerana hari ini saya EXCO, jangan kerana hari ini saya orang UMNO, ya, jangan kerana, jangan kerana..contoh lah. Jangan marah Kota Damansara. Jangan kerana saya pangkat tinggi, ya, telah..saya akan kebal daripada gigitan nyamuk. Tidak..tidak..sungguh sekali tidak. Dia akan gigit, akan *cokot kapan-kapan*, dengan izin. Akan gigit bila-bila. Akan gigit bila-bila, kalau dia kena sasaran dua. Damansara pun boleh kena, Sekinchan pun boleh kena..ha..jangan marah. Boleh kena. Walaupun Sekinchan tak ada perkauman, Damansara perkauman, dia macam itu lah. Apalah. Kebetulan..

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Nak mencelah sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Mencelah pula ya. Ok lah. Bagi sikit.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Tak ada lah. Dia tadi, soalnya nyamuk ni tak kenal siapa-siapa kan? Dia boleh mencari mangsa di mana-mana. Siapa-siapa boleh menjadi mangsa. Dia tak kisahlah UMNO ke, DAP ke, PKR ke, PAS ke tetapi kalau di Kota Damansara rata-rata yang kena gigit ni semua orang DAP. (Ahli dewan ketawa).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker. Dia kalau nak gigit orang DAP saya tak kisahlah ya, sebab saya tak ada statistik. Dalam Pendengaran Awam pun ya, yang dikendalikan oleh SELCAT pun tak ada Kementerian Kesihatan mengemukakan butiran mengatakan orang DAP yang kena gigit. Saya rasa orang UMNO pun kena ramai juga lah tapi soal itu tak kisahlah siapa-siapa pun yang kena *cokot*, gigit ya, dengan izin. Dalam konteks ini seperti apa yang ditegaskan oleh pembawa usul Taman Medan tadi di mana ada Mesyuarat Petugas Khas Denggi peringkat kebangsaan, sebagai contoh di mana EXCO Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Sementa yang bertanggungjawab untuk soal-soal pencegahan denggi dan sebagainya dari segi soal kesihatan. Beliau tidak dijemput. Tidak dijemput untuk bersama di dalam jawatankuasa tersebut. Dalam mesyuarat tersebut. Kenapa? Kenapa? Inilah yang dalam Pendengaran Awam yang SELCAT nampak ada kelemahan di sini. Dalam konteks kita nak mencegah, musnah wabak denggi ini, jangan timbul soal politik. Jangan ambil kepentingan politik ini untuk haa, ini pasal kerajaan negeri daripada yang berlainan kerajaan, fahaman maka kita tak jemput untuk menyelesaikan masalah denggi. Jangan. Sebab dia gigit siapa-siapa jadi kita kena perbaiki kelemahan ini. Saya minta Kementerian Kesihatan di peringkat

Putrajaya kena juga ambil maklum supaya jemput Yang Berhormat EXCO supaya pelan-pelan di Negeri Selangor dapat diselaraskan di peringkat Kementerian Kesihatan. Baru lah ada wujud keberkesanan yang dapat kita musnah dan terjah dan kurangkan kes wabak denggi. Pada masa yang sama, EXCO Kesihatan tidak dijemput pada masa yang sama, ada lagi satu mesyuarat, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan..Tindakan Kawalan Denggi Negeri. Satu lagi perkara yang kita nampak kelemahan yang jawatankuasa temui ialah EXCO yang bertanggungjawab kepada PBT, 12 PBT, Seri Kembangan tidak dijemput untuk jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Negeri Selangor. Ini juga satu kelemahan. Kita perlu perbaiki sebab PBT ini mengawal soal sampah, kebersihan dan sebagainya. Tanpa sokongan daripada jentera di peringkat PBT saya yakin enggak bisa, tidak boleh menyelesaikan masalah. Jadi, kekuatan PBT itu harus dimobilasi, dipergunakan dengan sebaik mungkin. Jadi, pihak Sementa, Yang Berhormat Sementa, EXCO Kesihatan saya mahu nampak perkara ini selepas saranan daripada SELCAT ini ada penambahbaik pada tahun akan datang. Saya yakin, kalau ada penambahbaik, tahun 2016 ini, kes-kes akan dapat dikawal dan dikurangkan. Ini penting untuk kita melaksanakan kebaikan untuk rakyat di bawah ya, rakyat di bawah. Mereka tidak tahu sama ada EXCO mana dijemput atau tidak. Mereka mahu, kenapa kes banyak sangat. Ini yang menjadi satu sebaran negatif di televisyen dan sebagainya dan tadi juga seperti pembawa usul juga menyatakan selepas kita adakan pendengaran SELCAT, Pendengaran Awam SELCAT ini di mana kita nampak, kita teliti ada perkara yang kita terkhalaf iaitu jarang diadakan operasi oleh PBT ke tapak-tapak binaan. Adapun jarang. Jarang sangat. Lepas pendengaran PBT .. ooh, kita nampak di surat khabar, tiba-tiba hari kedua, hari ketiga, waah kita nampak operasi besar-besaran oleh MBSA ke tapak-tapak binaan di seluruh Shah Alam di seluruh Shah Alam baru lah kita nampak banyak tapak binaan disita, arahan berhenti kerja dilakukan. Tengok, begitu cekap sekali selepas pendengaran SELCAT. Maknanya peranan SELCAT itu penting untuk *check and balance*. Kalau tidak PBT ini seolah-olah sambil lewa dalam perkara ini. Saya syorkan dalam konteks ini, PBT kena ada satu *task force* denggi yang khusus di setiap PBT setiap minggu *round* semua tapak pembinaan di kawasan masing-masing. Mana-mana yang ada takungan air dan sebagainya, saman. *Stop order*, jangan bagi muka sama ada syarikat dia besar, kecil, ke syarikat lama dia ICT ke, nama dia apa-apa syarikat lah. Kita saman. Sebab denggi. Denggi, ya. Dia tak kira syarikat mana. Dia gigit juga. Jadi, saya minta kekerapan daripada operasi oleh PBT ini bagi tapak-tapak pembinaan ini cukup penting ya.

Seterusnya, saya juga ingin menyentuhlah tentang sikap masyarakat..haa.. daripada banyak peruntukan dari Yang Berhormat Andalus yang menyokong usul dia kata peruntukan kena banyak. Betul, peruntukan perlu ditingkatkan untuk kempen-kempen dan sebagainya. Tapi belum cukup sekadar meningkatkan peruntukan. Meru sudah tentu setuju ke tidak? Peruntukan lebih kalau tidak digunakan dengan baik Meru? (bahasa jawa) dengan izin, sama saja. Ya, yang pentingnya kesedaran sikap masyarakat terhadap bahayanya wabak denggi ini. Kalau masyarakat masing-

masing mengambil sikap pentingkan diri sendiri..haaa.. 'itu kes orang lain. Dia tidak akan kena pada saya. Keluarga saya tidak akan terjejas.' Kalau masing-masing punya pemikiran sedemikian, maka kempen untuk cegah dan musnah wabak denggi ini tidak dapat, tidak berjaya. Tidak berjaya, dia akan berkembang, kalau masyarakat dapat dididik, diasuh, diserahkan tentang peri pentingnya wabak denggi ini akan gigit keluarga kita, anggota keluarga kita, bila-bila masa, *kapan-kapan* haa, baru lah mereka ada kesedaran. Ha, jadi saya minta pihak EXCO Kesihatan kita akan datang kena tumpukan lebih soal pendidikan, ya. Kempen, taklimat, kursus khas dari kampung ke kampung untuk kesedaran masyarakat. Saya nak minta masyarakat di seluruh Negeri Selangor dan Malaysia ini ambil penting terhadap bahayanya wabak denggi ini merebak. Jangan kerana dia gigit, dia gigit siapa pun kita simpati. Jangan. Jangan kerana dia gigit jiran kita, nyamuk aedes gigit jiran kita, tak kena pada keluarga kita, kita rasa ooh, alamak kita ambil simpati sikit tapi tidak terasa apa-apa. Kalau satu hari tergigit keluarga kita dan dia meninggal dunia kalau dikatakan meninggal dunia kes itu bagaimana? Kita kehilangan orang yang tersayang, anak yang tersayang, isteri yang tersayang, seluruh anggota yang tersayang. Jangan, jadi, kita nak cegah perkara ini dari berlaku. Sikap kerjasama masyarakat setempat, cukup penting. Pada masa yang sama, dalam laporan saranan pihak Jawatankuasa SELCAT saya nampak juga satu elemen yang cukup penting iaitu bukan sahaja sikap masyarakat, peranan Ketua Kampung, Ketua Komuniti, Ketua Masyarakat, JKKK, Ahli Majlis di setiap taman, di setiap kampung cukup penting. Apabila berlakunya wabak-wabak tertentu di kawasan tersebut, kempen gotong-royong, kempen kebersihan yang dijalankan oleh PKD, pihak pegawai kesihatan, daerah dan sebagainya dan PBT tidak cukup kalau Ketua Kampung tidak mengetuainya. Ketua Kampung tidak memberi kerjasama, Ahli Majlis tidak memberi kerjasama, belum cukup, kerana kita ada kekangan undang-undang. Kita nak masuk..PKD nak masuk rumah dan sebagainya agak sukar kerana rumah itu tutup. Tetapi kalau Ketua Kampung bantu, Ahli Majlis bantu, Ketua Masyarakat bantu, ketuailah satu persatu rumah, semua kita terjah dan musnah di mana ada takungan air, ada kebersihan dan sebagainya boleh dikurangkan dan boleh diberi bersih dan sebagainya, saya yakin perkara ini lebih mujarab ya, lebih berkesan untuk mencegah wabak denggi daripada merebak. Merebak ini cukup penting kalau tidak perkara ini akan terus berlaku. Jadi, saya nampak setiap penduduk perlu memainkan peranan tanggungjawab masing-masing. Dan juga pastikan rumah halaman kita, rumah kita yang kita duduki ya, di flat, di kampung, di kawasan banglo, mana-mana pun, teres, pastikan rumah halaman keliling kita mesti diawasi. Diawasi setiap minggu, setiap hari supaya tidak kotor, tidak ada sampah longgokan dan tidak ada air takungan. Pastikan itu kerja rutin harian ya. Pastikan kita sama-sama mainkan peranan ini semua penduduk. Kalau kita mainkan peranan ini saya yakin, bersama dengan kempen usaha yang dijalankan oleh pihak EXCO Kesihatan, PBT, kerajaan negeri, penduduk dan sebagainya, saya yakin masalah menularnya berleluasanya wabak denggi di Negeri Selangor dapat dikawal dan seterusnya dikurangkan. Maka dengan itu, saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Speaker.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul ini dan akan memberi fokus penyata muka surat 12J Jabatan Kesihatan Negeri Selangor seharusnya mempertimbangkan kaedah lain untuk mengawal denggi seperti *fogging* peningkatan penggunaan *ovitrap*, *strategic mapping* atau vaksin bukan hanya tertumpu pada *source reduction*. Ketika diadakan satu pendengaran terbuka dipaparkan beberapa perkara yang telah diambil sebagai langkah tindakan dan saya bertanya pada Timbalan Pengarah pada masa itu adakah perancangan strategik diadakan setiap tahun berkala maka jawapannya ya. Adakah di lakukan cara *inhouse* ataupun *consultant* jawapannya *inhouse*. Jadi maknanya perkara ini adalah satu *practice* satu amalan yang baik dilaksanakan di Jabatan Kesihatan tetapi kalau kita lihat sesuatu misi tidak menepati keperluan yang diwujudkan dengan izin sekiranya kita mengulang sesuatu perkara *if we repeat process and the process produce the same result and it's failure* maka *there must be something wrong with our process*. Ini satu perkara yang ingin saya ingatkan bahawa dulu contohnya kita bercakap tentang isunya buka *fogging* tetapi penduduk bila ada masalah denggi hendak *fogging*, jadi *fogging* merupakan fungsi pada PR dengan izin *public relation*. Nak menenangkan hati orang tapi tidak efektif katanya. Masalahnya adalah jenti-jentik, kemudiannya jentik-jentik itu di *address* dengan izin dengan pastikan tidak ada air bertakung kemudian *later on* dikenal pasti masalahnya ada telur walaupun air tidak bertakung tapi air yang sudah dikeringkan dari satu bekas takungan itu ada telur-telur yang melekat. *We are talking about 3* perkara yang ini pada hari ini saya dinyatakan kena buat tiga-tiga iaitu *fogging* pun kena buat buang tempat air bertakung pun buat *abate* di laksanakan dan cuci bersihkan. Jadi *we have 1* perkara yang saya ingin bangkitkan *we have not a learning problem, we dont have learning problem* tapi kita mempunyai *1 unlearning problem*. Macam mana kita nak *unlearn* dengan izin, benda – benda yang kita dah *assume* sebagai satu norma yang telah kita jadikan *1 brochure*, jadi poster, jadi kempen yang kita dah *stuck to believe* untuk percaya bahawa itulah satu proses untuk kita mendidik mengajar penduduk dan rakyat tentang proses menangani denggi. Saya ingin mengambil *1* pendekatan yang di nyatakan oleh Peter Senge seorang profesor dari *Massachusetts University* iaitu *The Fifth Discipline* dalam *The Fifth Discipline* ini asas yang pentingnya adalah *system thinking* pemikiran *systemic* di mana kita melihat perkara-perkara penting itu asasnya adalah kita mengkritik *1* norma yang kita amalkan iaitu kita *willing to unlearn*, kita *wiling* untuk merungkai apa yang kita belajar dan *willing relearn* untuk belajar benda yang baru. Saya rasa, saya sebagai Adun di kawasan saya kita kempen benda yang sama dah *7* tahun *8* tahun kadang berulang di tempat yang sama di suasana yang sama sebab yang sama kadang – kadang keluarga yang sama penyakit denggi. *There must be something wrong* dengan izin kita punya *learning problem, is not learning problem* bukan kita kempin bukan kita nak didik tapi kita nak *unlearn* ada kemungkinan *by this time* dengan izin kita sudah

melahirkan *expert* dalam Kementerian Malaysia kini di Selangor kita ada pakar yang tau *real behavior* kelakuan tingkah laku perangai nyamuk-nyamuk aedes dan hingga kita boleh *address* dengan betul. Jadi saya ingin menyeru satu strategi kita perlu gunakan ialah pendekatan biasa yang digunakan sebagai *solve system methodology* dengan izin. Pendekatan yang bukan menangani denggi sebagai satu *problem* tetapi menangani denggi satu *situation* dengan izin bukan menangani *problem* kita nampak sebagai *hard, hard problem* satu yang maknanya yang *tangible* yang nyata yang begitu *address* tapi kita berdepan dengan *solve system* yang mananya benda itu *fluiding* yang memerlukan satu *effort* yang lebih banyak dalam *unlearning what we have learnt what we have embraced* sebelum ini dengan izin untuk kita memahami apakah perubahan-perubahan yang berlaku pada hari ini. Dengan itu saya mencadangkan agar EXCO membaca Buku *The Fifth Discipline* Peter Senge dan cuba mendekati pendekatan- pendekatan *solve system methodology* yang mengajak kita melihat *problem* bukan *something to be solve* tapi *problem actual situation* yang perlu kita *handle* dan *address*. Dengan ini saya menyokong usul ini akan diterima.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Pelabuhan Klang.

Y.B. TAN SRI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Terima kasih Tuan Speaker, sebenarnya saya tidak terfikir untuk menyertainya tetapi oleh kerana saya ada masa sedikit saya membacakan tentang bagaimana Ebola dan Zika telah dapat dikawal dalam satu keadaan yang begitu membahayakan oleh sebab itu keadaan ini boleh kita katakan aedes ini dan adalah penyakit yang kita bincangkan ini tidak sehebat itu tetapi teknik dan tatacara yang telah di buat sehinggakan dapat menghapuskan perkara itu boleh dilakukan oleh sebab itu salah satu daripada usaha kerajaan negeri tidak payah menunggu kerajaan pusat ataupun satu pihak *non government organization* menjemput pakar daripada WHO untuk jadikan Negeri Selangor sebagai satu *test case* untuk menyelesaikan denggi ini. Jadi tatacara yang dibuat oleh mereka sekarang sudah banyak pakar-pakar terutama dari kumpulan *nursing institute* dia ada *mapping* jadi komputer kita akan *map the hold area* yang sebenarnya kita tahu denggi ini ialah *urban fenomena* bukan di kampung *this urban is more the chances is urban* dia berlaku oleh sebab itu kita buat satu *mapping* untuk Negeri Selangor memang boleh sebab semua kita ada dah *mapping* dan kita boleh *computerized* dan masukkan dalam *even smartfon* jadi boleh kita lakukan dan itu terus dapat kita *identify* tiap-tiap hari kita boleh *trace* keadaan tersebut dan barulah kita boleh jadi kalau itu boleh kita lakukan itu satu perkara *identification*. Kedua saya juga melihat ini perkara kedua sedang *vaccine* belum didapati jadi tapi mengikut beberapa kajian yang telah dibuat di *Northern Queensland* dan juga kena denggi juga ada dekat *Papua New Guinea*. Kalau sapa dapat *vaccine* ini dia akan menjadi satu *business* yang sangat besar. Walau bagaimanapun saya nak cadangkan beberapa kajian yang telah dibuat universiti perdana *the formal agriculture university* juga telah dapati bahawa ketam dan pucuk betik *has got potent impact on the*

defensive on apa yang dikatakan denggi. Jadi kita boleh *test* doktor-doktor kita ada, Doktor Halimah semua boleh *test*, *test beginning* saya nak bagi cadangan bila kita tahu satu kawasan itu dah ada kena denggi kita buat kenduri kampung yang sup ketam dan *this is very serious* dan kita boleh buat kajian. *If becomes very important effect* kita dah ada *the case* tadi *for that*. Jadi kita buat dan kita tengok sebab kita dah ada *mapping* kita boleh tengok sama ada apa yang menjadi itu semua sebab kita cadangkan *think out of box*, kita tengok macam di Ebola itu pun dia kena buat *mapping* lagi itu dia *mapping* dan orang pula tidak boleh pegang satu sama lain lagi teruk. Jadi kita buat itu dengan cara itu kita dah ada sistem yang boleh kenduri kampung untuk ketua kampung kita kena bersihkan ketua blok kita kena bersihkan di samping membagi dia *test* itu. Jadi kalau kita *test* itu kita dapati boleh insentif vaksin kita boleh teruskan dan kita pula ada 1 idea 1 ialah kita ada sistem kedua ada juga buat 1 perkara yang akan menyelesaikan masalah masa depan lagi. Jadi akhirnya yang perkara ketiga jadi konsep bersih itu yang paling penting jadi tapi itu bukan boleh di buat 1 hari setahun jadi oleh sebab itu saya katakan kita fikir tentang konsep *mapping* yang saya tengok ada dibuat tapi tidak ada *clear* sebab di dalam saya tengok di yang di dikeluarkan oleh tiap-tiap plan dia semua jadi *mapping* untuk MPPJ *mapping* untuk MPSA saya ingat Sabak Bernam kurang sikit jadi sebab dia tapi untuk itu boleh kita lakukan kedua kita juga teruskan usaha perbincangan apa semua tapi kita boleh jemput universiti dengan kita punya untuk buat kajian minuman sup dipanggil sup betik dan ketam ataupun daripada kajian yang di buat bukan ketam yang sebenarnya yang paling *important* ialah belangkas tapi dah tidak ada belangkas. Itu yang paling *important* jadi saya bukan nak membuat negeri jadi dalam farmaseutikal tapi untuk *solution* rakyat juga nak tahu *solution* yang boleh kita ketengahkan kepada mereka. Jadi itulah pandangan saya.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker, Kinrara ingin turut serta dalam perbahasan penyata SELCAT berkenaan wabak denggi di Negeri Selangor. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Selangor seharusnya bekerja sama dengan Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan lagi penguatkuasa terhadap premis persendirian *commercial* dan tapak pembinaan yang membiar premis menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes dengan memberi kompaun hukuman denda tertinggi atau memberi arahan *stop work order* kepada pemaju dan atau kontraktor mengikut Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975 di samping itu kakitangan penguatkuasa perlu ditambah bagi meningkatkan kecekapan proses pemantauan tetapi penambahan anggota penguatkuasa mengambil masa dan proses yang panjang bagi PBT dan juga melibatkan kos yang tinggi saya ingin cadangkan untuk melibatkan sukarelawan dalam proses pemantauan kita boleh menjadikan sukarelawan sebagai penguatkuasa bantuan yang fungsinya lebih kurang sama dengan polis bantuan dengan syarat sukarelawan tersebut mesti menyertai program latihan Penguatkuasaan yang sama dengan anggota Penguatkuasa PBT dimana aktiviti kawalan denggi. Penguatkuasa bantuan

perlu ditemani oleh satu atau dua orang Penguatkuasa PBT setiap kali menjalankan tugas pemantauan. Dengan cara ini PBT dapat mengagihkan penguatkuasa yang terhad kepada kawasan yang lebih luas dan meningkatkan kesedaran penduduk melalui jeram mereka yang dilantik sebagai penguatkuasa bantuan untuk kawalan denggi. Cadangan yang seterusnya adalah menyediakan talian *hotline* khas untuk denggi di setiap PBT supaya orang awam boleh membuat aduan dengan lebih senang dan memberi maklumat tentang tempat pembiakan nyamuk. Saya menyokong saranan Jawatankuasa berkenaan bahan pelbagai, berkenaan bahan pencetak berbagai bahasa seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Tamil dan Bahasa Cina. Tetapi tiga bahasa utama ini masih tidak cukup. Bahasa Bangla dan Bahasa Myanmar juga adalah penting kerana ada begitu ramai pekerja asing Bangla dan Myanmar di Selangor khususnya di Puchong. Tadi EXCO telah jawab menurut Imigresen, rekod Imigresen kita ada lebih kurang 180,000 pekerja asing. Tapi saya percaya yang tidak rekod tu adalah lebih ramai. Jadi, kita perlu ada risalah macam ni kepada semua pelbagai kaum kerana tempat kediaman pekerja asing mungkin juga jadi punca pembiakan nyamuk aedes. Kita perlu meluaskan liputan kepada orang awam berbilang kaum. Saya juga rujuk kepada saranan Jawatankuasa yang menyarankan PBT harus memastikan bahawa Jabatan OSC dan Jabatan Bangunan meluluskan Pelan Bangunan yang bersifat *Dengue Free*. Ini adalah satu saranan yang baik tetapi ia adalah lebih sesuai sekiranya saranan ini dituju kepada arkitek kerana reka bentuk sesebuah bangunan adalah tugas arkitek dan PBT boleh masukkan *Dengue Free Design* di dalam syarat kelulusan.

Tuan Speaker, peruntukan Kerajaan Negeri untuk menangani wabak denggi telah bertambah dari RM1 juta pada tahun 2015 kepada RM1.5 juta pada tahun 2016. Dari statistik jumlah pesakit denggi jelas menunjukkan program-program yang telah dianjurkan sebelum ini adalah kurang berkesan. Sekiranya kita masih berulang program-program yang sama setiap tahun seperti gotong-royong yang hanya melibatkan penduduk yang sama setiap kali, saya yakin jumlah kes denggi tidak akan menurun walaupun peruntukan kewangan bertambah sebanyak 50% dalam tahun 2016. Tidak dinafikan bahawa sikap orang dewasa memang susah berubah. Setiap kali ada ahli keluarga yang dijangkit denggi mereka akan salahkan PBT, kerajaan dan juga ADUN-ADUN. Ini sikap orang dewasa yang memang sukar berubah tetapi kita masih boleh ubah sikap budak-budak kecil. Adakah Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam usaha menggalakkan pendidikan awal supaya murid-murid boleh dijadikan agen perubahan terhadap pencegahan aedes? Bolehkah kita jadikan kawalan denggi sebagai satu program kesedaran yang wajib diadakan setiap minggu kepada semua murid di sekolah? Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru Kementerian Pendidikan mengetepikan politik dan mengizinkan Kerajaan Negeri dan ADUN-ADUN bukan sahaja daripada UMNO tetapi juga ADUN-ADUN dari DAP, PKR, Amanah, PAS dan juga Bebas untuk menganjurkan program-program kesedaran kawalan denggi di setiap sekolah di Negeri Selangor. Marilah kita bersama-sama

untuk menangani masalah wabak denggi. Sekian, Kinrara mohon menyokong penyata ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Speaker membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan wabak denggi di Selangor. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Speaker dan juga rakan-rakan penyata yang telah pun mengadakan penyata yang cukup baik dan lengkap. Hari ini kita membahaskan tentang wabak denggi di Selangor bukan saja kita banyak menjadi juara dari segala segi, juara Piala Malaysia tetapi kita juga menjadi juara, juara sebagai juara penyakit denggi yang tertinggi sekali dalam negara kita. Hampir 50% daripada denggi yang berlaku di negara kita ini datangnya daripada Negeri Selangor. Saya ingin menyatakan di sini melalui pembacaan saya pemerhatian saya melalui penyata yang telah dibentangkan banyak lagi usaha-usaha di peringkat Kerajaan Negeri yang boleh dipertingkatkan untuk kita mengekang wabak denggi ini. Antaranya yang pertama sekali kita mesti meningkatkan terus program-program kesedaran di kalangan masyarakat kita. Hari ini penyebab utama yang berlakunya denggi itu ialah sikap rakyat dan masyarakat kita. Ia mungkin boleh kita fahami bahawasanya Selangor mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi tetapi kita juga tidak nafikan bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi tetapi tidak mempunyai kes denggi yang setinggi Selangor. Jadi, saya berharap supaya kita meningkatkan lagi program-program kesedaran ini, kita meningkatkan lagi program *awareness* melalui media masa, media sosial dan saya juga difahamkan *billboard-billboard* mengenai Anwar Ibrahim ni sudah pun diturunkan dan kita gantikan dengan *billboard-billboard* berkenaan dengan kesedaran tentang wabak denggi ini. Ini perkara yang sangat penting sekali dan saya juga minta supaya Yang Berhormat EXCO Kesihatan bersama-sama Yang Berhormat EXCO PBT supaya menjadikan kes denggi ini, isu denggi ini sebagai KPI utama untuk EXCO-EXCO berkenaan dan kalau boleh Yang Berhormat EXCO janganlah mewakili kepada UPEN ataupun kepada pegawai-pegawai lain untuk mesyuarat denggi di peringkat kebangsaan. EXCO sendiri kena berunding, kena ada inisiatif sendiri untuk berunding dengan Kementerian Kesihatan.

Yang ketiga, yang kedua saya juga ingin menekankan berkenaan dengan penguatkuasaan yang kurang. Ini harus diperingkatkan dari masa ke semasa. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk kita menangani denggi. Saya difahamkan hanya RM1.5 juta diperuntukkan untuk tahun 2015 berbanding dengan RM9.8 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan. Ini perlukan koordinasi yang cukup penting di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri supaya peruntukan yang dibelanjakan itu dapat diuruskan seoptima mungkin. Saya percaya dengan adanya peruntukan yang lebih besar daripada Kerajaan Negeri ianya boleh kita menyelesaikan masalah-masalah seperti kekurangan kakitangan, kekurangan penguatkuasaan, kita juga boleh buat

program-program melibatkan sukarelawan-sukarelawan di peringkat DUN mahupun di peringkat daerah. Dan saya ingin tekankan di sini bahawasanya kalau di peringkat Persekutuan, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri banyak program-program yang telah dianjurkan. Kita juga di peringkat negeri perlukan, perlu ada program-program yang khusus untuk menangani denggi ini. Kalau dikatakan *fogging* itu tidak mencukupi sekarang ni nak beralih kepada *source reduction* dan kita mengharapkan di peringkat negeri ada program-program yang khusus untuk membantu peringkat di Kementerian Kesihatan dan saya berharap dengan adanya kerjasama yang cukup baik di kalangan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri saya bersetuju isu ini kita tidak boleh politikkan, dia tidak kira bangsa, tidak kira warna, saya tak tau tadi di Kota Damansara orang DAP saja yang kena denggi, saya tak dapat maklumat itu tetapi ia harus dilakukan *accross beyond politic*. Dan saya mengharapkan supaya ADUN-ADUN Barisan Nasional juga diberikan peranan. Saya difahamkan ada RM10,000.00 diberikan kepada ADUN-ADUN tetapi ADUN BN ni tak dapat maklumat-maklumat berkenaan. Diberikan kepada ADUN bukan diberikan kepada penyelarasa saya difahamkan. So, ADUN kita ada 56 orang ADUN tidak termasuk penyelarasa dan saya harap kita juga boleh membantu dalam perkara ini. Saya dah nak habis dah Yang Berhormat EXCO.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tak. Nak tanya ni peruntukan. Ya. Saya Tuan Speaker, saya tak faham mengapa Yang Berhormat Dengkil mengadu tentang RM10,000.00 peruntukan untuk denggi kalau ada sebab kita dah peruntukkan RM200,000.00 untuk setiap pembangkang dia tak nak ambil. Satu sen pun tak ambil. Duit RM200,000.00 dia tak ambil dia tak mengadu. RM10,000.00 dia mengadu. Saya nak tanya apa *standard* dia tanya?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Sebab dia dah dicatitkan di sini. Dicatitkan bahawasanya setiap ADUN diberikan RM10,000.00 tetapi RM10,000.00 untuk denggi. Tapi nanti boleh mengelirukan Dewan ini bahawasanya kita ADUN-ADUN BN ni tidak pernah menerima RM10,000.00 untuk program...apa nama..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, kalau RM200,000.00 dia tak nak....

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Macam mana kita nak bagi RM10,000.00?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Yang Berhormat EXCO...

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker, Tuan Speaker.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang banyak dia tak nak, yang sikit dia minta.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya tak faham logik dia kat mana?

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Tuan Speaker, mohon mencelah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Dengkil sebagai orang muda kena ni...kalau nak *argue*, *argue* dengan logik. Dengan *logical*. RM200,000.00 bagi tak nak. RM10,000.00 dia mengadu. Itu saya tak nampak logiknya. Saya rasa hampa dengan Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Okay. Yang Berhormat EXCO boleh duduk.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang banyak saya taruh harapan pada Dengkil.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ada peraturan tetap. *That's why* minta EXCO duduk.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya nak minta...Nanti jap saya jelaskan dengan EXCO dulu. Saya nak minta penjelasan. Ini perlu kita minta penjelasan bahawasanya diterangkan RM10,000.00 diberikan kepada setiap ADUN termasuk jugalah ADUN-ADUN Barisan Nasional. Dia tak sebut nama penyelaras pun. Nanti saya ingin makluman daripada EXCO ataupun Menteri Besar sendiri supaya memberikan saya penjelasan sama ada diberikan kepada ADUN BN RM10,000.00 itu ataupun diberikan kepada penyelaras? Kalau tak beri kepada...

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mohon mencelah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Kami tak da masalah.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mohon mencelah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tak da masalah. Haaa silakan. Nak mencelah lagi?

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Haa...nak mencelah. Ini nak bertanya kepada Sungai Pinang dengan Sekinchan ni, yang apa ni, yang membangkang...

TUAN SPEAKER: Batang Kali, sekarang masa perbahasan Dengkil. Jadi minta penjelasan kena tanya Dengkil.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ya, saya nak minta penjelasan ni Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Daripada Dengkil.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nak minta penjelasan pada Dengkil apakah peranan pembangkang, apa pembangkang pula. Ini Sungai Pinang dengan Sekinchan ni seharusnya menyokong kita punya kemahuan untuk bersama-sama membanteras denggi bukannya menentang kita. Bila kita kata kita nak duit, *you* ada duit, *you* dah pun bajet kan kita duit itu tapi tak mahu bagi kita peluang untuk sama-sama....

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Yang kita ni sebenarnya...

TUAN SPEAKER: Bila merujuk kepada ADUN, kena kata Yang Berhormat bukan *you, you, you* dalam Dewan ya.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Okay, okay. Saya tarik *you* tu. Kedua-dua ADUN tadi sepatutnya memberi kerjasama, menyokong. Bukannya menghentam. Bukannya menidakkan apa ni, Barisan Nasional ataupun ADUN-ADUN daripada Barisan Nasional untuk menabur bakti juga di dalam kes denggi ni. Ini tidak. Hentam, hentam, hentam. Tak mahu bagi. *You* cakap macam-macam katanya. Tak boleh. Tarik balik. Maknanya Sungai Pinang dengan Sekinchan. Haaaa...tak bolehlah bersikap macam tu. Betul ke apa ni?

TUAN SPEAKER: Baiklah. Dengkil bagi penjelasan kepada Batang Kali.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Tuan Speaker, saya dimaklumkan bahawa RM10,000.00 bukan bagi pada ADUN. Dia bagi pada DUN melalui PBT kita. Semak. Semak fakta sebelum cakap.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Dia cakap ADUN. Yang Berhormat EXCO semak ke tak?

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Maksud kita, kita nak bagi peluang ke tidak?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Bagi DUN.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: EXCO boleh semak fakta. Bagi kepada ADUN. Semak fakta.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Jangan tak bagi peluang. Bagi peluang.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Bagi pada ADUN bukan DUN.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Okay.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sila semak fakta ni.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Okay. Baik. Minta okay kah itu?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tak pa, tak pa. EXCO nanti bagi penjelasan. Boleh duduk lah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: RM200,000.00. Ambil, ambil. Ambil dari situ.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ini *flow* saya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ambil dari situ RM200,000.00.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Yang Berhormat Speaker, yang ADUN Sungai Pinang ni nak bagi kami peluang untuk bersama-sama ke tidak?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Kita nak sama-sama...

TUAN SPEAKER: Baiklah, Dengkil habiskan. Batang Kali tolong duduk ya. Dengkil habiskan ucapan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Okay, terima kasih. Saya nak masukkan tadi ucapan Batang Kali tadi sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan saya sokong Batang Kali.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Mana boleh gini.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Jangan *divert*...

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Pakai RM200,000.00, pakai.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Jadi kesimpulannya...

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Pakai RM200,000.00 untuk denggi. Jangan minta RM10,000.00. RM200,000.00

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ini nak bagi kami sama-sama membanteras denggi ke tak mahu ni?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: EXCO nanti gulung lah.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: RM10,000.00 punya hal pun nak bertekak macam tu.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: RM200,000.00 tak nak RM10,000.00 kau bising. Apa ni?

TUAN SPEAKER: Sungai Pinang, tolong duduk.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ni nak bagi kami peluang Untuk sama-sama banteras denggi ataupun tidak?

TUAN SPEAKER: Dengkil habiskan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Okay, okay, okay. Secara kesimpulannya saya nak menyatakan di sini bahawasanya kami ADUN-ADUN Barisan Nasional sama-sama juga dengan ADUN-ADUN di pihak kerajaan, kita sama-sama yakin, kita sama-sama percaya bahawasanya kalau kita boleh memberikan kerjasama yang cukup padu lagi kukuh untuk menyelesaikan masalah denggi ini, kami bersedia memainkan peranan kami di peringkat DUN-DUN. *Insyaa Allah*, saya doakan supaya isu politik ini, isu denggi ini jangan kita politikkan supaya kita...

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Dah tutup dah. Supaya kita bekerjasama di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun di peringkat Kerajaan Negeri kerana kita tahu apa yang lebih penting ialah kita mesti 'Rakyat Kita Dahulukan Pencapaian Kita Utamakan'. *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.*

TUAN SPEAKER: Baiklah. Jam telah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari, maka saya tangguhkan sesi perbahasan sehingga jam 2.30. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: *Assalamualaikum* dan selamat petang. Dewan disambung semula. Saya persilakan Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kg. Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan terhadap penyata ini. Pertama sekali, saya ingin melafazkan pujian dan tahniah setinggi-tingginya kepada Selcat kerana memang penyata ini datang tepat pada waktunya. Yang kedua, perbahasan saya akan ditumpukan kepada satu aspek sahaja. Tapi aspek ini cukup penting iaitu aspek tentang sikap. Yang pertama sikap dan juga yang terakhir sikap juga. Sikap boleh dibahagi kepada tiga (3) iaitu sikap terhadap orang politik dalam isu ini. Kedua, sikap terhadap manusia, iaitu sikap manusia yang *complacent*, yang sambil lewa dan sikap manusia yang mempunyai *misconception*, yang begitu mendalam terhadap isu denggi dan yang ketiga sikap kita terhadap penguatkuasaan. Sikap kita terhadap undang-undang. Pertama sekali, sikap terhadap orang politik dan seperti apa yang kita lihat dalam perbahasan tadi, saya perlu memuji di kalangan ahli-ahliperbahasan mereka itu padat. Memang ada yang menegur, ada yang memuji tetapi tidak pernah berunsurkan politik. Malangnya, apa yang berlaku ialah perbahasan Adun dari Barisan Nasional berbaur politik. Bukan sahaja berbaur politik tapi sekarang dewan bersidang semula, perbahasan kita belum habis tetapi mereka tidak ada di dalam sidang dewan ini. Saya dimaklumkan dalam sidang..dalam masa penangguhan mereka telah mengadakan satu sidang media dan mereka telah membawa berbagai-bagai jenis bentuk cadangan. Saya tak pasti apa cadangan mereka tetapi yang saya pasti haruslah mereka berani tampil ke depan hadir ke dewan bawa cadangan mereka dan saya dan saya difahamkan ada satu cadangan yang mereka bawa itu, mereka hanya berani bawa dalam sidang media sahaja dan bukan dalam dewan yang mulia ini. Jadi, apa guna kita menghadiri..ataupun menghadiri sidang dewan ini. Mereka ialah Adun, mereka lebih cenderung buat *PC*. Kalau nak buat *PC*, pergilah ke Putrajaya buat *PC*. Pergilah Parlimen, pergilah ke mana-mana tempat, tak payah buat di sini. Jadi, ini adalah satu sikap yang saya rasa ada orang yang sengaja menggunakan isu denggi ini untuk mengaut keuntungan politik. Ini perlu ditegur. Sekarang baru masuk.

Jadi, saya mencabar lah kepada ahli-ahli pembangkang supaya dalam isu ini, kita betul-betul profesional. Kita betul-betul berbahas mengikut fakta. Isu tentang politik ini juga, saya ingin sampaikan ingin bawa dari aspek peruntukan Kerajaan Negeri dalam isu ini. Saya telah pun meneliti *recording audio*, pendengaran terbuka itu dan saya terkejut apabila difahamkan oleh Ketua Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bahawa, ataupun Pengarahnya, bahawa dia tidak tahu bahawa kerajaan Selangor ada peruntukan untuk menangani isu denggi ini. Saya berasa ini adalah satu

kenyataan yang cukup malang. Saya tak pasti adakah beliau tidak tahu ataupun terpaksa tidak tahu kerana setahu saya, di setiap mesyuarat tindakan daerah yang juga akan dihadiri oleh pegawai daripada Jabatan Kesihatan dan pegawai Kesihatan Daerah masing-masing. Mereka memberi maklumat, bertukar-tukar fikiran dan juga faham bahawa memang Adun, memang PBT, Pejabat Daerah, ada peruntukan, ada program untuk menjalankan program denggi ini. Tapi, mengapa sampai ke pendengaran awam isu ini pula dikatakan sebagai tidak tahu. Jadi, saya rasa, dan saya sangat berharap bahawa kenyataan ini dibuat hanya semata-mata tekanan politik. Dan saya amat berharap selepas ini kerajaan persekutuan termasuk Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah semua boleh bekerjasama dengan rapat dengan pegawai-pegawai PBT, pegawai-pegawai dari Pusat Khidmat Adun dan sebagainya untuk menangani masalah denggi ini. Ini yang pertama. Kedua Tuan Timbalan Speaker, sikap orang ramai yang sambil lewa terhadap isu denggi. Dan saya ingin membawa isu yang mana kita selalu khilaf tentang denggi. Masalah denggi berlaku bukan kerana sampah itu tidak ada, kerana sampah itu ada, dia tidak semestinya bertelur ataupun menetas dalam air yang kotor. *Misconception* orang ramai ialah, kerana tempat itu kotor. Maka, ia akan menyebabkan denggi. Nyamuk akan bertelur di situ. *Misconception* itu dinyatakan di dalam penyata ini supaya ia perlu diperbetulkan. Nyamuk hanya akan bertelur dalam air yang bertakung dan air yang bertakung itu perlulah bersih. Ini ialah apa yang selalu kita tengok bila kita buat terjah dan musnah, ramai orang mengadu. *This is also a part of unlearn* Hulu Kelang. *Unlearn the lesson* bahawa sekarang ini persekitaran kita ini kotor, maka nyamuk akan suka bertelur di tempat yang kotor. Dan ini akan..merupakan sesuatu yang saya rasa perlu diperbetulkan. Kempen kita perlu ditumpukan kepada aspek ini. Iaitu jangan orang ramai ingat tempat itu bersih, taman saya bersih, ada bunga, ada kehijauan maka tidak ada nyamuk. Saya pernah buat. Ya, silakan Yang Berhormat Sg. Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang Berhormat ya. Tadi Yang Berhormat ada menyebut sikap pembangkang dan saya telah pun dimaklumkan bahawa beberapa orang wakil pembangkang termasuk Sungai Burong telah pun mengadakan sidang akhbar tadi semasa waktu rehat tadi, dan ada mendesak supaya Yang Berhormat Sementa ditukar portfolio sebab gagal dalam menangani masalah denggi ini. Jadi, saya nak minta komen daripada Yang Berhormat Kampung Tunku. Apakah ini sikap yang betul? Sedangkan Sungai Burong tak cakap pun dalam dewan ini, belum cakap dah cakap kat luar dulu dah. Dah mendesak. Adakah itu adil untuk seorang EXCO yang sudah bertungkus lumus untuk menangani masalah denggi ini?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sikap itu adalah sikap yang tidak betul. Sikap ini tidak hormat kepada dewan. Kalau ada pendirian sedemikian, maka dewan ini harus

diberi peluang terlebih dahulu untuk mendengar ucapan itu. Dan supaya, dan juga perlu dititikberatkan EXCO yang berkenaan, pihak kerajaan yang berkenaan diberi peluang untuk membalas. Barulah adil. Tapi yang ini

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Mohon..mohon..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: buat pandai. Berucap di luar..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: buat *PC* terlebih dahulu dan kemudian baru datang ke dewan, tak tau sama ada akan berucap nanti atau tidak..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Sungai Burong minta beri laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, boleh?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada ada *ruling* tak yang mengatakan *PC* ni boleh buat selepas perbahasan atau sebelum perbahasan? Saya rasa kalau ada *ruling* mengatakan mengehendkan bahawa apa ni, *PC* tak boleh dibuat sebelum seorang ahli dewan itu membuat perbahasan, maka itu saya boleh terima. Soal *PC* ya,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya. Saya ..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kita nak mendapatkan penjelasan. Soal *PC* ini ya..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok dah, dah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ok, saya akan menjawab sekarang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Jawapan Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Saya kata kalau menurut *Parliamentary practice* mengikut *practice Commonwealth* kita sepatutnya menitikberatkan dewan yang mulia ini. Apa-apa cadangan, apa-apa pandangan, apa-apa perbahasan bawa ke dewan ini terlebih dahulu sebelum dibawa keluar. Itu adalah *practice* walaupun tidak ada *ruling*, *supposed*, Tuan Timbalan Speaker boleh buat *rolling* kalau perlu, tetapi *practice* ini ialah sesuatu yang kita warisi secara turun temurun dari nenek moyang kita, jadi saya memohon supaya Sungai Burong supaya

perkara ini diberi perhatian. Saya bukan sekadar menegur sahaja, sebelum ini saya pernah menegur. Dulu tentang dasar-dasar ataupun projek-projek persekutuan yang dikatakan disabotaj. Saya cabar di dewan yang mulia ini terlebih dahulu, mana senarai dia? Norma cakap di luar sahaja, seronok dia cakap tapi Adun bila datang ke sini. bila Adun datang ke sini, tak cakap satu pun. Jadi, macam mana kerajaan nak buat maklum balas..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, saya mencelah, boleh mencelah?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kalau tidak ada butiran

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Butiran terperinci daripada Adun?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, saya boleh kemukakan berkenaan butiran projek-projek ..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ok tak apa. Kalau Yang Berhormat..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong. Kampung Tunku tak bagi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak apa. Saya takut masa saya tak berapa banyak. Kalau Yang Berhormat Sungai Burong ada ucapan nak buat, boleh lah berucap dan kita akan tengok macam mana. Cuma saya balik kepada..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh izinkan saya kemukakan ..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya balik kepada isu tentang sikap dan saya ingin membawa beberapa perkara yang seharusnya diberi perhatian kepada perbahasan ini iaitu tentang beberapa hujah daripada pegawai tentang jenis denggi yang kita hadapi itu. Ada disebut pesakit-pesakit di Selangor ini kebanyakannya *Dent 2*, iaitu pesakit yang berulang. Tidak banyak *Dent 1*, *Ada Dent 1*, *Dent 2*, *Dent 3*, *Dent 4*. Jadi, strategi kita, saya menyarankan pada kerajaan supaya fokuskan apakah ciri-ciri pesakit-pesakit *Dent 2* ini. Apakah punca masalah *Dent 2* ini dan kita fokuskan ke arah itu supaya kes wabak denggi boleh turun. Kalau kita merangka program dasar terjah hanya untuk menangani *Dent 1* saja, jadi kesannya tidak akan ke mana kerana kita tidak menangani isu itu pada asasnya. Yang kedua, ada *misconception*, ada Adun yang mengatakan bahawa *I think geographic information mapping* tidak ada di Selangor. Saya rasa ini harus diperbetulkan, memang sudah ada, misalannya saya sudah *download apps i-Denggi*. Dalam Penyata pun ada kata, mujurlah kita sekarang berada di kawasan yang bebas denggi tapi tidak jauh dari Sini Taman Tasik Permai, Taman Tasik Shah Alam penuh dengan denggi. Ada *hotspot* kat situ dan kita boleh tengok daripada apps ini. Dan saya memohon dasar kita sebagai satu

bentuk kolaborasi dengan persekutuan boleh juga dirangka ke arah itu memastikan bahawa isu tentang denggi ini kita menggunakan teknologi walaupun ia dibangunkan oleh persekutuan. Dan saya rasa perkara ini harus dibawa kepada perhatian semua ahli dewan kerana saya rasa ada yang tidak tahu tentang *i-Denggi* ini. Dan, kalau kita tidak tahu kita mencadangkan supaya diadakan *apps* sistem sebegini ruparupanya ia sudah ada. Ketika sikap kita terhadap penguatkuasaan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, masa terhad.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, ya saya tahu tapi saya rasa ini adalah *point* saya yang terakhir. *Malaysian being Malaysian*. Kita suka bayar saman lewat. Lagi bagus kalau bayar saman lewat ada diskaun lagi. Tapi yang bayar awal, dia tak ada diskaun. Tapi dia ikut undang-undang. *And we love to enjoy discount. We love to be nice person*, kerana menjadi orang baik, dia tidak akan menyinggung perasaan orang lain. Jadi, Tuan Timbalan Speaker, penguatkuasaan ini perlu ditekankan. Saya lihat statistik daripada MBPJ tahun 2014, kes banyak. 2014, ke 2015 kes melonjak naik tapi penguatkuasaan dari segi kompaun dan notis turun, merosot. Ini menunjukkan bahawa orang ramai kalau kita kata kita kenakan ada *stick and carrot*. Kalau kita tidak tegas dari segi undang-undang, kalau kita tidak tegas dari segi penguatkuasaan maka masalah denggi ini tidak akan selesai. *And we cannot be nice guy forever, somehow, somehow, we have to be strict on the enforcement*. Orang ramai itu perlu tahu bahawa kamu akan disaman, kamu akan diheret ke mahkamah, maka kamu juga akan dipenjara kalau kamu tak jaga tempat kamu. Saya ambil contoh, ada dikatakan bahawa penguatkuasa tidak ada undang-undang. Itu sebenarnya tidak betul. Mengikut akta, Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, *Destructions of Disease Bearing Insects Act 1975* Seksyen 21 *Obstruction*. Kalau ada orang yang mengganggu, yang tidak buka pintu, itu adalah satu *criminal case*, jenayah yang boleh dihukum dengan penjara. Bukan sahaja denda wang ringgit sahaja tetapi boleh dihukum penjara. Tapi di manakah hukuman itu? Di manakah penguatkuasaan itu? Ini ialah soalan yang saya tanya. Bukan setakat akta sahaja. PBT ada kuasa tak? Ada. Ada Undang-Undang Kecil. Mengapa tidak digunakan? Jadi, ini adalah sikap manusia. Sikap penduduk, sikap pegawai yang tidak berani mengambil apa pun bertindak di bawah sesuatu yang memang mereka memberi kuasa.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Panjang Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Panjang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: *Landing. Landing base.*

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Akhir sekali, ini adalah tentang penguatkuasaan juga. Saya hampir terlupa tapi saya rasa perlu dibawa. Ramai yang suka buat serbuan ke atas tapak pembinaan tapi sedarkah kita bahawa mereka yang

menyalahi undang-undang di bawah akta ini, juga boleh didakwa. Mengapa kerajaan tidak mengheret CEO, Pengarah, syarikat-syarikat pemaju ke mahkamah? Dan sekiranya mereka tahu bahawa kalau syarikat mereka ataupun tapak pembinaan mereka menyalahi undang-undang dalam akta ini dan mereka tahu bahawa ia boleh disabit salah dan pengarah-pengarah syarikat boleh dipenjarakan, Tuan Timbalan Speaker, saya yakin mereka akan bertungkus lumus untuk memastikan tempat mereka bebas daripada larva. Lalat pun mungkin tak ada kerana untuk mereka tiada sesiapa pun yang ingin merengkok di penjara. *Especially* untuk Pengarah, Tan Sri, Puan Sri, Dato', Dato' Seri, tak siapa yang dapat nak buat tu. Malu.

Kedua, *Stop Work Order*. Berapa kerugiannya sehari kalau mereka diarah untuk berhenti bekerja. Ia berjumlah *ranging from* RM100,000.00, *even* RM100 juta bergantung kepada saiz pembangunan.

Jadi saya memohon Kerajaan, PBT, Kerajaan Persekutuan termasuk Pejabat Kesihatan buat tindakan yang sepatutnya selain daripada terjah dan musnah, kita jangan lalaikan tindakan atau pun kuasa pendakwaan. Kuasa Penguatkuasa yang ada pada kita sebagai Kerajaan dan saya memohon EXCO untuk mengambil tindakan yang tegas dalam isu ini. Saya tak pasti Yang Berhormat EXCO ada dijemput untuk hadir dalam mesyuarat yang diadakan oleh Kementerian Kesihatan. Tapi kalau ada, kehadiran EXCO perlu ada. Saya tak pasti sama ada negeri lain dia ada EXCO ke atau pun Pegawai. Tapi sekurang-kurangnya sebagai wakil dari Selangor kita perlu menunjukkan keseriusan kita. EXCO datang, EXCO Negeri datang. Itu menunjukkan Kerajaan itu memandang berat terhadap isu ini. Apa perasaan kita apabila Menteri Kesihatan dia tegur Selangor tak serius. Nanti dia kata EXCO tak hadir. Jadi ini perlu kita berhati-hati. Jangan kita membuka peluang kepada orang yang tidak suka kepada kita untuk mengambil kesempatan politik. Saya memohon perkara ini diberi perhatian serius dan saya memohon ADUN-ADUN yang ada di sini baca laporan ini supaya kita dapat memahami apa yang dicadangkan oleh SELCAT supaya kita tidak buat kesilapan dalam perbahasan. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih, Timbalan Speaker. Batu Tiga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan isu denggi ini tetapi saya tidak akan menyentuh tentang isu-isu yang berkaitan dengan apa yang telah disebut oleh rakan-rakan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa di dalam isu denggi ini saya ingin membawa kepada semua Ahli Dewan di dalam Dewan yang mulia ini untuk melihat atau pun untuk meletakkan satu *mind set* yang agak *fundamental* atau pun asas berkaitan dengan isu denggi ini. Kalau dalam pendekatan dalam Islam

atau pun kalau boleh diguna pakai kepada yang lain-lain. Kita lihat ada satu kaedah iaitu *Maqasid Syariah* yang meletakkan lima (5) keutamaan penting untuk dijaga oleh sesuatu agama itu atau pun dalam Islam itu sendiri. Antara lima (5) perkara itu adalah untuk menjaga :-

- i) Nyawa.
- ii) Harta.
- iii) Keturunan.
- iv) Akal.
- v) Agama.

Jadi apa yang ingin dijaganya adalah untuk mewujudkan satu kebaikan di atas apa juga polisi yang kita buat dan juga kita mesti menolak mana-mana keburukan dan juga mesti menghilangkan kerosakan. Jadi saya bercakap tentang konteks nyawa untuk rakyat di Negeri Selangor ini adalah satu perkara yang besar. Sebab itu saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor, selaku ADUN yang mana kita lihat saya tengok di sudut statistik yang diberi kepada saya oleh Jabatan Kesihatan Daerah Petaling khususnya, kerisauan ini timbul dan *very genuine* di mana bila ada kematian yang kita rasa nyawa seseorang insan di Selangor ini perlu kita *protect*. Sebab itu, saya nak tanya kepada Kerajaan Selangor. Kalau kita bercakap tentang sikap kita, bercakap tentang sikap rakyat tentang isu denggi, saya nak bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor. Apakah sikap Kerajaan Negeri Selangor di dalam menangani isu ini? Apakah isu denggi ini diletakkan, atau di manakah diletakkan isu denggi ini di dalam *list* keutamaan. Maksudnya apakah *list* keutamaan diletak ini terlalu tinggi, makna *priority* atau pun *list* yang agak sederhana atau pun yang *lower* sekali, yang bawah sekali. Sebab kalau sikap Kerajaan Negeri Selangor ini meletakkan isu denggi ini adalah tentang *list* paling utama untuk kita banteras, jadi apa juga perkara yang dinyatakan oleh Ahli Dewan ini, saya rasa pendekatannya akan diberi *priority*. Tidak lagi dalam konteks kita mendengar, mengambil maklum dan akhirnya ianya saban tahun timbul lagi kes yang sama. Jadi oleh itu saya harap kalau ianya adalah isu keutamaan, apalah kiranya Kerajaan Negeri melihat tentang kertas penyata ini muka surat 6, muka surat 7 khususnya yang menyatakan tentang isu-isu yang berkaitan dengan peruntukan khas dan juga isu-isu yang berkaitan dengan penguatkuasaan yang perlu diambil maklum.

Contoh, saya bawa dalam muka surat 6 penyata ini. Kita lihat, di bawah sana ada jadual khas bagaimana peruntukan dan perbelanjaan setiap PBT yang telah diberikan. Jadi saya tak faham. Bila saya baca penyata ini, saya tidak tahu sebenarnya bagaimana, apakah sebenarnya kayu ukur yang digunakan oleh setiap PBT untuk memberikan peruntukan kepada isu berkaitan dengan denggi ini. Kalau kita lihat di sini, contohnya Majlis Perbandaran Klang. Kebetulan Batu Tiga ada sedikit kawasan di dalam Klang, hanya RM35,000.00 diperuntukkan berbanding dengan Shah Alam, Subang Jaya yang *million of dollars*, dengan izin diperuntukkan. Tetapi kalau kita lihat *second lower* di Selangor di antara PBT sedangkan kes-kes

yang berlaku di bawah Klang begitu tinggi, kematian juga banyak. Di Batu Tiga sahaja ada dua (2) kematian daripada denggi berdarah. Jadi saya harap kita kena ada satu kayu ukur yang digunakan, keutamaan tadi mesti betul kalau tak ada keutamaan tadi jadi kita pun tidak akan memberikan kewangan kita diagihkan secara yang tepat.

Jadi itu tentang isu yang saya lihat, pembahagian kewangan ini saya tak faham *paternya* kenapa begini dan kita tidak tahu kenapa peruntukan ini diletakkan. Itu belum lagi ditanya apakah program-program itu dan apakah impaknya di dalam kawasan.

Keduanya, kalau kita lihat penyata di muka surat 7, tentang satu keluhan daripada Majlis Subang Jaya. Sekarang ini saya nak berkata, Timbalan Speaker, Selangor adalah *contribution* atau penyumbang nombor satu di Malaysia. Daerah Petaling adalah penyumbang suku daripada nombor satu itu tadi. Maknanya tinggi. Di dalam daerah Petaling, Subang Jaya nombor satu sebab kematian atau pun minggu epidemik, minggu kesebelas kita lihat angka yang dinyatakan kepada saya 240 kes lagi yang tidak dapat ditangani. Jadi saya nak tanya, kalau ikut di sini Pengarah Kesihatan PBT tidak mempunyai dana untuk mendapatkan jumlah kakitangan yang mencukupi untuk mereka melaksanakan kerja-kerja *fogging* dan sebagainya. Dia kata, MPSJ contohnya kalau dibuat satu *projection*, berapakah sebenarnya keperluan? 300 orang tetapi kita lihat di sini hanya 47 orang kakitangan sahaja disediakan.

Jadi saya nak mencadangkan kepada pihak Kerajaan Selangor supaya tempat-tempat yang kritikal begini kita mesti ada satu peruntukan khas untuk kita pastikan isu ini berlaku. Peruntukan khas ini sama ada kita nak mewujudkan satu *Task Force* yang ianya terdiri daripada sukarelawan atau pun NGO yang khas tetapi ianya lebih cantik, lebih molek kalau kita berikan peruntukan khas ini kepada PBT berkenaan tetapi *full force* itu datang daripada semua jabatan. Maksudnya isu ini bukan Jabatan Kesihatan di bawah PBT sahaja yang menyelesaikan isu ini. Kita mahu semua, kejuruteraannya, tamannya, kita nak bahagian-bahagian yang berkaitan dengan korporatnya untuk turun padang dan pastikan isu ini meluas dan ditangani selama *time frame* yang kita peruntukkan. Jadi di situ baru kita boleh ukur, kekurangan-kekurangan isu-isu denggi yang berlaku ini.

Jadi saya nak mencadangkan selain penguatkuasaan ini tidak akan berlaku impaknya kalau pendekatan yang sama. Jadi cadangan daripada Hulu Kelang, daripada Andalas tadi untuk kita *review* balik, kita melihat semula, apakah pendekatan penguatkuasaan yang baik, yang baru yang patut kita buat supaya rakyat lebih mengambil tanggung jawab untuk sama-sama memastikan perkara ini berlaku.

Akhirnya saya nak maklumkan kepada pihak EXCO supaya mungkin kita boleh menamakan program membanteras denggi ini mungkin “Perangi Denggi” ke, sesuatu yang agak *solid*. Tidak lagi COMBI dan sebagainya. Masyarakat pun tak tahu apa itu Combikan? Combi, Combi tu orang Penang ya? Minta maaf. Jadi orang tak tahu, jadi kita kena pakai istilah yang sebenarnya dekat di hati yang boleh *trigger*, boleh menggoncang pemikiran kita. Kita kata Perangi Denggi atau pun *Search and Destroy*, SEDAR singkatannya. *Search and Destroy*, maknanya kita mencari dan kita memusnahkan denggi itu. Jadi itu sahaja Batu Tiga ingin menyatakan, Penyata ini wajar diberi perhatian.

TUAN SPEAKER: Kita ada program Cikguku Cantik.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Tuan Timbalan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sila, Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Sedikit sahaja. Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin merujuk kepada saranan Jawatankuasa SELCAT ini bahagian (i). PBT harus memastikan bahawa Jabatan OSC dan Jabatan Bangunan meluluskan Pelan Bangunan yang bersifat *Dengue Free* iaitu tiada struktur bangunan bermasalah yang boleh menakung air. Saya lebih bersetuju sekiranya istilah *Dengue Free* itu ditukar kepada *Aedes Way*. Adalah mustahil satu bangunan itu diistilahkan sebagai *Dengue Free because* saya rasa apa yang dimaksudkan supaya dia tidak menakung air, itu maksudnya. Sebab denggi ini tidak semesti, orang dapat denggi tidak semesti di dalam bangunan tersebut. Ia mungkin dapat di tempat kerja, ia mungkin boleh tempat sekolah dan lain-lain. Jadi saya rasa ia perlu ditukar.

Merujuk kepada perbahasan sahabat-sahabat saya tadi mengenai denggi ini, untuk maklum saya diberitahu oleh seorang Pegawai Kesihatan semalam di dalam satu majlis pelancaran yang saya buat kecil-kecilan di Selat Klang, SAD. Kalau Batu Tiga kata SEDAR. Saya punya SAD, Skuad Anti Denggi si cilik sebab melibatkan tadika. Sebab orang yang kena denggi ini biasanya *sad*, sama ada diri dia sendiri, keluarga dia, bahkan orang yang membayar bil, semuanya *sad* belaka. Kalau meninggal lagilah *sad*, so Skuad Anti Denggi.

Apa yang saya difahamkan untuk 2015, 50 juta kes denggi seluruh dunia dan kalau kita lihat, kes denggi sehingga 26 Mac 2016, seramai 18,205 di Selangor. Itulah juara. Yang nombor dua, Johor. Agak jauh juga ke belakang 5,053 itu ya Batu Tiga. Memang kita lebih tiga kali ganda melebihi daripada Johor. Itu betapa seriusnya indeks aedes yang menyebabkan denggi ini di Negeri Selangor. Jadi saya melihatkan perbincangan kita di dalam sidang Dewan ini, bahkan bertahun-tahun ini di mana kita memfokuskan. *Yes*, kita nak *search and destroy*, maknanya sudah ada telur-telur aedes, sudah ada anak-anak aedes, jentik-jentik, pulpa dan sebagainya. *Fogging* sudah ada aedes yang dewasa untuk disemburkan, untuk dimusnahkan

tetapi sahabat-sahabat tadi juga berkata bukan sahaja sudah wujud tetapi bagaimana kita nak menanganinya secara holistik. Maknanya tadi ada sahabat-sahabat kata tentang sikap masyarakat yang sudah ada *that is re-active*, maknanya sudah ada. Kita sekarang ini kena pro-aktif supaya masyarakat kita ini kena dididik secara *long term*. Ada yang *short term*, ada yang *long term*. Bila dah ada kes, dah ada kematian, dah ada wabak yang direkodkan yang diberitahu oleh hospital dan sebagainya barulah semuanya turun ke padang, nak sembur, nak tangkap, nak kompaun dan sebagainya. Semua ini kena berjalan serentak.

Tetapi apa yang saya lihat banyak daripada inisiatif kerajaan sama ada daripada Kementerian Kesihatan mahu pun Kerajaan Negeri adalah bersifat *top down*. Maknanya kita mengarah itu dan ini tetapi kurang penglibatan, kurang kemahuan, kurang inisiatif daripada penduduk itu sendiri. Sebab itu saya mula kecil-kecilan, an saya mengharapkan Kerajaan Negeri memberi sokongan yang padu di mana semalam kita melancarkan SAD ini, Skuad Anti Denggi Cilik ini yang melibatkan tadika. Ada 32 tadika di Selat Klang, tujuh (7) yang terlibat semalam dan kita berjaya melibatkan Jabatan Kesihatan, Majlis Perbandaran Klang, semua kampung, AJK Masjid, Persatuan Penduduk, JKP dan juga yang penting guru-guru, ibu bapa. Jadi apa yang saya mengharapkan, *Insyah-Allah*, selain daripada benda yang kita tak boleh buat, yang sepatutnya dibuat oleh Kementerian. Apa yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri demi menjagakan *masalah* rakyat negeri Selangor itu sendiri, dan juga EXCO Kesihatan juga adalah EXCO yang menjagakan prasekolah jugalah, MES, di bawah Tunas dan sebagainya, *nursery*, taska dan sebagainya. Kalau kita nak membuatkan anjakan paradigma daripada segi sikap, budaya rakyat Selangor, sudah tentu ia bermula dengan keluarga, pembangunan keluarga, pembangunan taska daripada yang kecil-kecil, guru-guru dan bukan sahaja saya bersetuju bukan sahaja EXCO Kesihatan yang mesti menjuarai masalah denggi ini, EXCO PBT juga mestilah terlibat sama. Bukan sahaja EXCO PBT, bahkan EXCO Pendidikan, EXCO Agama di mana ruang di masjid untuk khutbah dan sebagainya sepatutnya dimanfaatkan. Begitu juga surau. Begitu juga EXCO Hal Ehwal selain daripada Islam mesti *alert* kan ketua-ketua komuniti kita, rumah-rumah ibadat kita, semuanya sepatutnya terlibat sama. Begitu juga belia. Bila semua *vision sharing*, *mission sharing* ini dibuat barulah ada satu *concerted effort*, satu kesamaan, satu kesepaduan untuk arah kita menentang denggi, menangani denggi. *You can't abolish* denggi, tapi *we can minimize* mitigasi denggi ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya akan bagi dua pembahas lagi sebelum saya beri laluan kepada kerajaan untuk menggulung. Saya persilakan Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Timbalan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Sungai Burong mengambil kesempatan ini untuk sama-sama membahaskan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan

Kebertanggungjawaban dan Ketelusan berhubung dengan wabak denggi di Negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalah denggi ini nampaknya di Selangor semakin hari semakin menjadi teruk sebab kita melihat daripada statistik daripada fakta. Fakta menunjukkan bahawa semakin meningkat masalah denggi di Negeri Selangor. Kita lihat misalnya daripada statistik pesakit denggi ini, walaupun kita lihat ya. Saya menarik perhatian pada muka surat tiga ya. Bukan baru baca. Ini ialah tuduhan jahat daripada Kampung Tunku yang suka buat prasangka jahat sampai PC pun dia nak ditimbulkan walaupun kita tahu PC ini ialah merupakan satu perkara yang berterusan. Orang boleh buat PC, Dewan ini sediakan. Selagi

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nak tanya. Nak tanya. Berapa ramai pesakit?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Selagi Sidang Dewan ini dijalankan..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Berapa ramai?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Maknanya PC boleh dibuat..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, saya tanya berapa ramai pesakit aedes?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: oleh sesiapa juga Ahli Dewan. Jadi sebenarnya tidak masalah. Tapi oleh kerana sikap sangka buruk...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kampung Tunku minta. Bagi tak?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya lah, berapa ramai?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kampung Tunku minta mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya baru nak *start* ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dia tak bagi lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak bagi lagi. Nanti saya bagi kalau diizinkan tambah masa ya. Sebab masa terhad. Saya nak membangkitkan ini kerana *trend* daripada masalah kes denggi ini semakin meningkat daripada tahun ke tahun. Saya ingin menyebutkan di sini. Pada tahun 2010, terdapat 16 kes denggi negeri Selangor (16,367) turun sikit pada tahun 2011 sebanyak 7,764.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tetapi selepas itu, daripada tahun 2012 hingga ke tahun 2015

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kampung Tunku minta mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak ada. Saya baru cakap angka ya. Saya tak izinkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak izinkan. Duduk dulu Kampung Tunku.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Telah meningkat daripada 7,000 kepada 9,000 kemudian 23,000 meningkat lagi 54,000 pada tahun 2014 (54,289), 2015 (63,168) ya. Dan jumlah terkumpulnya sekarang telah meningkat 181,334 dan ini juga telah menyebabkan kematian pada angka tahun 2014 sebanyak 77 pada tahun 2015 (127). Tinggi nampaknya ini merupakan satu perkara yang sangat serius. Kerana itu jawatankuasa pendengaran awam ini memanggil untuk pendengaran awam tentang isu ini. Tapi malangnya saya sebenarnya sangat sedih kerana ia menunggu Jawatankuasa SELCAT untuk membangkitkan isu ini barulah mungkin kesedaran akan diambil (tindakan diambil) oleh terutamanya jawatankuasa yang bertanggungjawab mengenai perkara ini. Kita (ADUN-ADUN Barisan Nasional) telah pun membangkitkan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker. Saya nak bagi tahu kepada Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dalam penggal

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan minta....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak bagilah Sekinchan. Sekinchan ini suka dia menimbulkan isu politik ya. Dia kata

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Pendengaran Awam SELCAT ini bukan ambil pendengaran awam ini

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong nak bagi Sekinchan ke?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak ada.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak bagi tahu bahawa salah tuduhan mengenai SELCAT.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Mengikut Peraturan, saya tak bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Buat Pendengaran Awam ini sebab

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Eh, duduk! Duduk! Sekinchan!

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Haaa?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Eh, Speaker tak suruh. Dia bukan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Saya belum dapat jawapan lagi Sungai Burong. Bagi ke tak bagi?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya dah kata tadi saya tak bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat bukan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan, duduk dulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, saya akur.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Inilah Sekinchan ya. Dia suka menegak isu politik. Dia kata (apa ini) denggi juga ada kaitan dengan pula UMNO, dengan perkauman Melayu. Ini apa punya cerita? Denggi tidak melangkaui masalah politik. Kita tahu masalah denggi ini dah serius sangat di Negeri Selangor dan perlu ditangani. Saya hanya ingin membangkitkan penemuan-penemuan daripada saranan jawatankuasa ini ya. Yang pertama sekali ya, penemuan jawatankuasa mendapati bahawa isu A, B dan C ya. Saya ingat ini perlu di pertanggungjawaban kepada EXCO yang berkenaan. Kita lihat jawatankuasa mendapati tiada koordinasi yang memuaskan antara Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Negeri Selangor. Adalah mengejutkan apabila Ahli Majlis Kerajaan Negeri Selangor (Y.B. Dr. Daroyah binti Alwi) selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Negeri tidak dijemput dan tidak menghadiri mesyuarat petugas khas denggi peringkat kebangsaan. Beliau sebaliknya menghantar pegawai pembantu beliau melalui kuota yang

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Y.B. Timbalan Speaker, saya nak bagi tahu Sungai Burong bahawa..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Sekinchan minta mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Timbalan Speaker, saya tak benarkan ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang tak jemput pihak Kementerian Kesihatan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak ikut peraturan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Persekutuan tak jemput! Dia tak jemput! Dia mengatakan dia tak jemput.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ada ada sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak jemput!

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok, Sekinchan duduk. Dah, dah jelas. Sila.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jangan kacau. Ini perkara yang amat serius ya. Soal dijemput, soal tak dijemput itu soal yang kemudian. Kepada EXCO Negeri Selangor, kepada

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jahat itu! Tak jemput!

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kepada EXCO Negeri Selangor sebagai Menteri Kesihatan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Gunakan itu sebagai politik.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia kacau ni. Tolong ajar dia. Suruh dia ikut peraturan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sambung terus, sambung terus.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ha.... ya. Ini soal yang serius ya. Sebagai seorang EXCO/Menteri yang bertanggungjawab mengenai kesihatan, kita kena rujuk pada isu dan masalahnya. Isu dan masalahnya kita tengok macam mana kes denggi yang begitu meningkat di Negeri Selangor. Di dalam Dewan ini telah pun dibangkitkan berkali-kali, usul pun ada pernah dibawa di dalam Dewan ini untuk menangani masalah denggi. Tetapi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker, saya nak minta laluan. Saya minta laluan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta laluan dengan Sungai Burong mengenai ini. Saya minta laluan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Kalau

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya baca penemuan ni.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekejap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta laluan sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekejap. Kalau Sungai Burong bagi...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta penjelasan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi tambahan sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dia dah bagi dah. Dah duduk bagilah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bagi, bagi sebab saya nak minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak adil!

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi tambahan masa untuk. Ok.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta penjelasan daripada Y.B. Sungai Burong, kenapa pihak kementerian tak jemput EXCO Kesihatan datang bersama-sama berbincang? Kenapa nak politik? Apa puncanya? Kenapa fikiran sempit? Kenapa? Ha.....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Inilah Sekinchan. Dia tak faham ya. Apabila Kerajaan Negeri menghantar pegawainya menghadiri mesyuarat di kementerian, maknanya sudah dijemputlah. Tetapi soalnya

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak jemput EXCO!

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: EXCO berkenaan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kena jemput EXCO!

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kacaulah. Kacau. Tolong bagi peraturan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Speaker, Peraturan Tetap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya? Peraturan mesyuarat. Duduk dulu Sungai Burong.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya. Tuan Speaker, Peraturan 36(6) seseorang itu tidak boleh.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak salah fasal itu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ini sangkaan jahat sebab kita kena faham kenapa sana jahat. Kalau mengikut perlembagaan, bidang kuasa kesihatan ini di bawah persekutuan. Peringkat negeri, kita cuma membantu. Bila Menteri tak jemput seorang EXCO dan tak jemput. Siapa kata jemput? Ini adalah mesyuarat petugas. EXCO bukan petugas. Bila surat sampai kepada UPEN, UPEN yang pergi. Maka EXCO tidak tahu. Jadi itu jangan salahkan EXCO. Ini bidang kuasa kena faham.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Mencilah. Minta mencilah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Jadi sangkaan jahat.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Speaker, saya nak bertanya. Nak mencilah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Mengatakan bahawa EXCO lalai. Tak boleh.

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Saya nak bertanya, saya nak bertanya. Macam mana EXCO boleh tak tahu dia kata dia tak jemput?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ini saya eh Peraturan Tetap ni.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sedang membahaskan

Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Saya nak bawa Peraturan Tetap.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Peraturan Tetap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Batang Kali, sedang bercakap Peraturan Tetap. Dengar dulu. Sila Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Belajar dulu Peraturan Tetap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta penjelasan Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Boleh. Boleh. Peraturan Tetap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, sekarang ini bidang kuasa di bawah kementerian. Bila kementerian gagal menjemput EXCO, bukan saja tak jemput EXCO Selangor, EXCO negeri lain pun tidak jemput. Jadi ini kegagalan menteri. Menteri yang patut letak jawatan!

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bolehlah Sungai Pinang ni bertanding di Parlimen.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekejap Sungai Burong. Saya belum buat runding lagi. Ok. Bilamana dibangkitkan Peraturan Tetap, so kita kena perhatikan apa yang disebutlah Peraturan Tetap. Sekarang ialah mengenai bidang kuasa. Saya harap Sungai Burong tidak menempelak mana-mana pihak yang dikatakan (yang boleh dianggap) sebagai merendahkan pihak yang lain. So, boleh teruskan bahas dengan isu-isu lain dan dalam Penyata. Silakan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya bukan nampak tadi. Sebab dia mengganggu perbincangan saya. Itu saya minta supaya ditenteramkan. Sebab dia tak boleh ditenteramkan ya. Ok. Jadi, Timbalan Speaker. Ini masalah negeri. Masalah negeri EXCO Negeri yang bertanggungjawab kesihatan. Jadi perkataan kesihatan itu menunjukkan dia ni ada tanggungjawab untuk menjaga kesihatan dan masalah denggi ini telah melibatkan kematian ya. Jumlah peningkatan yang banyak ya. Kalaulah katakan Kerajaan Persekutuan tak ambil, adakah kita biarkan rakyat di Negeri Selangor ini meninggal dan mati, jumlah ini merebak Negeri Selangor? Habis, apa tanggungjawab kita sebagai EXCO Kesihatan? EXCO Kesihatan mesti mengambil inisiatif. Komitmen kalau boleh proaktif untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau tak dijemput, kalau saya lah EXCO Kesihatan. Kalau tak jemput, saya akan minta menteri jemput kita. Ha, itu dia.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Bagi jawatan pun tak berani nak ambil. Bagi jawatan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ketua Pembangkang pun tak nak!

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok Sungai Burong, teruskan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Tak ikut peraturan ni.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini tak ikut peraturan ni. Tengok. Orang-orang yang saya rujuk dulu pun dia pun sebagai orang yang bagi nasihat kepada kita ialah hal peraturan hari ini pun cakap mencelah-celah tanpa meminta izin daripada Timbalan Speaker.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Perlu minta dari izin

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Speaker, tak minta izin! Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tengoklah.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Speaker, Sungai Panjang tak minta izin.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Masa dah suntuk ni. Saya dah tak boleh nak

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, saya

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Minta izin dulu baru nak cakap. Mintalah izin baru bercakap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Lampu dah merah. Saya tambah satu minit.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, yang pertama jadi ini menunjukkan kegagalan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: kerana itu pertama sekali saya ingin menyarankan ya supaya EXCO yang berkenaan letak jawatan ataupun kalau tidak saya merayu kepada Y.A.B. Menteri Besar tukarkan kepada lain-lain (ADUN-ADUN) yang hebat daripada kalangan daripada parti pembangkang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya minta Perdana Menteri letak jawatan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kampung Tunku mohon tanya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya rasa dengan lebih baik saya juga ingin menyarankan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak izinkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sekejap saja Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sebab saya dari tadi telah lampu merah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku, Sungai Burong tak izinkan. Duduk dulu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: menyarankan kena ada fokus.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sekinchan minta laluan. Minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: sepatutnya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Sekinchan minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan, minta laluan sikit.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tidak benarkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan minta.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta, minta, minta.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak. Tak bagi dah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk dulu Sekinchan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Batu Tiga minta boleh tak? Batu Tiga minta.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya kembali. Tak apa. Tak apa.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Batu Tiga minta.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Bolehlah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Merujuk kepada saranan jawatankuasa. Saya dah tak ada masa. Saya dah bagi merah. Saya tak tahu bila-bila saya kena berhenti ni. Jadi saya nak menyebut kepada jawatankuasa, sekarang ini kita isytiharkan darurat ya. Saya bersetuju dengan Batu Tiga tadi supaya diperangi denggi. Ini denggi ni. Bukan masalah politik ya. Ini masalah denggi. Kita

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Mohon tanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Denggi dan juga

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kuasa untuk isu darurat siapa?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dan kerana itu fokus kena berikan kepada untuk kita mengatasi masalah denggi ini di Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, dua orang minta (Kampung Tunku dan Kota Anggerik).

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya menyarankan terutama Y.A.B. Menteri Besar ini...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dia tak benarkan. Duduk dulu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Y.A.B. Dato' Menteri Besar ini tolong ambil serius perkara ini. Kalau nak buat deklarasasi rakyat boleh. Nak buat (katalah) perarakan anti GST tu boleh yang ikut lunasnya demokrasi dan dibenarkan undang-undang tetapi masalahnya

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Timbalan Speaker, saya minta laluan. Minta laluan. Boleh?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya sangat hormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan boleh?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan minta?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak bagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak bagi Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Boleh bagi sekejap tak?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak bagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk Sekinchan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak faham Bahasa Melayu. Itulah. Nak cakap-cakap bahasa jawa, tapi Bahasa Melayu pun dia tak faham. Ha inilah dia ADUN Sekinchan ya. Ha inilah dia watak ADUN Sekinchan. Saya sebenarnya amat menghormati Dato' Seri Menteri Besar yang memang dia suka menerjah turun ke kawasan-kawasan dan saya telah tengok gambar Y.A.B. Dato' Seri sendiri turun ke longkang-longkang ya untuk pastikan bahawa masalah kebersihan di longkang-longkang ini dapat diselesaikan. Jadi saya ingin menyarankan kepada YAB Menteri Besar, tolonglah untuk beberapa ketika ini berikan keutamaan sama ada arahkan EXCO yang baru yang berkenaan nanti untuk melaksanakan tindakan dan tolong turun ke padang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta penjelasan Sungai Burong. Bagi tak Kampung Tunku?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Untuk memastikan. Saya tak bagilah Kampung Tunku ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, sekejap saja.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak bagi, tak bagi Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sekejap saja.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tengok dah merah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kita profesional.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Minta sikit tak bagi. Minta maaf Kampung Tunku, tak bagi. Duduk dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kita profesional.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ada masa tambahan ke? Saya tak bagilah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok, Sungai Burong minta habiskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya minta tolong Y.A.B. Menteri Besar tolong buat ke mana-mana kawasan *hotspot* (kawasan Majlis Perbandaran utama ini) turun ke dalam tempoh daripada sekarang mungkin hingga masalah denggi ini dapat dikurangkan. Kita kena ambil tindakan tegas kerana denggi ini sekarang sedang menjadi (pada saya) ini sebagai macam mana bencana alam juga ya. Kita perlu mengambil tindakan serius. Kalau nak isytiharkan darurat boleh, nak gerakkan jentera di peringkat negeri EXCO, nak panggil kerajaan pusat pun boleh, kementerian-kementerian, jabatan/agensi, pihak-pihak PBT

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: untuk menyelesaikan masalah ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tolonglah bagi fokus kepada....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Masalah denggi yang....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta penjelasan. Bagi?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak bolehlah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak boleh.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sebab sikit saja.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dia tak bagi Kampung Tunku. Sungai Burong, minta dihabiskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok. Jadi saya itulah saya ingat saya berhenti situlah. Cukup. Dua mesej yang ini yang saya minta. Pertama, oleh kerana EXCO berkenaan. Ini kesimpulan. Kalau Sungai Pinang tu

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia menggulung bukan main. Berulang-ulang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini kita ada 10 minit. Jadi bagi

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh ditutup.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok, Sungai Burong.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Kampung Tunku minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ada minta penjelasan dari Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya nak tanya. Nak tanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak buat kesimpulan ni. Kesimpulannya dua sahaja. oleh kerana

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Habiskan. Ok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Masalah denggi ini tidak dapat ditangani oleh EXCO berkenaan, saya mintalah ditukarkan EXCO ini. Yang kedua, kena diberi fokus

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Untuk memerangi masalah denggi di peringkat negeri Selangor dan saya menyarankan

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Merayu kepada YAB Menteri Besar turun ke padang dan saya

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau dijemput pun *insya Allah* akan turun bersama-sama.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta lima kali penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Memerangi masalah

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kota Anggerik minta.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang terakhir.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kota Anggerik minta.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jadi, sekian daripada saya. *Wabilahi taufik wal hidayah wassalamualaikum wabarakatuh.*

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tak berani.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak berani, tak berani, tak berani.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya kira yang terakhir. Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ingin membahas tentang Penyata Denggi. Ya lah. Kita kena bertenang. Jangan

bergaduh. Ini ialah satu masalah besar yang melanda negeri Selangor. Saya nak beri satu peringatan.

Denggi ini Yang Berhormat ialah satu penyakit. Dulu-dulu pun Malaysia telah dilanda penyakit malaria. Ingat tak? Masa tu Yang Berhormat kecil-kecil lagi kot. Tibi. Tetapi masalah itu boleh diatasi dengan secara holistik dan *with a political wheel*. Sekarang denggi kita nampak denggi ini makin lama makin meningkat. Apa maknanya? Tiap-tiap satu penyakit kita mengatasinya dua komponen. Satu pencegahan, satu rawatan. Banyak tadi Y.B.-Y.B. yang ada di Dewan ini Yang Berhormat telah sentuh tentang pencegahan-pencegahan yang ada dari segi kebersihan, dari segi penguatkuasaan, tetapi pada saya punca denggi ini dia punya *source* kekotoran iaitu sampah dan juga air yang bertakung. Itu yang dua faktor. Yang nombor tiga ialah sikap penduduk. Saya nak tanyalah kerajaan, adakah kita telah mengatasi masalah kekotoran sampah? Itu nombor satu. Kita belum. Nombor dua, dari segi pengaliran air perparitan kita, baru-baru ini saya telah turun kepada seluruh Ijok tengok longkang-longkang, parit-parit masih juga bertakung. Macam mana kita nak mengatasi denggi kalau dua yang *basic* (asas) ini tidak kita mengatasi. itu yang saya nak tanya Kerajaan Negeri Selangor.

Kalau kita tak boleh mengatasi pengurusan sampah kita, kekotoran dan juga air yang mengalir yang membiak, nyamuk aedes, kita takkan mengatasi denggi. Denggi akan meningkat. Ya lah kita memantau bangunan dibina, memantau dari segi ya lah rumah-rumah. Saya ingat yang itu tak cukup. Kita kena *tackle this problem back to basics*. Nombor satu, kita kena kaji denggi. Sebab denggi ini dari epidemik sudah jadi endemik. Maknanya kita *live with the dengue* bermakna *we have to do a thorough study have a task force* ataupun satu komiti *specially on dengue* di Selangor untuk kaji denggi mengatasi sakit denggi ini macam mana kita nak *tackle the problem*? Itu yang penting sebab macam penyakitlah. Pesakit pergi ke hospital jumpa hospital, kalau doktor tu tak boleh merawat sakit itu, apa dia buat? Dia akan buat *test*, dia akan kaji. Kalaulah masih juga sakit, dah setahun lebih denggi masih menaik, apa Kerajaan Negeri buat? Kita kena panggil orang pakar dari WHO ke, pakar dari *overseas* dalam penyakit ini untuk mengkaji masalah denggi di Selangor sebab apa yang ada, apa yang telah dibuat *all the initiative* yang telah dibuat dalam setahun dua ini, tak ada berapa kesan. Maknanya dia meningkat. Jadi, itu salah satu saranan sayalah. Cari orang yang *really* pakar dalam denggi, *solve it*. Datang ke Selangor untuk kaji denggi untuk kita mengatasi denggi.

Nombor dua, saya tengok dari segi peruntukan. Peruntukan kesihatan. Kalau mengikut WHO punya peruntukan untuk kesihatan sesuatu negeri atau negara itu, sepatutnya tak kurang pada 4% pada dia punya *annual budget*. *That is WHO recommendation*. Kita sekarang ada wabak. Kita bagi RM10,000, RM30,000 untuk mengatasi denggi. Pada pendapat saya memang tak cukup sebab apa? Kita nak *tackle* dari pencegahan. Rawatan itu lain. Jadi, saya haraplah Kerajaan Negeri Selangor akan ambil berat tentang nombor satu *source a more* pakar ataupun

konsultan dalam *this* masalah. Kita boleh cari konsultan kalau kita nak buat *business* ke, kita nak buat satu projek, kita boleh bayar bermilion-milion konsultan. Tapi ini satu penyakit yang depan kita, kita cuba mengatasinya. Dah setahun lebih masih juga mempunyai masalah. Tapi kita berdiam diri. Kita ingat apa yang kita usaha cukup. Itu pada pendapat saya ingat Dewan tidak boleh terima. Itu sebab sebelah sini, sebelah sana pun asyik bergaduh tentang denggi *because* kita tak ada satu *real road, road map* yang tepat. Macam mana kita nak mengatasi masalah di hadapan kita ini. Itu yang penting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Dan juga....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Sila Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya, setuju tak Y.B. Ijok dengan saya bahawa sebenarnya isi kandungan perbahasan ADUN-ADUN daripada kerajaan ini dia mengembangkan saranan dan juga penemuan di dalam penyata ini. Dan kita berbahas secara logik, secara profesional. Tetapi adakah dengan hanya menurunkan *billboard* Datuk Seri Anwar Ibrahim akan selesaikan masalah denggi? Tak kan? Tapi ini cadangan daripada Y.B. daripada Barisan Nasional. Bukankah ini satu sikap yang kita harus kikis, kita harus buang dari hari pertama?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Kampung Tunku. Ya lah, itu *billboard* itu *is a distraction side issue*. Ini lagi satu. Yang penting ialah *heavy the political will to overcome this problem (dengue)*. Ya lah, kita tadi banyak Yang Berhormat kata

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B. Ijok, itu Bahasa Inggeris tu.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Minta izin. Katakan kita ambil tindakan tan Sri lah, inilah, itulah, tetapi denggi dia kena pada semua *all level* (dengan izin) *all the society*. Kita kena *really have a right way, right direction* untuk mengatasi ini. Kalau kita macam melengah-lengah, kita anggapkan denggi ini sebagai bukan *priority* negeri, saya ingat susah untuk mengatasinya sebab denggi ini dia mengakibatkan nyawa manusia dan buat apa kita dianggapkan sebagai Selangor negeri yang paling maju di Malaysia tetapi negeri yang paling kotor dan paling kurang sihat di Malaysia. Itu saya saja saya nak bagi tahu komen saya tentang penyata ini. Saya sokong jawatankuasa ini tetapi saya ingat

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Nak minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik minta penjelasan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Sila.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Pertamanya mengatakan bahawa Selangor paling kotor tidak tepat. Dan itu saya rasa itu tidak betul. Cuma memang ada isu denggi tapi tidaklah mengatakan Selangor negeri paling kotor. Ijok, untuk tarik balik.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Mungkin negeri yang bukan paling kotor, tetapi separuh pekan itu telah dilabel yang paling kotor di Malaysia. Ada. Tetapi yang sakitnya yang paling banyak penyakit denggi itu kita. Orang dapat nombor satu tentang ekonomi, tentang pencapaian akademi, *Sport*, tetapi malangnya kita pun dapat nombor satu pencapaian tentang denggi ini macam *corruption* di Malaysia ni kita dapat nombor satu di Malaysia.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya ingin mencelah.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Sedih juga.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kota Anggerik minta mencelah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya, saya mencelah boleh? Sayalah pula.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kota Anggerik, Kota Anggerik.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Kota Anggerik dah sudah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Ijok kena faham.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ijok nak bagi siapa? Kota Anggerik ke Hulu Bernam?

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Dua-dua pun bolehlah. Jangan bergaduh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi Kota Anggerik dulu.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Fasal apa ini masalah negeri. Kita kena secara holistik kena kerja sebagai satu pasukan untuk mengatasi masalah. Bukan satu Malaysia, satu pasukan Selangor.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya dululah. *Ladies first* lah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya bagi Hulu Bernam dulu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Ok. Terima kasih Timbalan Speaker. Saya amat bersetuju dengan apa pandangan Ijok sebenarnya. Inilah satunya cara pemimpin. Kalau kita berbahas dalam Dewan, kita ketepikan hal politik dulu. Kepentingan rakyat diutamakan. Inilah sebenarnya pemimpin yang kita kehendaki. Tak kira pembangkang ke kerajaan ke, perkara benar

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya ingat Hulu Bernam nak minta penjelasan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Tetap benar dan kita perjuangkan untuk rakyat dijaga, dipelihara. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok, Kota Anggerik. Itu tak perlukan jawapan sebab saranan saja.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Isu kesihatan ini Y.B. Ijok, itu masalah *federalist*. Yang macam pendidikan atau keselamatan. Sepatutnya *federal* kena ambil tumpuan lebih dan isu ini. Keduanya, kita tahu bahawa kenapa kita *highest*? Sebab penduduk kita paling tinggi. 30% daripada penduduk Malaysia di Negeri Selangor dan Wilayah sebab itu kita (bukanlah maknanya kita) alpa itu. Minta maaf Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Y.B.. Saya tak setuju tentang walaupun kita ada penduduk yang paling tinggi tak semestinya kita ada statistik menunjukkan denggi yang paling tinggi. Itu saya ingat anggapan yang tak betul. Kalau kita boleh menguruskan masalah kita tentang kesihatan yang baik, mungkin negara-negara lain banyak dia punya penduduk tetapi penyakit boleh dikurangkan. Nombor dua yang tadi Y.B. tanya, *its federalist*. Saya tahu. Masalah kesihatan, pendidikan sama di bawah jagaan Putrajaya. Tetapi, takkanlah kita sebagai negeri walaupun kita dianaktirikan, macam pendidikan, kita Y.B. tak boleh masuk sekolah kebangsaan walaupun banyak inisiatif di ADUN. Saya nak mengarifkan anak-anak kita di desa. Saya tak kasi *introduce* ataupun masuk dalam sekolah kebangsaan. Ini yang amat sedih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok Y.B. Ijok, habiskan.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Itu sebab saya ingat tak walaupun dia bawah jagaan persekutuan, kita sebagai negeri yang maju kita *should take the lead*. Tunjukkan kepada persekutuan walaupun kita masalah kesihatan, pendidikan bawah persekutuan, kita tak boleh ditinggalkan ataupun dianaktirikan dari segi menangani masalah ini. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Y.B. Ijok. Saya persilakan pihak kerajaan untuk menggulung. Silakan Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: *Bismillahi rahmani rahim.* Terima kasih Y.B. Timbalan Speaker. Saya terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang begitu prihatin tentang masalah denggi di negeri Selangor. Ucapan terima kasih juga kepada Jawatankuasa SELCAT yang telah mengadakan Sidang SELCAT dan mengemukakan penyata yang begitu lengkap dan komprehensif. Y.B. Tuan Timbalan Speaker, izinkan saya membuat respons tentang beberapa perkara yang disebut dalam Penyata SELCAT.

Yang pertama, dalam Perkara 12(a) yang mengatakan bahawa Jawatankuasa mendapati bahawa tiada koordinasi yang memuaskan antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor adalah mengejutkan apabila Ahli MMKN iaitu saya, tidak dijemput dan tidak menghadiri Mesyuarat Petugas Khas Denggi Peringkat kebangsaan. Maka jawapan saya adalah bahawa pihak Kementerian Kesihatan dalam mesyuarat Petugas Khas Denggi ini adalah mesyuarat di peringkat pegawai dan dipengerusikan oleh Y.B.. Dato' Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia ataupun Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia. Sekiranya ia adalah mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Kesihatan, maka barulah ada kesesuaian untuk dihadiri oleh EXCO Kesihatan Negeri-negeri. Setakat ini belum ada lagi mesyuarat yang sebegini yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Kesihatan. Juga fakta bahawa bukan hanya EXCO Kesihatan Selangor sahaja yang tidak dijemput tetapi tiada EXCO Kesihatan negeri-negeri lain yang dijemput dalam mesyuarat tersebut.

Keduanya, pihak KKM juga menyatakan bahawa buat masa ini belum ada keperluan untuk memanggil satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Kesihatan dan dihadiri EXCO-EXCO Kesihatan Negeri-negeri. Sekiranya ada keperluan maka mereka akan memanggil untuk mesyuarat tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kehadiran Setiausaha Kanan EXCO iaitu pegawai daripada pejabat saya, mewakili saya ke Mesyuarat Khas Denggi ini adalah atas kuota ataupun permintaan daripada saya sendiri dan di samping itu daripada pihak Kerajaan Negeri turut dijemput wakil daripada pihak UPEN dan tujuh PBT daripada Negeri Selangor, yang mana ianya adalah PBT daripada Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Klang. Kesemuanya ada sembilan orang wakil daripada Kerajaan Negeri Selangor. Dan daripada jumlah sembilan orang ini adalah mencukupi untuk membawa isu-isu daripada Kerajaan Negeri dan untuk dibentangkan di dalam mesyuarat tersebut dan juga mereka akan membawa isu-isu yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Khas Denggi ini ke peringkat Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu minima 2 orang wakil daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan 4 PKD, 4 Pejabat Kesihatan Daerah yang hadir di peringkat Jawatankuasa Petugas Khas Denggi Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadi tidak bermakna saya tidak dijemput atau tidak hadir dalam mesyuarat tersebut, kita tidak mendapat maklum balas ataupun kita tidak boleh membawakan apa-apa isu daripada Kerajaan Negeri Selangor ke peringkat Kementerian.

Yang keduanya...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh Timbalan Tuan Speaker, ingin mendapatkan penjelasan sedikit ye.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sementa, Sungai Burong minta penjelasan. Sila Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ingin mendapat penjelasan, maknanya sebagai EXCO Kesihatanlah yang bertanggungjawab tentang masalah kesihatan terutamanya isu denggi ni. Sebab isu denggi ini, walaupun telah dibincangkan di peringkat Kementerian dan juga dijemput peringkat Pegawai Negeri, tetapi isu denggi ini sudah lama ye, Penggal-penggal yang lepas isu telah berbangkit, usul telah dibangkitkan, tindakan-tindakan, tetapi kita dapati bahawa sebagai EXCO yang bertanggungjawablah, saya nak berapa kali tindakan, apa maknanya, dari segi mesyuarat ini dari segi untuk menjadikan ia sebagai tindakan yang segera untuk menyelesaikan masalah denggi ini dilakukan. Saya ingin tahu berapa kali mesyuarat diadakan di peringkat negeri dan apakah apa ni, tindakan-tindakan berkesan yang telah dilakukan oleh, apa ni, EXCO kerajaan. Sebab kalau ikut dalam laporan ini, sama ada laporan penyata ini tak betul ye, ataupun apa ni, memang tindakan-tindakan telah diambil begitu banyak tetapi tidak berkesan, ingin saya minta penjelasan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sungai Burong. Saya kira saya perlu teruskan kepada pembentangan saya untuk perkara 12(b) yang mana menyatakan daripada penemuan jawatankuasa, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan iaitu saya, tidak pernah berjumpa dengan Y.B. Menteri Kesihatan untuk membincangkan mengenai wabak denggi di Negeri Selangor. Sukacita ingin saya maklumkan, bahawa telah wujud perjumpaan berkenaan, iaitu satu mesyuarat antara Y.B. Menteri Kesihatan dengan Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor dan EXCO Kesihatan serta Pegawai-pegawai Kanan daripada Kementerian Kesihatan dan juga Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Selangor. Mesyuarat ini membincangkan isu denggi dengan *detail* dan menyeluruh dan diadakan pada 9 Disember 2014, bertempat di Bilik Gerakan Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 22, SUK Selangor. Jadi ini, jawapan untuk (b).

Sementara untuk Fasal 12(k) yang menyatakan bahawa saya isu wabak denggi yang serius belum lagi dibincangkan di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu wabak denggi telah beberapa kali dibincangkan di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Berikut, saya boleh mungkin kongsi beberapa keputusan-keputusan mesyuarat daripada Kertas MMKN sebanyak 8 kali telah kita bawa.

Kemudian, untuk Fasal 4 8 (e) Mesyuarat Kawalan Denggi di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh PKD dan dihadiri pelbagai dan agensi berkaitan untuk membincangkan isu denggi. Untuk makluman, mesyuarat ini sebenarnya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakil Pejabat Daerah dan bukannya oleh pihak PKD.

Dan yang terakhir, iaitu, ini adalah pembetulan daripada penemuan. Jawatankuasa Fasa 12(e) yang menyatakan bahawa jawatankuasa mendapati bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai dasar khusus berkaitan denggi dan bergantung kepada Kementerian Kesihatan untuk menggubal dasar. Jawapan yang terkini yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai dasar yang khusus berkaitan denggi telah dikemukakan sehari sebelum pendengaran SELCAT. Namun oleh kerana tidak dimasukkan di dalam Penyata SELCAT ini, maka jawapan daripada penemuan itu adalah sebaliknya. Jadi, sebenarnya memang kita telah

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Mohon mencelah.

TIMBALAN TUAN SPEAKER: Taman Medan minta pencerahan. Sila

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya sebagai seorang yang membentangkan Penyata Jawatankuasa SELCAT. Sebenarnya penemuan-penemuan yang kita catat dalam penyata ini adalah berdasarkan kenyataan dan kesaksian yang dikemukakan dalam pendengaran awam tersebut, bukan sesuatu yang kami ada-adakan. Jadi itu hanya mencatatkan semula di dalam penyata ini. Itu saya mohon, saya mohon menjelaskan perkara ini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Taman Medan. Ianya, sebenarnya, sememangnya telah ada dasar-dasar tersebut, cumanya yang saya sebutkan tadi bahawa penyata yang kita keluarkan daripada Pejabat EXCO telah tidak dimasukkan kerana kelewatan sehari untuk menghantar penyata tersebut. Jadi, saya mohon untuk ianya dimasukkan ataupun diperbetulkan.

Saya teruskan kepada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu daripada Sri Andalas yang menyokong, daripada Sekinchan, Hulu Klang, Pelabuhan Klang, Kinrara, Dengkil, Kampung Tunku, Batu Tiga, Selat Klang, Sungai Burong dan Ijok.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sementa, saya minta dipendekkan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Beberapa perkara telah dibangkitkan seperti mana yang dijelaskan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai dasar berkaitan denggi dan telah diluluskan oleh MMKN pada Oktober 2014, diikuti dengan Pelan Tindakan Denggi Ke-2 pada Julai 2015, maka dalam kenaikan ataupun angka kes denggi yang dicatatkan pada 2015 menurut analisa secara mendalam telah wujud tanda-tanda awal kejayaan Pelan Tindakan Denggi 2015 dan 1016 apabila terdapat penurunan kumulatif kes pada 2016 berbanding 2015. Sebagai contoh, jumlah kes terkumpul untuk epid ke10 hingga ke epid 12 pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah lebih rendah. Contoh kes terkumpul epid 2010, epid minggu ke 10, 2016 adalah sejumlah 15,700 manakala pada 2015 adalah sejumlah 17,051 iaitu ada penurunan sebanyak 1,351 kes manakala kes terkumpul epid ke 11 iaitu 17,000, satu kes, pada 2016 manakala pada 2015 adalah 18,192. Penurunan sebanyak 1,191 kes. Manakala untuk minggu Epid ke-12, iaitu sejumlah 18,205 maka dan pada 2015 adalah 19,162. Jadi penurunan sebanyak 957 kes. Jadi kita juga mengharapkan agar *trend* penurunan kes ini dalam jumlah yang terkumpul untuk tahun ini kita mengharapkan ia akan berkurangan.

Tuan Timbalan Speaker, Pelan, saya mungkin ingin menyebut sedikit tentang Pelan Tindakan Denggi Ke-2 yang menggariskan 3 tonggak utama yang kita akan laksanakan pada 2016 ini kerana kita perlu memantapkan langkah-langkah untuk memastikan dan memerangi denggi ini. Yang pertama, memantapkan lagi langkah-langkah pencegahan yang sedia ada iaitu *source reduction* dan melakukan penambahbaikan seperti yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. (b) Memerdayakan usaha-usaha ivokasi dan pendidikan dalam dan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak kerana kes denggi ini adalah tanggungjawab kita semua. Ia bukan hanya tanggungjawab EXCO Kesihatan atau Kerajaan Negeri sahaja tetapi adalah tanggungjawab kita semua kerana denggi ini merupakan vektor, yang boleh membiak di mana-mana tempat di mana sahaja di rumah, premis, tanah dan apa juga kawasan yang boleh menakung air. Jadi ini adalah satu, seluruh rakyat Selangor perlu memahami perkara ini. Dan isu denggi ini seperti disebut tadi oleh Sekinchan dan beberapa yang lain, merentasi bangsa, agama, tahap pendidikan dan pendapatan maka kejayaan Pelan Denggi melalui kaedah pencegahan atau *source reduction* ini, kita mengharapkan ia akan terus menghasilkan impak kejayaan yang lebih baik, sekiranya kita semua mengambil langkah-langkah yang berkesan dan sewajarnya untuk menghalang aedes daripada membiak di premis masing-masing.

Sehubungan dengan itu, antara gagasan yang akan kita bawa dalam MMKN adalah kita akan melaksanakan satu kempen untuk menjadikan satu hari dalam seminggu sebagai hari kebersihan. Jadi tujuannya adalah agar semua pihak sama ada sektor awam termasuk agensi kerajaan, GLC dan PBT termasuk pihak swasta dan orang

awam akan melakukan aktiviti kempen pembersihan di premis masing-masing pada hari tersebut. Justifikasi kempen ini adalah “aedes boleh membiak di dalam tempoh seminggu sekiranya wujud medium yang sesuai”. Oleh itu langkah mengisytiharkan satu hari dalam seminggu sebagai hari kebersihan diharap akan berjaya menggarap semua pihak untuk melakukan aktiviti pembersihan secara berkala seterusnya ia menjadi satu budaya baru dalam masyarakat Negeri Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta mencelah, nak bertanya. Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya, mengapakah aspek penguatkuasaan tidak diterap dalam pelan tindakan yang EXCO sebutkan itu. Adakah ianya akan diberi keutamaan?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kampung Tunku. Itu adalah dalam Pelan Tindakan Yang Ke-3 iaitu (c). Tindakan penguatkuasaan yang berkesan. Dalam bengkel Pelan Tindakan Denggi Ke-2 yang lepas, semua pihak sama ada peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga PBT telah bersama-sama membentangkan undang-undang sedia ada di peringkat masing-masing dan mencadangkan penambahbaikan tindakan penguatkuasaan termasuk memerlukan pindaan. Jadi ia masih dalam peringkat KKM dan PBT untuk membuat pemurnian terhadap penguatkuasaan tersebut. Terkini antara tindakan penguatkuasaan secara holistik

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku minta. Sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Y.B. EXCO menyebut tentang keperluan untuk meminda undang-undang yang sedia ada. Adakah ini akan memakan masa yang lebih lama lagi. Adakah peruntukan undang-undang yang sedia ada, masih belum mencukupi untuk menangani masalah ini?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kampung Tunku. Sebenarnya undang-undang sedia ada memang mencukupi dan perlu digerakkan untuk pelaksanaan cumanya ada beberapa perkara yang perlu kita perbaiki lagi bagi mengetatkan lagi undang-undang penguatkuasaan ini. Antara tindakan penguatkuasaan secara holistik, yang akan kita laksanakan iaitu kita akan melaksanakan satu program bermula 12 April hingga 11 Mei selama sebulan di mana pihak Kerajaan Negeri, Kementerian Kesihatan, PBT dan Agensi-agensi yang lain akan melaksanakan program memeriksa dari rumah ke rumah di kawasan

locality hotspot dengue. Ianya adalah terlibat pasukan RELA, pasukan Polis, pasukan JPAM dan juga pasukan PBT.

Seterusnya operasi yang melibatkan kediaman ini dalam program ini nanti akan mengeluarkan kompaun maksimum lima ratus ringgit sekiranya dijumpai pembiakan. Sementara pihak Kementerian Kesihatan akan melaksanakan tindakan ke atas tapak-tapak bina, tapak semaian dan barang lusuh dan tindakan menutup tapak bina berkenaan selama dua minggu serta tiada kompaun akan dikeluarkan sebaliknya pemaju akan langsung didakwa di mahkamah. Sementara tindakan penguatkuasaan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sementa, Batu Tiga minta penjelasan. Silakan Batu Tiga

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya pencelahan. Saya nak bertanya tentang penguatkuasaan itu telah ada, kita tahu. Berjumpa satu nyamuk aedes dan sebagainya ia akan didenda. Tapi masalahnya sekarang ini, kalau kita buat program gotong-royong, kita jumpa tempat pembiakan daripada jauh melihat daripada kawasan perumahan dan sebagainya ataupun pihak pembinaan, mereka tidak boleh didakwa sebab apa, sebab tuan punya pemilik premis itu tidak ada. Jadi saya rasa sudah sampai masanya kerajaan kaji sikit, penguatkuasaan ini kerana dia tidak boleh didakwa disebabkan individu itu tidak ada di depan mata untuk dikeluarkan notis. Jadi walaupun kita jumpa beratus atau berpuluh apa ini nyamuk aedes itu kita tidak boleh buat pendakwaan. Jadi itu yang kita lihat, saya lihat kerajaan sebab saya itu saya dimaklumkan kepada saya oleh pihak Jabatan. Jadi saya harap kalau boleh ada *approach* yang lain sedikit supaya pendakwaan itu boleh dibuat tanpa, tanpa pemilik itu ada di premis tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Kita mengambil makluman tentang saranan tersebut. Seterusnya, berkenaan dengan berhubung dengan pihak Kerajaan Negeri, memberikan sejumlah peruntukan RM10,000.00 ribu kepada yang seperti yang dibangkitkan oleh Dengkil, pihak Kerajaan Negeri ingin memaklumkan, ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah selama ini bersama-sama turun padang bekerjasama untuk membanteras denggi ini. Jadi dengan peruntukan sebanyak 10 ribu Kerajaan Negeri akan menyalurkan kepada setiap DUN melalui Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor bagi tujuan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di negeri Selangor.

Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR: Saya mencelah boleh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Hulu Bernam

Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR: Terima kasih Tuan Speaker. Kepada EXCO, saya ingin bertanya. Apakah ada cadangan supaya diberi kepada semua pemimpin di peringkat bawahan terutama di kampung alat *fogging* ini supaya pengerusi-pengerusi JKKK ke atau JKP boleh dapat supaya tak ada tunggu kalau ada kes baru nak sembur. Itu antaranya, cadangan saya dan adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mempertingkatkan dengan pelan-pelan yang agak tidak berubah lagi makin meningkat maka apa salah dikeluarkan sikit rizab kerajaan yang berbilion ringgit ini supaya mencari satu rumusan yang sesuai dengan WHO ke seperti yang disarankan oleh Ijok tadi supaya rakyat Selangor terpelihara paling penting nyawa rakyat. Maka EXCO kena ada tindakan yang lebih *efficient*.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Hulu Bernam. Untuk apa yang disarankan oleh Hulu Bernam untuk memberikan peralatan apa *fogging* kepada pihak JKKK sebenarnya kes denggi, masalah denggi adalah lebih tertumpu di kawasan *urban* di kawasan bandar, pinggir bandar. Untuk kawasan kampung ia agak berkurangan kes denggi ini. Jadi kita perlu tumpukan ke kawasan-kawasan yang sangat memerlukan ini. Jadi saranan daripada Hulu Bernam...

Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR: Tuan Speaker. Boleh saya sambung, kalau bandar apa susah, jawatankuasa penduduk ada, jawatankuasa taman pun ada berilah kepada mereka.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Baik

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dah faham dah faham.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok Hulu Bernam. Untuk perkara tersebut kita juga bukan boleh sewenang-wenang memberikan peralatan, memberikan racun kepada orang-orang yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Jadi ia perlu ada ilmu untuk memegang mesin *fogging* untuk mencampur racun-racun jadi ianya perlu ada satu ia bukan sewenang-wenang memberi sebegitu. Ok saya kira untuk ...

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Mencilah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Damansara minta penjelasan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Saya nak mencilah .

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Mungkin saya nak menjawab kepada Ijok.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Belum lagi belum lagi.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Tentang, sepatutnya Kerajaan Negeri membuat kajian, ia kita sedang mengenal pasti konsultan ataupun mungkin Universiti untuk kita minta mereka membuat kajian tentang masalah denggi di Selangor. Jadi dengan adanya kajian tersebut kita boleh melihat apakah lagi tindakan-tindakan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk melaksanakan ataupun untuk memerangi denggi ini. Jadi saya mengambil maklum semua saranan-saranan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam, dalam menangani kes denggi ini. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan belum selesai maka dewan ..

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Boleh sambung ke?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sambung Dewan dulu, maka Dewan harus sambung, maka saya persilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membawa usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut, "Bahawasanya Dewan yang bersidang hari ini mengikut Peraturan Sebelas Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga semua selesai semua urusan Dewan".

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah disokong saya kemukakan untuk persetujuan. Ahli berhormat yang bersetuju sila kata YA. YA yang tidak setuju kata TIDAK. Usul dipersetujui. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa meneruskan gulung.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin menyambung sedikit penggulungan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Sementa sebentar tadi bagi pihak kerajaan. Yang Pertama saya ingin menyatakan di sini bahawa Yang Berhormat Sementa akan kekal sebagai EXCO Kerajaan Negeri. Tidak ada keperluan untuk beliau dipindahkan kerana bagi kita prinsip jelas, pemimpin yang harus turun ialah pemimpin yang rasuah, pemimpin yang menerima *donation*, pemimpin yang hidup bermewah-mewah dan elok juga pemimpin yang diberi amanah sebagai Ahli Dewan Negeri tapi tak mahu datang berbincang dan berbahas menggunakan sidang media, *blog* dan *Facebook*. Orang-orang seperti ini harus letak jawatan dan beri tugas itu kepada orang lain. Yang kedua ada juga yang mengatakan apakah prioriti kerajaan negeri, apakah kita ada *political will*, apakah kita ada keutamaan. Istilah-istilah ini memang sedap didengar tetapi bukan tanggungjawab kita untuk memberikan gambaran seolah-olah isu denggi bukan keutamaan Kerajaan Negeri. Saya nak menyatakan di sini, pimpinan yang ada

dalam MMKN hari ini telah menjalankan tugas cukup bertanggungjawab kita sanggup terjah dan terjun dalam sungai, dalam parit untuk memberikan *message* yang jelas bahawa ini keutamaan kita. Kita bersedia bergelumang dengan masyarakat di bawah dengan suasana di bawah untuk mencari penyelesaian. Tetapi gambaran yang diberikan hanya RM10,000.00 peruntukan diberikan. Saya kira kalau itulah sentimen yang dimainkan memang seolah-olah kita tidak memberikan tumpuan ataupun fokus terhadap masalah denggi. Benar peruntukan ADUN digunakan hanya RM10,000.00 tetapi puluhan juta ringgit digunakan untuk program pengurusan sisa pepejal. Puluhan juta ringgit digunakan bagi pengurusan jalan-jalan supaya masalah sampah masalah turapan jalan dapat diselesaikan. Jadi ini juga menyumbang kepada masalah yang kita hadapi pada hari ini iaitu di mana pembiakan nyamuk aedes dan masalah demam denggi berleluasa. Dan saya percaya Yang Berhormat Sementa akan memberikan penjelasan yang lebih terperinci dalam sesi akan datang ikut peraturan yang sedia ada tetapi saya juga ingin menyatakan di sini sementara Kerajaan Negeri tidak mencampuri dan menghormati peranan SELCAT untuk meneliti dan memberikan pandangan dan saranan kepada Kerajaan Negeri tetapi juga Kerajaan Negeri berpandangan supaya pengolahan yang dibuat dalam penyata itu jangan menimbulkan keraguan. Tidak ada saya lihat di sini sebagai contoh yang disebut tadi, 12(a) Jawatankuasa mendapati bahawa tiada koordinasi yang memuaskan antara Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Negeri adalah mengejutkan apabila MMKN tidak dijemput. Tetapi ayat seterusnya seolah-olah memberi gambaran EXCO menghantar wakil pegawai biasa sahaja untuk hadir mesyuarat. Jadi saya kira walaupun ini penemuan dalam Jawatankuasa, tapi pengolahan itu penting supaya tidak menimbulkan keraguan dan Kerajaan Negeri sentiasa memberikan pandangan supaya ada *resource person expert* yang boleh mengolah syor-syor dan *acommodation* kepada Kerajaan Negeri supaya tidak timbul fitnah tentang apa yang telah kita lakukan sebelum ini. Begitu juga dengan perkara 12 (b) penemuan yang memberikan gambaran tidak pernah berjumpa dengan Menteri Kesihatan, saya sendiri dalam tempoh dua bulan sebaik sahaja diberikan tugas ini telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Kesihatan, Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua-ketua Jabatan daripada Putrajaya dalam Kementerian Kesihatan sama dengan Yang Berhormat EXCO Kesihatan untuk mencari bagaimana masalah ini boleh diselesaikan itu 2 tahun yang lalu.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Permatang

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya sebagai seorang ahli jawatankuasa yang mengendalikan pendengaran itu. Apa yang dilaporkan ini ialah berdasarkan penemuan kita dan juga laporan dan jawapan yang diberikan oleh EXCO sendiri. Sewaktu jawatankuasa memberikan peluang kepada beliau untuk memberikan penjelasan. Tapi bagi kita, kita tidak ada mengelirukan apa-apa pun

dan mesyuarat ini, keputusan ini dibuat bersama semua jawatankuasa. Saya tidak bersetuju pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan bahawa ia mengelirukan itulah jawapan diberikan oleh EXCO dan kita rasa, kita utarakan jawapan yang sebenarnya kepada Dewan ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Permatang, saya faham sebab itu saya kata tadi walaupun ini kesaksian ataupun keterangan yang diberikan dalam pendengaran awam tetapi bukan peranan bagi pandangan Kerajaan Negeri bukan peranan SELCAT ataupun Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan memberikan laporan bertulis setiap yang berlaku dalam pendengaran tersebut. Sebab itu saya menggunakan tadi istilah bagaimana kita mengolah penemuan dan syor bagi kepentingan Kerajaan Negeri melihat penambahbaikan tetapi kalau ada perkara-perkara seperti *private communication* di antara pegawai dengan kerajaan juga diselitkan dalam laporan ini tidak membantu sebenarnya dalam usaha kita untuk menyelesaikan masalah. Saya tidak mengatakan bahawa keterangan telah diberikan ataupun kesaksian yang diberikan itu tidak tepat ataupun tidak betul tetapi dalam mengemukakan satu syor kepada Kerajaan Negeri kita mahu melihat apakah penambahbaikan yang boleh dilakukan melainkan kalau EXCO Kesihatan ataupun MMKN dipihak Kerajaan Negeri langsung tidak mengambil apa-apa inisiatif bagi menangani masalah ini tapi kita sedia maklum kita telah memberikan keutamaan bahawa isu denggi merupakan isu yang besar yang diletakkan dalam agenda utama Kerajaan Negeri dan kita telah berusaha walaupun kita sedia maklum benda ini belum selesai dan kita sedang mendengar apa pandangan daripada SELCAT ataupun daripada Ahli Dewan Negeri bagaimana nak tambah baik ke arah menyelesaikan masalah ini. Dengan itu saya percaya perkara ini akan, saya telah minta supaya Yang Berbahagia EXCO dalam memberikan secara bertulis kepada SELCAT dalam sesi yang akan datang supaya memperincikan setiap tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri berdasarkan syor yang telah dikemukakan oleh SELCAT. Terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Bukit Antarabangsa. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan. *Special Select Committee on Competence, Accountability And Transparency (SELCAT)* bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Wabak Denggi di Negeri Selangor. Yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2016.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju. Sila kata Ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju. Sila kata Tidak. Usul dipersetujui. Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya Usul No. 3 Tahun 2016, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan *Impact TransPacific Partnership Agreement* (TPPA). Terhadap Syarikat Milik Kerajaan Negeri Selangor ataupun *State Owned Enterprise* (SOE) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2016.”

Yang Berhormat Timbalan Speaker, isu TPPA ini merupakan isu yang sangat besar dan bukan skop penyata ini untuk membincangkannya tapi tujuan Jawatankuasa adalah untuk mengutarakan apakah impak-impak awal sebagai laporan awal tentang kesan TPPA kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang dengan izin biasa disebut sebagai GLC tetapi di dalam TPPA perjanjiannya dinyatakan sebagai SOE, *State Owned Enterprise*. Di mana TPPA ini adalah impak yang besar kepada Kerajaan Amerika khususnya dan merupakan salah satu daripada 10 pencapaian terbesar Presiden Barrack Hussin Obama yang menggambarkan kejayaan beliau dalam merangkumkan perjanjian perdagangan *partnership* dengan 12 negara-negara besar termasuk Malaysia di Pasifik Rim. Dan dengan itu, sudah pasti impaknya dari segi sudut politik dan merupakan satu impak yang sangat penting. Dan saya ingin menegaskan bahawa Jawatankuasa membawa laporan awal terhadap impak *TransPacific Partnership Agreement* (TPPA) terhadap anak-anak syarikat Kerajaan Negeri di Selangor yang dimaksudkan sebagai SOE dalam TPPA adalah mana-mana entiti yang menjalankan aktiviti komersial untuk tujuan membekalkan perkhidmatan kepada awam dan dengan itu, satu pendengaran terbuka eh satu pendengaran tertutup telah diadakan pada 2 Februari tahun 2016 dan juga pada 17 Februari 2016 pada tahun ini memanggil wakil-wakil dan pegawai-pegawai satu dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia juga dari Kementerian Kewangan Malaysia, kemudian menjemput wakil dari *Institut of Strategic and International Studies* (ISIS) dan seterusnya memanggil sebuah NGO yang terkemuka yang mendalami isu ini iaitu *Third World Network* yang masing-masing membawa keterangan-keterangan yang memberi pencerahan dan dimuatkan di dalam penyata ini.

Pertama sekali, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia menyatakan bahawa TPPA tidak membawa impak secara langsung kepada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ataupun dia hanya membawa

kesan yang secara langsung kepada SOE anak-anak syarikat Kerajaan di peringkat Persekutuan itu pun yang mempunyai *Special Drawing Riglits* lebih daripada 500 juta. *Special Drawing Riglits* adalah nilai mata wang terbesar di dunia menurut kiraan Bank Dunia terhadap purata 5 buah mata wang seluruh dunia yang pada kiraan pada bulan Februari tahun ini adalah 1 SDR bersamaan dengan RM5. Jadi maknanya satu syarikat yang hanya mempunyai perniagaan melebihi RM2.5 bilion hanya akan termaktub dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dan perjanjian yang terkandung di dalam TPPA kemudian selain daripada itu, ISIS menegaskan bahawa *Investor State Distribute Settlement*, ISDS yang mana negara-negara yang telah mempunyai TPA *Trade Agreement* dengan Amerika mempunyai kesan di mana negara mereka telah di saman oleh Badan-badan Multinasional hanya melibatkan pelabur di peringkat timbang tara antarabangsa. Manakala keterangan daripada Kementerian Kewangan menegaskan bahawa SOE di bawah TPPA bertujuan memberi insentif kepada syarikat-syarikat milik Kerajaan yang mempunyai polisi tadbir urus korporat yang baik. Manakala keterangan daripada *Third World Network* sebuah NGO terkemuka menegaskan bahawa terlalu banyak *complexity* dengan izin yang terkandung dalam perjanjian ini. Antaranya boleh dimuatkan melalui isu yang berkaitan dengan halal, standard piawaian halal yang lebih tinggi yang digunakan oleh Malaysia melalui JAKIM ataupun yang diluluskan oleh mana-mana negara termasuk Amerika. Jadi *disprate* itu tidak disettlekan diselaraskan dan di situ kemungkinan masuknya tekanan-tekanan yang boleh dikenakan kepada negara-negara yang mempunyai perjanjian dengan Amerika dengan TPPA.

Kemudian, dinyatakan juga bahawa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri hendaklah memberi peluang pasaran penawaran pembekalan yang saksama kepada *client* mereka dan *Third World Network* membuktikan bahawa dalam tempoh perjanjian ini telah dilaksanakan dalam bentuk-bentuknya yang tertentu. Negara-negara yang di saman oleh *Investor Multinational Corporation* dengan izin adalah Mexico, Canada, Canada, Canada, 4 kali Jermany, Argentina, Khazaztan dan Rusia. Dan *Third World Network* juga mengingatkan kepada Jawatankuasa bahawa walaupun hanya Kerajaan Pusat akan tertakluk di bawah perolehan Kerajaan di bawah TPPA namun setelah tiga tahun selepas TPPA dikuatkuasakan Kerajaan Negeri akan mempunyai tanggungjawab di bawah TPPA untuk memulakan proses rundingan untuk membuka proses tender terbuka kepada negara-negara TPPA yang lain. Jadi kesannya itu ada. Jadi oleh kerana itu, kami ada beberapa jawatankuasa telah menemui beberapa perkara yang agak menarik dan hasil daripada itu kita telah mengutarakan beberapa saranan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan sebagai satu laporan awal.

Sebagai jawatankuasa yang mendukung demokrasi kita juga mendengar dan meneliti pandangan daripada Ahli yang dari Parti Pembangkang sahabat kami saudara Yang Berhormat Dengkil di mana kita memuatkan pandangan beliau mewakili parti Barisan Nasional yang menyokong penuh TPPA dengan 3 pemerhatian:-

Yang pertamanya dalam muka surat 6, Ahli Jawatankuasa ADUN Dengkil menyokong penuh TPPA.

Kedua, TPPA akan memberikan akses pasaran pada lebih daripada 800 juta penduduk negara TPPA.

Yang ketiganya, TPPA akan meningkatkan daya saing syarikat milik Kerajaan.

Ini kami muatkan kerana walaupun tidak ada peruntukan khusus dalam Peraturan Tetap tapi Peraturan Tetap *Silent* dengan izin tentang peruntukan ini dan kami ingin amalkan bahawa suara walaupun minoriti adalah diperakui oleh Jawatankuasa untuk dibentangkan dalam sidang Dewan ini. Oleh kerana itu, dalam muka surat 7, kami Jawatankuasa telah mengungkapkan beberapa saranan di mana di antara saranan itu adalah kita berharap bahawa pihak Kerajaan membuat satu *taskforce* ataupun tugas yang khas kepada GLC dengan izin anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang akan ada kesannya walaupun pada peringkat Kerajaan Negeri dia tidak mempunyai kesan secara langsung ataupun dari segi bilangan SDR tidak semua dan tidak banyak di kalangan GLC dengan izin Selangor yang akan terlibat pada peringkat ini tapi kemungkinan selepas tiga tahun daripada ini dengan peningkatan ekonomi yang akan dipacu oleh Kerajaan Selangor mungkin kesannya berlainan dengan oleh kerana itu Jawatankuasa mencadangkan agar satu persediaan awal dilakukan untuk membolehkan Kerajaan Negeri Selangor menghadapi cabaran-cabaran yang berkaitan dengan saranan dengan TPPA. Dan Dengan itu, kami Jawatankuasa ingin mengemukakan agar Usul ini diterima. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, Kampung Tunku turut berdiri ingin menyokong Usul yang dibawa oleh rakan saya dari kawasan Hulu Kelang. Saya membuka ucapan saya dengan melafazkan *concern* ataupun keprihatinan saya terhadap isu yang dibawa oleh Penyata ini. Saya ingin membawa perhatian Dewan kepada saranan Jawatankuasa yang ketiga dan yang keempat memandangkan perjanjian TPPA ini telah pun ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan tidak lama dahulu dan setiap negara yang menandatangani TPPA ini perlu ataupun diberi masa selama dua tahun untuk meminda ataupun mengubah sebarang bentuk perundangan ataupun Akta yang ada di dalam sesuatu negara itu supaya ianya selaras dengan keperluan dalam perjanjian TPPA ini. Mahu atau tidak. TPPA ini akan berlaku di Malaysia dan saya menyarankan agar Kerajaan memberi tumpuan kepada saranan 8 sub 3, sub 4 dan saya ingin membaca memandangkan TPPA akan meningkatkan persaingan syarikat milik Kerajaan terutamanya MBI, PKPS, Yayasan Selangor hendaklah membuat kajian yang teliti dan mendalam bagi menghadapi cabaran yang bakal dihadapi maka Kerajaan Negeri membuat langkah reaktif daripada terpaksa menjamin syarikat-syarikat tersebut.

Keempat, Kerajaan Negeri dan setiap SOE, *State Own Enterprise* ataupun GLC Kerajaan hendaklah menjalan, melaksanakan satu kajian impak langsung dan tidak langsung antara TPPA dan SOE Kerajaan Negeri yang bakal menghadapi cabaran.

Tuan Timbalan Speaker, perkara ini adalah sangat penting kami menarik nafas lega kerana masih ada dua tahun lagi tapi ini tidak bermakna kita boleh lalai dan saya kira kajian ini adalah sesuatu yang mana Kerajaan Negeri boleh melaksanakan dalam tempoh terdekat dan ianya adalah satu kajian yang semestinya memberi manfaat kepada kita termasuk Kerajaan Negeri akan mengetahui di mana letaknya kelemahan dan juga kelebihan syarikat, anak-anak syarikat Kerajaan Negeri selepas TPPA ini dan apa yang saya rasa perlu tekankan ialah dan juga perlu di jawab tentang persoalan terhadap daya persaingan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Ini adalah sesuatu yang sangat mencabar kerana dalam saya juga ingin menarik perhatian kepada penemuan Jawatankuasa Perenggan 6 sub 5, Kerajaan Malaysia tidak boleh menggunakan *performance requirement* maka SOE Kerajaan Negeri tidak mampu meningkatkan daya saingan mereka kerana tiada kewajipan pemindahan teknologi dan kemahiran daripada pelabur asing. Ini bermaksud sekiranya Malaysia bakal menghadapi persaingan daripada syarikat-syarikat dari khususnya negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand dan apabila syarikat Kerajaan Negeri tidak mempunyai daya persaingan yang mencukupi dan apabila kerajaan Malaysia tidak mempunyai tidak boleh mengenakan *performance requirement* terhadap kewajipan pemindahan teknologi daripada syarikat-syarikat ataupun negara-negara yang canggih ini maka anak-anak syarikat kita akan berhadapan dengan satu masalah yang sangat mencabar dan saya menggesa supaya Kerajaan memberi perhatian kepada perkara ini.

Kedua, salah satu cara untuk memastikan masalah ini dapat diatasi adalah untuk memastikan *holding companies* kesemua anak-anak syarikat ini iaitu MBI, menjalankan dan mempercepatkan proses penstrukturan semula dan pembaharuan supaya perkara ini sempat dilakukan dua tahun sebelum dalam masa dua tahun yang akan datang ini. Apa yang penting ialah kita perlu pertama sekali memastikan terdapat ketelusan, keterbukaan dan yang kedua kita perlu memastikan bahawa peranan yang disarankan kepada DEIG ini boleh menjalankan tugasnya dan memastikan selepas setahun atau dua ianya boleh berfungsi atas kaki sendiri dan saya bercadang juga supaya cadangan-cadangan ini dapat diterima baik oleh Kerajaan Negeri Selangor dan sekiranya boleh kita dapat saya memohon supaya dibentangkan satu laporan ke Dewan yang mulia ini secara berkala supaya Ahli-ahli Dewan dapat memahami subjek ini dengan lebih teliti kita perlu mengakui bahawa isu ini kurang diberi tumpuan sebelum ini kerana ramai yang ingat Kerajaan Negeri tidak terlibat. Anak-anak syarikat Kerajaan Negeri juga tidak akan terlibat tetapi apabila kita menjalani pendengaran fenomena ataupun gambaran yang ada diberi kepada kita itu mungkin tidak sebegitu rupa dan saya rasa adalah elok kalau Kerajaan Negeri boleh mengambil langkah berhati-hati dan berwaspada dalam isu ini. Sekian, terima kasih. Kampung Tunku menyokong.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Sungai Panjang.

TUAN SPEAKER: Saya anggap Kampung Tunku menyokong dan juga berbahas. Pembahas yang pertama. Saya persilakan Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahitaalla Wabarakatuh*, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia. Saya mahu ambil bahagian dalam perbahasan yang melibatkan Kertas Penyata Mesyuarat Bilangan 4, 2016 berkaitan dengan TPPA kita juga sedia maklum bahawa TPPA ini sudah pun ditandatangani dan sebagai Ahli Dewan yang mulia beberapa maklumat harus kita fahami supaya tidak mendatangkan kekeliruan kepada kita di kemudian hari. Saya nak merujuk ini kepada satu Mesyuarat Menteri TPPA yang telah pun diadakan di Atlanta, Amerika Syarikat pada 30 September hingga 5 Oktober 2015 yang telah pun memuktamadkan rundingan TPPA ini. Berapa lamakah mereka berunding berkaitan dengan TPPA ini. Rundingan dibuat hampir lima tahun dan kalau kita melihat kepada teks penuh ada 30 bab, 595 muka surat. Teks perjanjian 5,755 muka surat akses dan peraturan yang telah pun dipersetujui dan telah pun dihebahkan kepada umum. Dan jika kita membuat kajian yang lebih kita melihat di dalam laman sesawang Kementerian kita akan melihat bagaimana hasil maklumat daripada kajian ISIS, *Institute of Strategic and International Studies* juga kita akan melihat kajian daripada *Pricewater House Coopers* (PWC) yang mana pandangan-pandangan ini, hujahan-hujahan ini ada di dalam laman sesawang berkaitan dengan TPPA ini. Sebenarnya di dalam konteks Kerajaan Negeri apa yang diprihatinkan ialah berkaitan dengan apa yang disebut sebagai SOE iaitu *State Owned Enterprise* tetapi kalau kita melihat daripada segi TPPA ini apa yang menarik daripada segi TPPA ini ialah perjanjian TPPA ini dibentangkan ke Parlimen, di Parlimen dan kalau kita melihat 12 negara yang melibatkan diri daripada TPPA ini Malaysia adalah satu-satunya negara yang membentangkan perkara ini di Parlimen iaitu pada 26 Januari dan saya melihat juga satu Jawatankuasa Kaukus TPPA yang mana Ahli Parlimen Barisan Nasional dan juga Ahli Parlimen Pembangkang telah bermesyuarat lebih daripada 15 kali daripada tahun 2013 hingga 2015 berkaitan dengan TPPA ini. Dan saya merujuk lagi pada 3 Januari 2016 ada sidang plenari bengkel yang melibatkan berkaitan dengan TPPA dan saya melihat ada 6 atau 7 perkara yang penting berkaitan dengan TPPA ini.

Yang pertama, berkaitan dengan akses pasaran. Yang Kedua, berkaitan dengan pelaburan. Yang Ketiga berkaitan dengan perolehan Kerajaan. Keempat, isu bumiputera dan syarikat milik Kerajaan. Soal hak cipta, soal ubat-ubatan dan kalau kita melihat daripada TPPA maknanya berkaitan dengan TPPA sudah pun diperdebatkan, diambil kira pandangan daripada pihak Kerajaan dan juga pihak Pembangkang.

Dan saya nak merumuskan TPPA ini tidak dimasuki secara paksa ataupun ada tekanan terhadap perjanjian ini dan kalau kita melihat dokumen yang saya dapat ini berkaitan dengan Bab 30, perkara 6 kita boleh keluar daripada TPPA sekiranya ia boleh mendatangkan kemudaratan dan keluar daripada TPPA ini tidak bermakna kita akan di saman ataupun kita akan mufliis.

Adakah TPPA ini tidak langsung membawa kebaikan? Saya merujuk kepada beberapa dokumen walaupun di peringkat ASEAN kita ada satu komuniti ekonomi ASEAN dan walaupun Kerajaan Malaysia kita ada 12 kawasan FTA tetapi juga dengan adanya TPPA ini pasaran berkaitan di US, Kanada

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang, Hulu Kelang minta penjelasan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Sekejap-sekejap.

TUAN SPEAKER : Sekejap dia bagi.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Dan juga Peru boleh juga dimasuki. Silakan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sila Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Skopnya bukan tentang TPPA dan apa skop penyatannya adalah kesan terhadap SOE.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Ini mukadimah sahaja, baru mukadimah.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang kita ada 5 minit sahaja membahas.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Boleh.

TUAN SPEAKER: Kalau mukadimah panjang kita, 1 minit aje tinggal. So, pendekkan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: 1 minit lagi. Dalam konteks Kerajaan Negeri apakah keprihatinan kita? Dan saya merujuk kepada dokumen berkaitan dengan teks utama TPPA, Annex 15A dan juga Annex 4, juga melihat daripada mekanisme pertikaian TPPA dengan merujuk kepada kesan-kesan *Investor State Distribute Settlement*, ISDS itu sendiri dan kalau lah kita melihat daripada penemuan

Jawatankuasa perkara yang pertama tadi, diletakkan ialah syarikat milik Kerajaan Negeri tidak tertakluk kepada obligasi ini di bawah Bab SOE, TPPA kerana pendapatan tahunan SDR 500 juta ke bawah, tidak tertakluk dan ini tadi disebut oleh, ini juga disebut tadi disebut tentang perolehan syarikat yang di bawah 2.5 bilion itu, tidak tertakluk tetapi kalau kita melihat kepada rumusan yang dibuat disebut tadi ialah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mungkin mengalami kesan tidak langsung berikutan kenaikan harga biji benih yang berkemungkinan besar naik mendadak. Saya nak *strengthkin word* berkemungkinan besar itu sendiri, saya nak membaca ini supaya saya dapat baca bersama dengan penemuan perkara 3. Penemuan perkara 3 tadi disebut ialah memandangkan kebanyakan daripada SOE Kerajaan Negeri Selangor terutama MBI, PKNS, Yayasan Selangor mengalami kerugian sekali lagi disebut besar kemungkinan SOE Kerajaan Negeri tidak mampu bersaing syarikat-syarikat pelabur asing yang lebih kompetitif dalam penawaran perkhidmatan.

Saya merujuk perkara ini sebab, saya juga prihatin dengan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi bukan semua perkara yang patut perlu dimasukkan ke dalam laporan penyata seperti yang diperbincangkan di dalam isu denggi tetapi meletakkan semua elemen-elemen yang memberikan imej dan persepsi yang negatif terutama kepada SOE Kerajaan Negeri disebut kemungkinan akan rugi dan juga disebut kemungkinan akan berlakunya tidak mampu bersaing dan saya kira elemen perkara utama yang penting dalam perkara yang kita bincangkan ini ialah sejauh mana SOE Kerajaan-kerajaan Negeri ini mampu untuk bersaing. Akhirnya,

TUAN SPEAKER: Ha 1 minit.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHD: 1 minit. Saya melihat isu yang sangat penting ialah daripada segi piawaian halal. Ya, sejauh mana piawaian halal, kita sedia maklum iaitu di dalam SOE kita, kita ada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang ada Halal Hub di Pulau Indah. Jadi kita akan berhadapan dengan satu piawaian halal Amerika Syarikat. Sejauh mana piawaian halal yang mana di Negeri Selangor akan kita berhadapan dengan piawaian halal daripada Amerika Syarikat. Bagaimanakah titik pertembungan ini? Dan bagaimanakah pada masa akan datang kolaborasi antara JAKIM, MAIS dan Institusi Agama yang ada kaitan dengan soal halal ini ada kaitan dengan TPPA dan bagaimana dengan isu-isu pelaburan ini untuk ditangani bersama. Banyak perkara-perkara lain yang pada saya soal penjajahan semula. Ramai yang bercakap bagaimana TPPA ini menyebabkan negara ini akan dijajah semula dan pada saya itu tidak mungkin akan berlaku kerana mana-mana negara pun kita akan bergantung kepada pelaburan asing. Jadi kita tidak boleh kaitkan pelaburan asing dengan penjajahan semula. Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya tidak, saya kira Penyata ini tidak menyentuh tentang isu tentang penjajahan semula. Apa yang kita dititik beratkan oleh Penyata ini adalah kesannya terhadap GLC atau SOE kita. Saya bagi contoh, sebenarnya Yang Berhormat Sungai Panjang, kita seharusnya mengelak daripada memberi satu gambaran bahawa TPPA ini *is like a bed of roses, rose garden*, semuanya pandai, semuanya indah permai belaka ia tidak semestinya, ia mungkin tidak kerana saya bagi contoh PKPS. PKPS sedang *struggle* untuk mencapai keuntungan. Tapi bagaimana PKPS kena bersaing dengan industri pertanian yang begitu maju dan canggih dari New Zealand. Kita tahu New Zealand ada Fontera, ada Fernleaf, ada kumpulan-kumpulan Dairy Group yang memang canggih. Pasaran mereka sampai ke seluruh dunia. Bagaimana PKPS boleh bersaing dengan mereka, ini persoalan dia. Sedangkan PKPS sekarang masih sedang bergelumang untuk mencapai keuntungan. Itu soalan dia.

TUAN SPEAKER: Silakan Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Terima kasih. Saya melihat senarionya begini. Ini adalah perkara faktor-faktor lonjakan daripada luar. Bagaimana faktor-faktor ini akhirnya nanti akan menyebabkan apa yang disebut sebagai SOE itu, boleh berhadapan atau tidak boleh berhadapan dengan perkara-perkara ini. Sebab itu, dalam perkara yang disebut tadi di dalam penemuan Jawatankuasa, yang disebut beberapa kali hendaklah memastikan bagaimana SOE ini punyai kekuatan, punya daya saing untuk bersaing. Jadi pada saya, apa yang saya sebutkan tadi soal penjajahan semula, ini beberapa kritikan. Kritikan-kritikan yang diberikan berkaitan dengan TPPA dan saya menolak kritikan-kritikan ini daripada aspek penjajahan semula itu sendiri kerana apa, kerana dalam perkara-perkara yang akan disebutkan soal pelaburan asing adalah sumber kepada pendapatan dalam lingkungan kecil ataupun dalam lingkungan besar. Saya faham, saya telah mendapat signal daripada Timbalan Speaker, apa pun yang berlaku perjanjian ini sudah pun ditandatangani. Kita menghormati apa langkah seterusnya kita ke hadapan ialah kita menyiapkan perkara-perkara yang berkaitan dengan SOE ini untuk berhadapan dengan senario TPPA. Sekian, terima kasih. Saya menyokong Penyata Jawatankuasa ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya persilakan pihak Kerajaan. Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Kelang, Kampung Tunku dan Sungai Panjang yang telah pun membicarakan perkara ini yang sebenarnya ini menjadi satu isu yang amat penting bagi Kerajaan Negeri. Saya tidak, walau bagaimanapun saya tidak setuju dengan pendirian yang diambil oleh Yang Berhormat Sungai Panjang menyatakan bahawa perjanjian ini telah pun

dimaktubkan maka kita kena hadapan dan tidak melihat kepada perkara-perkara yang masih menjadi kebimbangan kita. Sikap, nasi sudah jadi bubur saya rasa itu adalah satu sikap yang tidak bertanggungjawab dalam soal ini. Kerajaan Negeri telah pun menyatakan pendirian Kerajaan Negeri yang tidak menyokong, membantah terhadap pelaksanaan TPPA ini dengan jelas dan sebenarnya semua pihak tidak diberi masa yang mencukupi untuk membuat kajian sebelum memberikan pandangan walaupun Kerajaan Negeri iada dipohon memberikan pandangan dalam perkara ini tetapi apa yang dipohon oleh pihak Kerajaan Persekutuan hanyalah dari segi apakah perlindungan yang diperlukan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam hal TPPA ini. Tapi yang secara umum, yang lebih mendalam dalam aspek-aspek yang berlainan yang berbagai aspek itu tidak diminta untuk dibincangkan kerana dia melibatkan dari segi bilangan *volume* itu, 6,000 muka surat perjanjian tersebut.

Bagaimana ini tidak dirujuk untuk dikaji supaya pandangan yang lebih lengkap daripada Kerajaan Negeri dapat dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan dan

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Pohon celahan, pohon celahan.

TUAN SPEAKER: Sila Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Disebut beberapa kali tadi iaitu Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan TPPA ini. Jadi tolong beri perincian elemen manakah sebenarnya yang Kerajaan Negeri tidak bersetuju berkaitan dengan TPPA ini.

Y.B. DATO' TENG CHENG KHIM: Ya, Tuan Timbalan Speaker, saya telah pun menjawab dengan teliti di dalam soalan daripada Yang Berhormat Sabak itu sendiri tapi disebabkan Sungai Panjang ponteng banyak hari jadi dia tidak tahu. Jadi saya minta dia baca daripada Hansard. Ya. Sudah dinyatakan Kerajaan Negeri merujuk kepada kajian yang dibuat oleh ISIS iaitu Institut Kajian Strategik Antarabangsa dan *Price Waterhouse Coopers* yang telah pun dirujuk dan ada dinyatakan kesan positifnya kesan negatif. Ada dinyatakan dengan terperinci dalam Dewan ini. Walaupun ada kesan positif, kesan positif itu tidak semestinya baik. Kadang-kadang itu indah, apa tu, indah khabar dari rupa sebab yang disebut oleh Sungai Panjang tadi kita salah satu kesan positif adalah *accessibility*, ada akses pasaran yang begitu besar. Yang Berhormat Dengkil menyatakan begitu dengan begitu tinggi semangatnya kita ada akses kepada 800 juta pasaran. *Accessibility* tidak bererti *marketability* walaupun pasaran besar, adakah barangan kita mempunyai mutu yang mencukupi mutu untuk bersaing dengan pasaran yang besar ini? Jadi pasaran besar tidak bererti kita mempunyai peluang jika kita tidak ada daya persaingan. Itu yang tidak difahami Dengkil. Jadi kita lihat pada kemampuan kita sendiri dan ini lah menjadi satu kebimbangan kepada kita khususnya umpamanya Hak Cipta Intelek. *Intellectual* berapa *intellectual property* yang ada kepada kita, nak bersaing dengan Amerika Syarikat dan sekarang tempoh, tempoh untuk Hak Cipta Intelek itu

dilanjutkan bererti ubat akan menjadi mahal, sebab lanjutannya bererti yang *generate* tidak boleh dibuat kerana ada perjanjiannya. Dan ini tidak dilihat dengan serius oleh pihak kerajaan bagaimana kita dapat melindungi kepentingan, melindungi kepentingan rakyat Malaysia ini dan ini adalah antara isu-isu yang menjadi kebimbangan yang tidak dapat dijawab dengan baik oleh Kerajaan Persekutuan dan kesan negatifnya sudah tentu begitu jelas sekali termasuk yang Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur Negara (ISDS) walaupun dijangka lebih baik tetapi bila ada *misalignment* ia akan menjadikan isu sama ada ia memudaratkan kepentingan negeri. Jadi itu isu yang tidak dapat dijawab dengan baik dan sementara itu perkara seperti khususnya kepada Hak Cipta ini bererti sekarang ini setiap Hak Cipta itu dilanjutkan tempoh bukan sahaja di dalam perubatan yang akan menghadapi masalah tetapi termasuk juga kajian kita sendiri. Kajian oleh pelajar kita juga akan menghadapi satu sebab, buku teks semua Hak Cipta yang begitu panjang tempohnya. Dan isu-isu ini tidak ditangani dengan baik oleh Kerajaan Persekutuan dan sebab itu sehingga ke hari ini masih tidak dapat pihak kerajaan masih belum mendapat satu jaminan yang meyakinkan. Oleh itu buat masa ini pendirian Kerajaan Negeri adalah jelas dan saya setuju dengan Yang Berhormat dan juga laporan ini yang dikaji dari semasa ke semasa supaya kita dapat tahu impaknya setakat mana impaknya terhadap ke atas pembangunan Malaysia dan khususnya Selangor ini. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa yang telah pun berusaha untuk mendapatkan dan memperolehi maklumat membantu kerajaan menggubal dasar...

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Mohon pencilahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Adakah ini bermakna SOE Kerajaan Negeri tidak bersedia bersaing dalam keadaan TPPA?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Kita nak bersaing, kita nak bertanding, patut kita tahu juga peraturan dari mana. Patut kita tahu di manakah kemampuan kita untuk bersaing bukan kita nak, asal main, main terus, nak *sign*, *sign* terus. Kita kena tahu kemampuan kita kat mana, tahap kita kat mana, sama ada kita boleh masuk kat main bola sepak juga. Liga A nak masuk atau pun kategori B atau kategori C, kita kena tahu di mana tahap kita. Kalau tahap kita cuma boleh main di Liga Peringkat C kita pula lapor dan mendaftar diri ke Peringkat A sudah tentu mati. Sudah tentu kalah. Itu yang kita tak tahu dan peraturan macam mana. Itu semua kita nak tahu tapi itu tidak jelas, sebenarnya tidak ada ketelusan langsung. Dalam sepanjang perbincangan dia nilai kita dengan pihak Kerajaan Malaysia dan kerajaan dan di Amerika Syarikat sendiri juga belum pasti Presiden Obama boleh mendapat kelulusan daripada Parlimen mereka sendiri dan ini masih menjadi tanda tanya sehingga hari ini. Jadi saya tidak faham bagaimana Dengkil dan juga Sungai Panjang memberi sokongan yang begitu padu kepada TPPA ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan ini ialah satu Usul yang berbunyi Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP-ABBAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan *Impact TransPacific Partnership Agreement* (TPPA) terhadap syarikat milik Kerajaan Negeri *State Owned Enterprise* (SOE) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2016. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui. Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, Usul No. 4 Tahun 2016, Usul Di Bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut; Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas, minta maaf Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Mekanisme Penentuan dan Penilaian KPI Di Tahap PBT yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 5/2016.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Penyata ini adalah satu Penyata yang ringkas dan *straight to the point* dengan izin. Ucapan saya juga ringkas dan tidak akan panjang lebar. Boleh saya simpulkan isu yang dibawa di sini adalah di dalam dua kategori.

- (i) Bagaimana pihak PBT menentukan KPI ataupun Sasaran Kerja Tahunan kepada setiap jabatan dan daripada jabatan kepada setiap Pegawai di dalam PBT tersebut dan
- (ii) Macam mana kita membuat pemberian bonus di peringkat PBT.

Jadi untuk isu pertama, Jawatankuasa mendapati bahawa di setiap PBT, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) ditentukan dari peringkat dalaman dan diluluskan oleh Yang Dipertua Majlis ataupun Datuk Bandar. Untuk kes ini kita mencadangkan di dalam saranan 7.1 dan 7.2 supaya SKT ini dan seterusnya diterjemahkan kepada KPI setiap Pegawai, dibuat secara lebih holistik di mana kita mencadangkan ia melibatkan Ahli-ahli Majlis di dalam PBT tersebut. Tujuannya ialah kerana kita mendapati di dalam Sesi Pendengaran ini bahawa banyak Pegawai, kita mendapat contoh daripada MBPJ dia mana lebih daripada 95% pegawai mendapat prestasi lebih daripada 80%, bermaksud agak cemerlang tetapi kita lihat bagaimana ini tidak sama dengan permintaan dan kehendak dan penilaian

penduduk setempat terhadap prestasi PBT. Jadi kepada setiap jabatan apakah KPI mereka daripada Kejuruteraan kepada Bahagian Sukan, Bahagian Landskap dan sebagainya. Apakah KPI ataupun sasaran yang hendak kita beri pada setiap jabatan dan unit-unit di bawah jabatan tersebut dan perkara ini haruslah dibincangkan di antara kumpulan Ahli Majlis yang lebih besar supaya kita dapat *bring together* pandangan yang berbeza sebab satu kumpulan Ahli Majlis yang seramai 24 atau 25 orang termasuk dengan YDP akan mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Kita nak *make sure* tidak ada satu dia cenderung fokus sahaja dan tidak menyeluruh merangkumi keseluruhan PBT tersebut.

Dan isu yang kedua ialah hak pemberian bonus, di mana kita melihat bahawa bonus yang diberikan di dalam dua PBT yang kita melaksanakan sesi ini ialah MP Selayang dan MBPJ adalah lebih cenderung ke arah kutipan hasil. Kita lihat keterangan dari MBPJ di 4.2 dan juga MPS di *point* 5.2 adalah lebih kepada pencapaian dari segi hasil, peningkatan hasil, peningkatan rizab dan peratus kutipan hasil yang cukup tinggi. Kita maklum perkara ini adalah sangat penting. PBT tidak dapat berjalan jika hasil tidak dikutip. Jika hasil tidak dikutip dengan satu peratus yang amat tinggi itu satu pencapaian yang bagus di Negeri Selangor dan kepujian harus diberi kepada semua yang terlibat dalam kutipan hasil tersebut. Tetapi prestasi PBT lebih luas daripada tersebut. Di sini di saranan 7.3, kita mencadangkan bahawa KPI khusus yang diberi kepada setiap pegawai, setiap jabatan harus diambil kira dalam pemberian bonus tersebut. Jika Bahagian Hasil melakukan tugas mereka dengan bagus mengutip 95% - 99% hasil yang dikutip mereka patut dapat bonus yang bagus kerana mencapai sasaran kerja mereka tetapi kerja daripada Jabatan Sukan adalah berlainan dan tidak bergantung pada kutipan hasil. Jadi adakah peralatan dan infrastruktur sukan yang disediakan Majlis diselia mengikut SKT. Adakah untuk Jabatan Kesihatan skop kerja mereka seperti yang dibuktikan dalam SKT itu diikuti dengan cemerlang atau memuaskan atau tidak memuaskan. Jadi kita mencadangkan bahawa pemberian bonus ini haruslah lebih dinamik, sebab kalau kami memberi bonus satu bulan atau dua bulan kepada semua Pegawai tidak kira jabatan itu *perform* atau tidak *perform*, maka ini akan menjadi satu *disincentive* kepada pegawai-pegawai yang bekerja keras di dalam PBT-PBT kita. Jadi hasrat kita murni kita hendak meningkatkan prestasi PBT-PBT kita di Negeri Selangor. Jadi dengan itu saya mohon mencadang.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sekalian, Usul telah disokong, saya buka untuk Perbahasan. Tidak ada? Rawang. Silakan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker, terima kasih. Saya cuma ingin turut serta dalam Perbahasan untuk Laporan Jawatankuasa ini dengan mengambil beberapa pandangan. Kita sedia maklum bahawa Pihak Berkuasa Tempatan

merupakan satu agensi yang amat penting dan mewakili imej pihak Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat dan efektif, telus dan bertanggungjawab. Jadi dalam kita dalam ke arah *Smart* Selangor yang dengan visinya berpaksikan rakyat keperluan rakyat dengan izin *people's centric*, sudah tentunya saya rasa dalam penentuan KPI ini kita perlu mengambil satu perspektif yang lebih terbuka dan holistik. Tidak dapat dinafikan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan salah satu peranannya adalah untuk meningkatkan hasil dan mengutip hasil cukai pintu, lesen dan sebagainya supaya Pihak Berkuasa Tempatan ada sumber untuk menawarkan dan menjalankan perkhidmatan asas atau selebihnya kepada pembayar-pembayar cukai dan selebihnya pihak berkepentingan iaitu *Stakeholders*. Namun saya rasa dalam kita menitikberatkan peratusan kutipan hasil itu kita juga jangan abaikan pandangan dan keperluan dan juga *expectation* dengan izin pembayar cukai. Jadi saya ingin mencadangkan kalau boleh penentuan KPI atau SKT itu juga diambil kira dari segi tahap kepuasan penyampaian perkhidmatan iaitu *service delivery* dengan izin. Sebab ini adalah salah satu *key point* yang saya rasa bahawa setiap Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengambil kira selain daripada apa yang ditetapkan dari segi pengurusan sumber manusia dari segi pengurusan kewangan, saya rasa salah satu aspek yang perlu kita ambil kira adalah dari segi kepuasan yang kita sampaikan dari segi perkhidmatan kepada rakyat jelata secara umum dan pembayar cukai. Itulah sebabnya saya rasa adalah memadai dan saya rasa Kerajaan Negeri perlu ada satu *standard* yang selalu kita terima *feedback* ataupun maklum balas daripada orang awam bahawa mereka sebenarnya ada satu *expectation* yang tinggi terhadap keberkesanan dan cara yang cepat dan efektif dan telus daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi itu saja yang ingin saya cadangkan. Sekian, saya menyokong Usul ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Rawang. Saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Timbalan Speaker saya mengucapkan terima kasih kepada Ijok dan Bukit Gasing juga Rawang untuk menyokong tentang Usul dan telah khususnya Ahli-ahli Jawatankuasa telah menghasilkan laporan tersebut Tentang Mekanisme Penentuan KPI dan juga penilaian di tahap PBT dan saya memang mengalu-alukan saranan yang diberikan oleh Jawatankuasa dan tidak menafikan setiap PBT memang ada KPI berbeza di peringkat mereka untuk menilai prestasi pegawai masing-masing dan saya akan kemukakan laporan yang lebih terperinci kepada Dewan yang mulia ini pada sesi yang akan datang. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Seri Kembangan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masa di hadapan Dewan ini ada satu usul yang berbunyi menurut peraturan 765 Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Mekanisme Penentuan Dan

Penilaian KPI di Tahap PBT yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2016. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya usul nombor 5 Tahun 2016, usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya peraturan 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor, *Special Select Committee on water Resource Management of the State of Selangor* (JPK-SAS). Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Kualiti Kawalan Pencegahan Pencemaran Di Lembangan Langat Dan Kaedah Mitigasi Pencemaran Di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2016. Tuan Speaker sebelum saya pergi jauh saya kena nak kertas bilangan ini kena membaca dengan notis pindaan kertas mesyuarat bilangan 6 yang telah diagihkan di dewan yang mulia ini sebab ada kesilapan cetakan pada muka surat enam penyata ini. Tuan Speaker saya hanya nak simpulkan apa yang kita katakan di penyata ini seperti sidang yang lalu JPK-SAS telah bentangkan dua penyata dalam pengurusan air untuk Selangor, negeri Selangor. Kita sentiasa akan membentangkan satu penyata untuk kualiti dan satu penyata untuk kuantiti untuk *easier follow up* dengan izin. So hari ini saya penyata ini adalah dari segi kualiti dan penyata seterusnya adalah untuk dari segi kualiti eh kuantiti. Kali ini jawatankuasa memberi tumpuan kepada Lembangan Sungai Langat sebab kita berasa bahawa lembangan Sungai Langat adalah lembangan yang paling ada *problem* sekarang dengan izin. Dia menghadapi pencemaran yang paling kritikal dan juga lembangan Sungai Langat adalah tempat ataupun kawasan area paling kritikal dari segi bekalan air. Kami telah mendapatkan pendengaran daripada UPEN, LUAS dan Jabatan Alam Sekitar. Perenggan 5.1 menghuraikan pencemaran Sungai Langat yang masih lagi berlaku seperti tahun-tahun yang lepas dan kita rasanya belum lagi masalah ini selesai. 5.52 menghuraikan bagaimanakah kerajaan inisiatif dan usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini antara yang saya nak menarik perhatian dewan yang mulia ini adalah 5.2.1 yang di mana Kerajaan Negeri mengkaji bagaimana kita boleh pinda undang-undang ataupun enakmen di mana sama ada kita boleh mengetatkan lagi piawaian pengeluaran *effluen* di ke sungai. Tetapi mengikut nasihat undang-undang bahawa hal ini mungkin tidak boleh dilakukan sebab kita adalah kerajaan dan negeri dan apa-apa yang enakmen yang kita gubalkan di Kerajaan Negeri sekiranya ada percanggahan atau konflik dengan Undang-Undang Persekutuan kita akan diatasi. So, seksyen 12.21 akta kualiti alam sekitar 1974 sebarang penetapan piawaian pelepasan pencemaran ataupun kumbahan hanya boleh ditentukan oleh Menteri di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia. Setelah berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling. Oleh itu, jika kita nak mengetatkan piawaian ini dewan

yang mulia ini perlu menggesa Kerajaan Negeri supaya kita boleh memanjangkan lagi hal ini kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji sama ada Negeri Selangor boleh ada piawai sendiri. Perkara yang kedua yang saya ingin memberi sedikit pujian kepada UPEN dan pihak LUAS adalah selepas pencemaran manggan ia adalah di seksyen 5.2.2. Selepas pencemaran Mangan berlaku di Sungai Langat ada tindakan yang dilakukan oleh pihak LUAS, mereka telah mengadakan kolam takungan air iaitu kolam orang asli Bukit Tampoi yang diguna pakai untuk mencairkan kandungan amonia ataupun pencemaran secara serta-merta untuk Bukit Tampoi. Kita juga telah menyentuh bagaimana terowong Langat Dua dan juga menyentuh inisiatif di 5.2.5 yang menyentuh bagaimana kita boleh mengalihkan sumber air mentah dari empangan Semenyih ke Sungai Langat dan 5.2.6 juga menjelaskan cara koordinasi agensi-agensi berkenaan apabila pencemaran berlaku. *In short*, terdapat tiga penemuan utama jawatankuasa yang paling penting yang pertama dan yang paling penting jawatankuasa mendapati bahawa, yang ini penemuan yang sangat mengejutkan bagi saya. Jawatankuasa mendapati bahawa Kerajaan Negeri tidak mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap keputusan pelepasan air dari terowong Projek Langat 2 dari Sungai Langat. Menurut pihak LUAS di pendengaran mereka berkata bahawa pihak Kerajaan Negeri Selangor sedang menghadapi masalah untuk mendapatkan air dari terowong Langat 2. Berikut kesulitan yang dihadapi oleh loji rawatan air membatik yang hanya mengeluarkan dua juta liter sehari di sungai semantan di Pahang. Di mana muka sauknya adalah terlalu tinggi memerlukan air yang banyak di sungai semantan untuk mencapai paras muka sauk. Kerajaan Negeri Pahang mengutamakan keperluan loji rawatan air sendiri dan tidak membenarkan pengeluaran air ke terowong Langat 2 apabila paras air Sungai Semantan lebih rendah daripada muka sauk loji rawatan air membatik. Ini adalah sangat membimbangkan sebab jikalau sekarang pun terowong Langat Dua tidak mampu membekalkan air mentah untuk keperluan kita apatah lagi kalau Langat 2, loji rawatan air Langat 2 dibina. Harap boleh mendapat perhatian dewan yang mulia ini. Yang kedua jawatankuasa mendapati bahawa kerajaan mampu mengambil tindakan yang lebih banyak lagi untuk menyelesaikan masalah. Saranan-saranan yang kita telah bagi di penyata-penyata yang lalu. Ketiga jawatankuasa mendapati bahawa tiada kaedah komunikasi yang formal, bertulis antara agensi-agensi pengurusan air kerajaan. Masalah komunikasi antara agensi-agensi mereka menggunakan *whatsapp* sahaja. *So, there is no standard operating procedure* dengan izin. *So* kita berasa bahawa *some times* dia akan mengakibatkan disconnect di antara agensi-agensi berikut yang berkenaan. Kali ini jawatankuasa tidak akan memberi peranan yang banyak, hanya kita nak Kerajaan Negeri untuk mefollow up apa yang kita cadangkan pada penyata-penyata yang lalu saya hendak sekali lagi salah satu saranan yang lepas adalah saya nak sekali lagi menggesa kerajaan untuk memberi peruntukan yang mencukupi untuk membangunkan *intergrated water resource management system* ataupun apa-apa applikasi yang boleh menggunakan teknologi untuk pengurusan air dan untuk membuat keputusan dalam pengurusan air di Selangor. *We need data, we need modelling, we need technology* dengan izin. Sekarang, banyak yang kita gunakan adalah sangat manual

dan *fire fighting*. Saranan baru yang kita bagi pada Kerajaan Negeri adalah kita sudah menulis surat kepada Kerajaan Negeri sebab cadangan-cadangan itu perlu dilakukan dengan segera dan kita tahu bahawa musim sekarang adalah musim sangat kering dan kita telah menulis surat kepada kerajaan negeri. Antara yang paling penting ialah jawatankuasa menyarankan kepada kerajaan supaya mengkaji dan *consider* dengan serius dengan izin di mana sama ada di lembangan Sungai Langat kita boleh mengalihkan ataupun mengeluarkan air dari empangan secara berterusan *24 hours* pada musim kering. Kerana kita sentiasa dengar bahawa Sungai Langat akan menghadapi pencemaran kerana kekurangan air pada masa musim kering. So, jikalau kekurangan air adalah sentiasa akan berlaku pada musim kering, pencemaran akan berlaku. Apakah *step* yang proaktif yang kita boleh buat ialah Empangan Langat boleh sentiasa mengeluarkan air supaya boleh kekalkan Level River, paras sungai seperti paras musim biasa supaya pencemaran tidak akan berlaku. *Because concentration is a function of mass vs volume* so dengan izin. Jika kita ada cukup *volume* cukup air di sungai maka *concentration* dengan izin ammonia tidak akan meningkat. So saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh menimbang dengan serius cadangan ini. Dan saya juga nak katakan cadangan ini juga dikemukakan kerana kita mendapati bahawa jikalau terdapat pencemaran berlaku. Jikalau pencemaran ammonia berlaku di muka sauk loji rawatan air dan kita nak mencairkan pencemaran ini. Empangan adalah sangat jauh dari muka sauk loji rawatan air dan jika kita nak mengalirkan air dari empangan ke loji rawatan air ia kena ambil masa 14 jam. Oleh itu, itulah kenapa pencemaran kita kena sentiasa menutup loji rawatan air dengan sangat panjang dalam tempoh yang sangat panjang. So, dengan adanya kita boleh mengeluarkan air secara berterusan maka ini akan menurunkan *probability* ataupun kemungkinan pencemaran akan berlaku. Kita juga sudah *calculate* dengan izin sama ada kapasiti Empangan Langat cukup untuk memberikan seratus juta liter sehari jikalau kita mengeluarkan air secara berterusan pada musim kering. Kita telah mendapati ia adalah mencukupi untuk tiga ratus hari tanpa hujan. Ia bermaksud bahawa jika kita lakukan pada musim kering, ia adalah sangat *fixable* tetapi kita rasa bahawa cadangan ini perlu dikaji dari segi *more scientifically* dan *more details* dari UPEN. Yang cadangan kedua yang kita nak bagikan ialah kita berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh memperbaiki rangkaian komunikasi agensi-agensi. Dan yang ketiga ialah kita sangat merisau bahawa kita tidak dapat mendapat bekalan air mentah dari Terowong Sungai Langat 2. Oleh itu jawatankuasa harap bahawa Kerajaan Negeri boleh memastikan bekalan air dari terowong projek Langat 2 boleh digunakan apabila diperlukan. Kerajaan Negeri Selangor perlu memastikan tindakan-tindakan bersesuaian diambil supaya Kerajaan Negeri Pahang boleh mengatasi kerumitan Sungai Semantan. Saya berasa bahawa kita ada banyak pegawai-pegawai di Negeri Selangor yang cukup *capable* boleh membantu pegawai-pegawai di Kerajaan Negeri Pahang untuk mengatasi masalah mereka di sana. Sebab loji rawatan air itu hanya dua juta had liter sehari berbanding loji rawatan air kita yang beratus-ratus juta liter sehari. So kita berasa bahawa masalah Loji Rawatan Air Mempatih boleh mengatasi dengan senang sahaja dengan

adanya bantuan daripada kerajaan Selangor. Dengan ini sahaja Damansara Utama mohon usul ini disokong.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Tuan Speaker, Ijok menyokong.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Ijok. Saya mempersilakan untuk perbahasan. Pelabuhan Kelang.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Terima kasih Tuan Speaker, saya telah sangat meneliti dua kertas yang dibuat. Tapi oleh kerana dia mengenai air iaitu Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai kuantiti status air bekalan air mentah yang terawat dan juga berbincang mengenai pencegahan kualiti walaupun diasingkan. Apa yang saya nak ingatkan....

TUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang. Kita pergi kepada kualiti sahaja dahulu.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Kualiti. Tapi konsepnya saya nak ingatkan Speaker bahawa apabila kita, tujuan kita mengadakan penyusunan semula industri air, iaitu dapat menjaga air mentah dan air terawat dijaga oleh satu, satu apa yang dipanggil, satu organisasi yang tertentu yang dipanggil sebagai dulu sebagai PUAS, Pengurusan Urus Air Selangor. Jadi dengan cara itu, semua masalah-masalah mengenai air mentah yang dilakukan oleh LUAS, masalah-masalah mengenai air terawat, *efficientnya*, kecekapannya dibuat melalui apa yang dipanggil sekarang di bawah entiti Air Selangor, iaitu Air Selangor. Oleh itu, saya meminta Jawatankuasa Pilihan Khas ini memanggil air Selangor sebab air Selangor itu ialah yang akan mengambil semua saham-saham syarikat air iaitu sama-sama syarikat air yang mana terdiri daripada saya nak ingatkan Dewan tapi boleh jadi apa tu, yang terdiri daripada ABASS, SPLASH, Puncak Niaga dan SYABAS. Tapi sekarang kesemuanya ini termasuk di bawah satu entiti. Jadi oleh sebab itu, masalah-masalah yang dihadapi oleh Jawatankuasa ini akan mesti diselesaikan oleh pengurus ataupun CEO yang menjaga Air Selangor tersebut. Jadi disebabkan itu kita dapat *efficiency* ini *used*. Jadi, dan, dan saya nak ingatkan harta yang diurus oleh syarikat tersebut ialah RM9.6 ribu juta. Oleh sebab itu, saya nak ingatkan sebab kalau tidak kita melihat keseluruhannya. Sebab yang ini yang dikatakan yang kita kena buat. Saya nak ingatkan sebab inilah yang kita memakan masa yang lama untuk menyelesaikan masalah ini antara lain Langat 2 yang mana kita juga mesti mengikutinya perkembangan sebab kesemuanya ini akan memberi kita peluang untuk menjadikan semula industri air di bawah jagaan negeri. Jadi itu yang saya buat. Jadi ada beberapa isu yang kita telah mengadakan perbincangan. Saya ingin kalau dapat perkara ini boleh dibincangkan dalam SELCAT ataupun jawatankuasa ini supaya dapat diterangkan ada berapa isu yang saya katakan yang mana dikatakan Puncak Niaga dan SYABAS bahawa saya ada deal yang lain yang dibuat jadi saya akan cuba menjawabnya dan lepas tu....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Bukit Antarabangsa minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya ingin minta Tuan Speaker minta *ruling* ini usul dan penyata yang dibentangkan ini mengenai kualiti air ataupun isu yang lain?

TUAN SPEAKER: Kualiti air.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya. Tetapi kita lihat perbahasan Pelabuhan Klang telah menyimpang daripada penyata yang dibentangkan. Itu yang pertama. Yang kedua Tuan Speaker. Saya minta Pelabuhan Klang sila duduk bila saya bercakap.

TUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang, duduk dulu.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Ya, ok boleh.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sebab perkara yang nak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang ini menyimpang daripada penyata dan usul yang dibentangkan pada petang ini, itu yang pertama. Yang kedua, beliau cuba mempengaruhi Dewan dengan kenyataan-kenyataan yang telah pun dijawab oleh Kerajaan Negeri. Selaku Ahli Dewan Negeri Pelabuhan Klang dia ada tanggungjawab moral dan kewajipan untuk hadir dalam dewan ini untuk mendengar penjelasan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Bukan bercakap di luar dan sekarang mengapa nak didesak Kerajaan Negeri mengulangi keterangan dan jawapan yang telah diberikan. Sedangkan dia ada peluang dan dia ada tanggungjawab untuk hadir mendengar penjelasan dia boleh rebut jawapan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Dia boleh menolak kenyataan tersebut tetapi dia memilih untuk tidak hadir dan menjawab di luar. Sebab itu, saya kira Tuan Speaker kena tegas dalam perkara ini kalau tidak ada Ahli Dewan yang menggunakan dewan *this is mercury to the entire system of the Dewan*. Perkara ini kita tidak mahu membenarkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Belum lagi Pelabuhan Klang. Saya buat *ruling* dulu. Yang pertama jika ada cadangan atau usul untuk dibawa ke jawatankuasa yang bukan Jawatankuasa ini, maka harus dibuat dengan cara yang betul. Hanya kita bincang *paper* yang dibentangkan oleh jawatankuasa JPK-SAS. Jika ada usul yang nak dicadangkan dibawa ke SELCAT seumpamanya kena buat usul yang lain yang kena ikut Peraturan-Peraturan Tetap Dewan. Yang kedua, saya ingatkan semula kepada Pelabuhan Klang bahawa kita membincang soal kualiti air. Jadi saya harap menjurus kepada kualiti air sahaja supaya kita boleh bincang tajuk lain di *paper-paper* yang lain. Silakan.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Tuan Speaker, saya nak menerangkan macam mana nak untuk mencapainya kualiti air. Untuk mencapai kualiti air yang baik, strukturnya mesti betul. Kalau strukturnya tak betul esok kita asal bercakap tentang itu. Oleh sebab itu penyusunan semula industri air itu sangat penting. Itu sebab saya bangkitkan perkara ini.

TUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang. Soalan itu telah dijawab oleh kerajaan semalam.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Tidak. Tidak, dia tidak menjawab.

TUAN SPEAKER: Yang kedua, saya untuk memberikan keadilan kepada pelabuhan Klang dan Yang Berhormat yang lain, saya telah memberikan masa setiap orang lima minit tadi. Jadi saya harap Pelabuhan Klang menghormati masa untuk tidak kita menghalang Ahli Yang Berhormat yang lain untuk bahaskan selepas daripada ini. Silakan.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Ialah tapi kalau orang lain dah semua bagi. Bagilah saya masa...

TUAN SPEAKER: Saya bagi dua minit untuk Yang Berhormat.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Untuk itu saya menerangkan perkara ini menunjukkan kita telah menggunakan keupayaan kita supaya mendapat hasil yang terbaik untuk Negeri Selangor hasil yang terbaik untuk Negeri Selangor. Dan tidak perlu kita hadir di Dewan hanya kerana menerimanya kita datang ini untuk menerangkan apa yang patut dibuat oleh Negeri Selangor. Kalau tidak dibuat oleh Negeri Selangor dia akan merugikan Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, minta laluan. Peraturan tetap.

TUAN SPEAKER: Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Timbalan Speaker, Peraturan Tetap 36(1) di mana seorang ahli hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang hendak dibincangkan sahaja iaitu kualiti air. Saya nampak ini cerita penyusunan dan sebagainya nampaknya jauh daripada kualiti air yang dibentangkan oleh penyata. Jadi saya minta *ruling* daripada tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Saya tak mahu mengulangi arahan yang sama. Jadi saya harap Pelabuhan faham dan teruskan menghormati masa yang saya berikan. Terima kasih.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: lalah terima kasih. Saya pun menengok Peraturan Tetap tentang gangguan dan apa. Yang penting ialah saya hendak meminta supaya apa ni, Jawatankuasa ini menjemput ataupun memberikan penerangan sebab Jawatankuasa ini, selain daripada untuk menentukan air itu bersih kosnya mesti pada harga yang walaupun kita dapat pada harga bersih tapi kosnya tinggi dan dia tidak akan memberi keuntungan juga kepada rakyat. Dan itu sebab saya berbalik kepada menentukan kos-kos yang itu. Jadi oleh sebab itu, saya nak buktikan bahawa dalam perbincangan kita dengan Kerajaan Persekutuan dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. dan SYABAS, kita tidak memberikan apa-apa, apa yang dipanggil *side deal*. Tak ada. Itu tak ada. Yang sebenarnya kita telah menerima oleh kerana Kerajaan Negeri Selangor yang lepas, saya nak terangkan yang ini sebab supaya senang difaham.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMA A/L ARULANANDAM: Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMA A/L ARULANANDAM: Saya minta Pelabuhan Klang sebab dalam kertas kerja ini kita sudah ada penemuan Jawatankuasa di sini dan juga sasaran Jawatankuasa juga telah ada. So, saya ingat ini yang kita nak bagi tumpuan kepada kualiti air di sini bukan, bukannya untuk apanya Air Selangor Bhd. dan sebagainya. Kerana itu adalah satu-satu ucapan yang sudah pun dihabis dan kita pun telah terangkan di dalam Dewan ini. So, saya ingat, lebih baik kita bagi kepada pertemuan Jawatankuasa dulu la ya.

TUAN SPEAKER: Saya minta Pelabuhan Klang habiskan dalam satu minit.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Ya. Ya sebab dalam Jawatankuasa ini dia telah meminta supaya Langat 2 dan air terowong daripada Pahang yang itu yang perlu disalurkan supaya dapat menyelesaikan air di Negeri Selangor dan itu di dalam penyata tersebut. Jadi oleh itu kita mesti bersama-sama dengan Kerajaan Pusat untuk menunjukkan bahawa kita ada kerjasama dengan Kerajaan Pusat dan kerjasama ini mesti diteruskan supaya dapat menyelesaikan semua masalah air yang dilakukan. Kita telah menolong Kerajaan Pusat sebab Kerajaan Pusat telah dikatakan memberikan peluang kepada Puncak Niaga dan SYABAS untuk buat *business-business* yang lain sebelum kita ambil alih. Jadi oleh sebab itu kita akan ok, Kerajaan Pusat tidak melakukan tidak betul kita terima dan Kerajaan Pusat memberikan kita peruntukan RM2 ribu juta untuk supaya kita dapat membeli semua saham-saham ini dan menolong kita supaya dapat kita boleh berbincang dengan Kerajaan Pusat supaya Langat 2 ini dapat diusahakan bersama dan dapat digunakan untuk rakyat negeri Selangor

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ok. Bukit Antarabangsa minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sekali lagi, saya minta Tuan Speaker memberikan panduan kepada Dewan ini kerana Pelabuhan Klang sekali lagi menyimpang jauh daripada syor dan penemuan yang dibuat oleh jawatankuasa. Dia nak mengambil masa ini untuk mempengaruhi Dewan dan juga media di luar sana seolah-olah apa yang dinyatakan ini berasaskan ketelusan dan integriti beliau. Saya mengambil masa selama satu jam setengah untuk menjawab persoalan sama yang dibangkitkan oleh Pelabuhan Klang sendiri. Dan saya masih ingat di akhir perdebatan perbahasan Pelabuhan Klang beliau mencabar MMKN bahawa dia akan tampil semula untuk mendengar. Mengapa peluang itu tidak digunakan. Ini bukan peluang itu sebagai tanggungjawab beliau. Walaupun dia bebas tetapi dia tidak bebas daripada tanggungjawab kewajipan kepada Dewan. (Tepuk). Saya berdiri selama satu jam setengah, tidak adil bagi Speaker untuk menyuruh saya menjawab sekali lagi bagi perkara yang sama kerana hendak melayan seorang Ahli Dewan Negeri yang tidak bertanggungjawab kepada Dewan. (tepuk). Ini nak cuba mempengaruhi dengan fakta-fakta yang telah saya kemukakan dalam Dewan. Kalau Yang Berhormat Pelabuhan Klang tidak setuju dengan jawapan saya mengapa tidak ada keberanian untuk tampil pada hari Jumaat, dengar penjelasan saya dan boleh tegur dan perbetulkan. Tetapi hak itu tidak digunakan. Gunakan hak di luar. Itu je, apakah beliau wakil rakyat ataupun wakil blog. Saya nak tanya pada pelabuhan Klang.

TUAN SPEAKER: Baik. Pelabuhan Klang boleh merujuk kepada *handsard* jika mahu mendapatkan *detail* berkenaan itu. Dan saya, kemudian saya sekali ingatkan bahawa kita bercakap tentang kualiti fokus dan saya harap Pelabuhan Klang boleh berikan ayat yang terakhir.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Kesimpulannya. Dan saya lihat *handsard* yang saya baca daripada *handsard* tersebut, bukan dia bercakap satu jam mengenai air. Itu tak ada. Jangan menggembar-gemburkan, itu masalah yang.. tidak semestinya jadi Menteri Besar boleh mengata orang lain. Tak boleh. Saya nak buat kesimpulan. Saya, saya tidak.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Itu bukan isunya. Saya dah jawab apa yang Pelabuhan Klang bangkitkan. Mengapa tidak tampil hari itu. Kenapa hari ini baru nak tampil. Hari ini kita bincang usul yang lain. Ikutlah peraturan dewan. Betullah Yang Berhormat bebas tapi bukan bebas daripada tanggungjawab. Mesti ada tanggungjawab datang kepada Dewan bukan bermain *blog*, bukan bermain *facebook*. Di mana integriti.....

TUAN SPEAKER: Ok Pelabuhan Klang minta buat kesimpulan. Bukit Antarabangsa. Ok baik, baik. saya minta Yang Berhormat duduk jap, duduk.

Pelabuhan Klang duduk dulu. Duduk, duduk, duduk dulu... Saya bagi masa yang terakhir untuk pelabuhan Klang. Tidak lebih dari satu minit saya bagi setengah minit untuk buat kesimpulan. Silakan...

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Kesimpulan saya, ialah kita perlu melihat penyusunan semula ini untuk membolehkan kita menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa ini untuk melihat keseluruhannya, bagaimana, apa, menjamin, kualiti air ini dapat dijaga. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Balakong, masih kualiti air, ya..

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Ya, ya, jangan bimbang. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Jawatankuasa Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor. Jadi saya tidak akan mengambil masa yang panjang kerana saya akan terus kepada, apa yang saya nak bincangkan ataupun tegaskan. Balakong ingin mengambil kesempatan ini, menegaskan supaya pihak Kerajaan mengambil serius terhadap isu bekalan air di dalam Negeri Selangor terutamanya di kawasan Balakong. Dan saya mengucapkan terima kasihlah kepada pegawai-pegawai yang sekarang bukannya bawah SYABAS sepatutnya panggil Air Selangor, kerana telah berjaya menyelesaikan masalah pencemaran air di Sungai Langat dalam masa yang lebih pendek jika berbanding dengan zaman sebelum Kerajaan Negeri mengambil alih pengurusan SYABAS. Jadi saya memang bersetuju dengan saranan Jawatankuasa pada Perkara 7.3.1, iaitu mengemukakan pertimbangan kemungkinan kesesuaian air sebanyak 100 juta liter sehari, atau aliran yang bersesuaian disalurkan daripada Empangan Langat secara berterusan, tanpa henti sepanjang musim kering. Ini adalah sangat penting kerana menurut penemuan daripada Penyata ini, kita perlukan masa 14 jam untuk air dari negeri Pahang untuk mengalir sampai ke Loji Rawatan Air. Dan sekiranya berlakunya pencemaran, bukan sahaja, 14 jam itu boleh selesaikan masalah pencemaran. Air itu tiba di loji dan dia perlukan masa juga untuk proses dan dia perlukan masa untuk membina ataupun *build up the pressure*, dan dibekalkan kepada setiap rumah di dalam kawasan. Jadi saya berharaplah, saya memang berharap Kerajaan Negeri boleh meluluskan cadangan ini, saranan ini, supaya masalah pencemaran air dapat dikurangkan. Kerana Balakong memang dah ada sedikit, panggil apa, takutlah pada isu air ini kerana kalau air, kalau musim panas, paras air di kolam turun. Macam sekarang pun ada banyak, lima taman perumahan dah hadapi gangguan bekalan air selama lima hari berturut-turut. Hujan lebat, ada masalah kekeruhan air. Kalau ada pencemaran lagi, kenalah tutup loji, dua tiga hari. Jadi saya berharap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri boleh memberi tumpuan kepada isu ini dan berharap masalah gangguan bekalan air di

kawasan sekitar Balakong dan juga Wilayah Hulu Langat dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Sekian, saya menyokong Penyata ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing, lima minit.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tak apa, satu minit cukup. Cuma, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada perkara 6.1 di dalam Penyata ini di mana, saya mendapati sangat mengejutkan, di mana di Negeri Pahang, Loji Rawatan Air Mempatih, loji rawatan air yang sangat kecil tetapi oleh sebab muka sauknya agak tinggi, alasan tersebut diberi kerana mereka, kerana tidak dapat memberi air melalui terowong kepada Sungai Langat. Saya anggap ini satu perkara yang sangat serius. Kita selalu fokus kepada pembinaan Loji Rawatan Langat 2, terutamanya kawan-kawan saya sebelah kanan. Sangat fokus kepada tindakan Kerajaan Negeri di Selangor, tetapi bagaimana pula di Pahang. Apabila kita hendak ambil air 300ml hingga 500ml ini, tidak dapat ambil kerana paras air di Pahang tidak membenarkannya. Jadi amat merisaukan apabila didalam masa depan, kita hendak ambil 2,230ml air daripada sungai di Pahang. Bagaimana kita nak buat tersebut, bagaimana peranan Kerajaan Negeri Selangor untuk menekan Negeri Pahang ataupun Pusat, Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah ini. Kerana saya jangka adalah satu elemen yang sangat penting untuk menjayakan Langat 2, untuk satu jangka masa panjang, tetapi untuk jangka masa pendek ini. Untuk membantu Balakong, Y.B. nya dan penduduk-penduduk di sana untuk mencairkan air, kita juga perlu selesaikan dia, sekarang juga, supaya apabila perlu, kita boleh membuka terowong untuk mendapatkan air, untuk mencairkan air di Langat 2, Sungai Langat. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, saya minta pihak kerajaan jika ingin memberi penjelasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada Damansara Utama, Balakong, Pelabuhan Kelang dan juga Bukit Gasing. Saya akan jawab secara teliti, melalui secara menulishlah, cuma hanya satu perkara yang saya ingin tekankan kerana bila saya dengar ucapan tadi semua pun kkuatir, semua pun rasa kritikal dan sebagainya, tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak bulan Februari, 300 juta liter sehari, telah dipamkan ke dalam Sungai Langat dan oleh sebab itu, buat sementara ini, kita tidak ada isu tentang pencairan, tidak ada isu tentang amonia di Loji Rawatan Air Batu, Cheras, Batu 11. Dan pada masa yang sama di penghujung, iaitu Loji Rawatan Air Sungai Tampoi.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak minta penjelasan sikit.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tunggu. Biar saya habiskan *sentences* saya, ayat saya. Kita telah mulakan sistem rawatan khas. Dengan dua kolam air. Jadi kita menggunakan dua kaedah iaitu, satu adalah pencairan di

kawasan Batu, Cheras 11, dan juga sistem rawatan. Jadi ketika ini kita tidak ada isu besar, cuma apa yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa ini iaitu Loji Rawatan Air Mempatih, Mempatih, maaf. Di Sungai Semantan, Pahang. Kerajaan Negeri Selangor tahu, memang sudah dimaklum ada masalah dan Kerajaan Negeri Selangor telah maklum kepada Kerajaan Negeri Pahang, bahawa Kerajaan Negeri Selangor rela bantu dan selain daripada itu setuju menanggung semua kos untuk membaiki ataupun menambahbaik lagi Loji Rawatan Air Mempatih, di sana. Tapi buat masa ini, memang 300 juta liter sehari, dijalankan dan kita rasa bila-bila masa kalau Kerajaan Negeri Pahang ingin bertemu dengan ataupun bermesyuarat dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk membaiki ataupun menambahbaik lagi loji rawatan air tersebut, kita akan duduk bersama dengan Kerajaan Negeri Pahang.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan. Saya nak tahu, yang 300 juta liter sehari, adakah ini berterusan setiap hari, dia..

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Adalah 24 jam sehari, kosnya RM30,000.00 sehari. Jadi,

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Dari bila hingga bila, sampai.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Sejak bulan Februari. Kita akan guna air tersebut sehingga musim kering telah lepas. Kita harap bulan September. Kerana air dalam Empangan Langat, adalah simpanan. Kita tidak boleh bersia-sia lepaskan 100 juta liter sehari pun. So, kita simpan itu. Apa yang kita boleh dapat daripada Sungai Semantan, kita guna buat sementara ini. Jadi dengan itu saya ingin ucapkan sekali terima kasih kepada Jawatankuasa Khas atas keprihatinan, semua anggota-anggota dan kita akan jawab pada sesi yang akan datang secara menulis. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor, *Special Select Committee On Water Resources Management Of The State Of Selangor*, bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Kualiti, Kawalan Pencegahan, Pencemaran Di Lembangan Langat dan Kaedah Mitigasi Pencemaran Di Negeri Selangor, yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil 6 tahun 2016.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**, Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata **TIDAK**. **USUL DIPERSETUJUI.**

SETIAUSAHA DEWAN: Usul seterusnya, Usul nombor 6, Tahun 2016. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5), oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia Ini Menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas, Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor, *Special Select Community On Water Resources Management Of The State Of Selangor*. JPK-SAS, bagi Dewan Negeri Selangor berhubung kuantiti, status terkini bekalan air mentah dan air terawat di Negeri Selangor. Status projek-projek aktif dan isu insiden paip pecah yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 7 Tahun 2016.

Jawatankuasa telah mengadakan pendengaran tertutup untuk mendapatkan maklumat daripada UPEN, SYABAS, LUAS dan JAS, dari segi kuantiti untuk mendapatkan status terkini, bekalan air mentah dan air terawat di Negeri Selangor. Dan *follow up* dengan projek-projek yang Kerajaan Negeri telah umumkan. Dan juga mengkaji tentang isu insiden paip pecah. JPK-SAS mendapati bahawa paras bekalan air mentah di negeri Selangor, untuk tahun 2015 dan sekarang, adalah mencukupi. Untuk menampung keperluan rakyat walaupun kita menghadapi musim kering yang paling serius. Kerana paras air empangan adalah di paras selamat. Walau bagaimanapun langkah berjaga-jaga perlu diambil untuk mengelakkan bekalan air mentah terjejas di Lembangan Sungai Langat. Sekali lagi, Lembangan Sungai Langat ini perlu tumpuan yang lebih besar. Jawatankuasa juga *follow up* dengan perkembangan projek-projek untuk menangani masalah kurang air, kekurangan air.

Untuk Projek Mitigasi 2, Jawatankuasa hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana Mitigasi 2 telah siap, walaupun lewat beberapa bulan tetapi sudah siap dan sudah *operational*, dengan izin. Untuk loji rawatan air baru, apa yang kita dapati dari pendengaran, kita adalah bercanggah sedikit dengan jawapan Kerajaan Negeri. Mungkin Kerajaan Negeri boleh memberi penjelasan selepas ini. Kita mendapati bahawa kontraktor dipilih melalui tender terbuka dan pelantikan akan dimuktamadkan ada 1 April. Ini adalah apa kita dapat, tapi apa yang, jawapan dari Y.B. EXCO, kalau saya tidak silap adalah 1 Jun, 2016. So, mohon boleh menjelaskan, bilakah kontraktor akan dilantik sebab pembinaan kedua-dua loji rawatan air ini adalah sangat-sangat penting dan tidak boleh ada sebarang kelewatan. Untuk Sidang ini, Jawatankuasa telah menerokai satu aspek yang baru untuk bekalan air, itu insiden paip pecah yang dihuraikan dengan teliti di Seksyen 7, itu muka surat 5 hingga 9. Secara kesimpulannya terdapat lebih daripada 27 ribu kilometer paip saluran bekalan air di seluruh negeri Selangor, secara amnya, terdapat sejumlah 6,026 kes paip pecah pada tahun 2013, 6,569 kes tahun 2014 dan 5,092 kes paip pecah bagi tahun 2015. So, dia secara purata, setiap hari kita ada lebih kurang 100 lebih hingga 200 insiden paip pecah. Sebab-sebab paip pecah adalah banyak, kita juga senaraikan di sana, paip pecah, paip yang sudah lama, perubahan tekanan ataupun aktiviti daripada pihak ketiga iaitu utiliti ataupun kontraktor

pembinaan. Dan kita juga mendapati bahawa ada kala juga adalah kegagalan fungsi wap ataupun ada tanah yang ada asid yang tinggi, yang boleh menjejaskan material paip yang telah digunakan. Untuk paip pecah yang disebabkan oleh pihak ketiga, kos penggantian adalah boleh ditanggung oleh pihak ketiga. Saya ingin menjelaskan di sini, bahawa gambar rajah 7.3.1 adalah menunjukkan peratusan yang insiden paip pecah disebabkan oleh pihak ketiga sahaja, bukan semua. Kesemua paip pecah, di mana Jabatan Paip Pembetulan yang menjalankan rasionalisasi, projek rasionalisasi itu adalah punca utama untuk paip pecah yang disebabkan oleh pihak ketiga. Di 7.3.2, kita menunjukkan bilangan kes tahun dan kos yang dibelanjakan oleh SYABAS untuk membaiki kes paip pecah. 7.4, adalah kita bagi satu *chart* di mana menunjukkan pecahan jenis paip yang pecah di setiap tahun di pada tahun 2015 kita mendapati bahawa paip AC / *asbestos cement* adalah paling banyak insiden yang berlaku iaitu 51, 55% untuk tahun 2015. Kalau kita tengok sejarah pada 2013 dia pun dia pun ada 51% dan pada tahun 2014 pun 49% iaitu paip AC adalah paip yang kita kena tangani masalah ini. SYABAS telah mengenal pasti bahawa 84 kawasan *hotspot*.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama boleh ringkaskan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Ya. SYABAS telah mengenal pasti bahawa terdapat 84 kawasan *hotspot* yang perlu penggantian paip. Sebanyak 23 kawasan ini telah dikenal pasti dan diperuntukkan dana dan diluluskan di peringkat pihak SYABAS untuk tahun, pada tahun 2016 dan 2017. JKP-SAS mendapati bahawa membanding dengan permintaan asal yang kita hendak untuk penggantian paip yang dari penyata yang lalu di mana kita mendapati bahawa terdapat sepanjang 450km paip yang kena ganti, yang memerlukan RM400 Juta apa yang diluluskan untuk kerajaan, bagi peringkat SYABAS adalah RM68 Juta sahaja. Seperti surat yang kita dikemukakan kepada Kerajaan Negeri JPK-SAS berpendapat ia tidak wajar Kerajaan Negeri menunggu memperuntukkan dana yang mencukupi untuk menggantikan paip. Kesemuanya 84 kawasan *hotspot* yang perlukan penggantian paip perlu digantikan segera. Jika peruntukkan adalah satu kekangan maka saya berasa bahawa kita ada cukup dana untuk mengganti paip-paip ini. Ini adalah kerana kita berasa bahawa inilah sangat penting kerana Selangor ada *rizab margin* (dengan izin) yang sangat rendah. Kalau kita bazir lagi air dengan insiden paip pecah ia satu tidak, ia satu tidak wajar kita perlu memastikan bahawa paip-paip kita boleh diganti supaya *rizab margin* kita boleh digunakan untuk kegunaan rakyat. Dan kita juga mendapati bahawa dua loji rawatan air ini perlulah disiap dengan dalam jangka masa dua tahun. Dan ketiga adalah saranan kita adalah sangat *simple* iaitu kempen penjimatan air. Kita sedia maklum bahawa rakyat Selangor gunakan 235 liter berkapital setiap orang jauh lebih tinggi daripada purata. Saya tengok kita ada sedikit poster dan bunting tetapi saya rasa kita kena meningkatkan lagi publisiti usaha kempen penjimatan air, *billboard pass*, video dan lain-lain lagi perlulah dibuat dengan segera. Dengan ini saya hendak sekali lagi menegaskan bahawa paip pecah adalah sangat penting dan saya berasa bahawa kita ada kemampuan untuk menggantikan paip-paip tersebut. Akhir kata,

saya berlaku Jawatankuasa JKP-SAS ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri terutamanya pihak UPEN yang telah bertungkus lumut mengatasi masalah air negeri Selangor sejak dua tahun lalu apabila kita menghadapi catuan air selama enam minggu. Semenjak itu banyak inisiatif telah diambil termasuk kolam-kolam air yang mampu membekalkan 800 juta liter air yang boleh kepada air Selangor dan projek mitigasi yang telah disiap sekarang. Mitigasi 2 yang telah siap sekarang. Saya ambil maklum bahawa di Johor penduduk di sana telah mengalami catuan air selama Johor Selatan 4 bulan dari Ogos hingga Disember 2015, di sekitar Johor Utara, Pasir Gudang, Masai dan Johor Bharu. Sekarang di Tawau, Sabah penduduk di sana mengalami krisis air kerana mereka tiada empangan air. Saya merasa di Selangor pegawai-pegawai kita adalah jauh lebih baik dalam mengurus isu air. Walau bagaimana pun kita mempunyai cabaran yang sangat tinggi di Lembangan Sungai Langat, sekali lagi saya sangat bimbang tentang Lembangan Sungai Langat bukan sahaja pencemaran tetapi juga tentang permintaan yang ada di sekitar Lembangan Sungai Langat. Kita sedia maklum bahawa pada 2017 krisis air akan melanda dan tempat-tempat yang dibekalkan oleh Lembangan Sungai Langat akan ada impak yang tertinggi. Jawatankuasa akan memberi lebih tumpuan yang lebih banyak dalam sidang, *next* sidang, kita akan memberi tumpuan yang banyak kepada Lembangan Sungai Langat supaya kita boleh mengkaji dan memantau pengurusan air Selangor, Kerajaan Negeri Selangor di sekitar Lembangan Sungai Langat. Kita akan terus memainkan peranan untuk pengurusan air di Selangor agar air di negeri Selangor sentiasa bersih dan cukup. Sekian sahaja Damansara Utama mencadang usul.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Puan Speaker, saya menyokong

TUAN SPEAKER: Usul ini telah disokong dan saya buka untuk dibahaskan selama 5 minit. Pelabuhan Klang.

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM: Terima kasih oleh kerana hari ini memang saya telah gunakan masa saya untuk semasa menjadi Menteri Besar menyelesaikan perkara ini, yang penting yang saya hendak lihat di sini ialah bagaimana usaha ini dapat mengurangkan apa yang dipanggil apa yang dipanggil *non revenue water* sangat penting walaupun sekarang dalam keadaan 30% hasil daripada penggunaan paip-paip ini boleh tak *non revenue water* oleh beberapa pakar diturunkan kepada 15% , bukan sampai 0 memang tiada 15%, itu satu perkara yang saya ingatkan. Dari segi dana yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa oleh kerana Kerajaan Persekutuan telah memberikan kita 2 Juta, 2000 Juta untuk membeli *equity* di dalam syarikat-syarikat tersebut. 2000 Juta. Oleh kerana kita memiliki 30% dan lebih daripada saham-saham yang kita hendak ambil alih, Kumpulan Air Selangor mempunyai 600 Juta *cash in flow* . Jadi jawapan untuk tidak cukup duit untuk membuat membetulkan paip-paip ini tidak timbul sebab itu yang hendak saya tegaskan di sini. Maknanya penyusunan semula itu hendak buat dan

dia tidak timbul. Saya harap perkara ini, kalau boleh Jawatankuasa boleh memanggil saya untuk saya terangkan beberapa strategik-strategik yang telah kita buat termasuk dulu air daripada ke aliran air untuk menyambung ke Langat dari utara, itulah penyelesaian yang telah kita buat dan HORAS dan juga memberikan tapi jawapan yang paling penting ialah bagaimana kita menggunakan dana kita ini supaya dapat mengurangkan kos untuk mengeluarkan air terawat.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Puan Speaker, saya ingin menyentuh saranan Jawatankuasa 9.1, di mana JPK-SAS mahu 23 kawasan *hotspot*. Yang mana dana telah diluluskan itu dilakukan dengan serta-merta. Saranan ini memang bagus memandangkan kelulusan telah ada. Tidak ada alasan untuk kita tunggu lagi. Saya tidak pasti berapakah kawasan di antara 23 buah kawasan *hotspot* itu sudah memulakan kerja penggantian tetapi saya tahu satu hanya satu *hotspot* tersebut terletak di DUN saya yang disenaraikan di dalam 23 buah kawasan itu belum melakukan sebarang penggantian. Saya harap Kerajaan Negeri mengambil berat saranan ini supaya kerja-kerja dimulakan dengan serta-merta. Tuan Speaker, kes air pecah ini akan menyebabkan gangguan bekalan air yang memberi implikasi yang sangat besar kepada kehidupan seharian. Rakyat Selangor telah mengetahui Kerajaan Negeri mengambil alih SYABAS maka segala kerja-kerja yang dilakukan oleh SYABAS akan dikaitkan dengan Kerajaan Negeri. Saya selalu ditanya oleh rakyat bilakah Kerajaan Negeri akan menggantikan paip yang usang di hadapan rumah mereka. Maka saya menyokong saranan 9.2 iaitu kesemua 84 hot sport yang dikenal pasti oleh SYABAS digantikan dalam masa 2 tahun ini. SYABAS perlu mempercepatkan kerja-kerja penggantian yang usang ini . saya merujuk kepada penyata ini para 7.6.1 di mana hanya RM68 Juta diluluskan untuk tahun 2016. Kalau setiap tahun meluluskan 68 Juta sahaja maka ia mengambil masa 8 hingga 9 tahun untuk menukar paip di 84 kawasan *hotspot* yang melibatkan 601.16 kilometer, ini jauh berbeza dengan saranan JKP SAS mahu penggantian dilakukan dalam masa dua tahun. Dengan ini saya berharap Kerajaan Negeri boleh meluluskan dana yang mencukupi untuk 84 *hotspot* ini supaya penggantian paip boleh dilakukan dalam dua tahun ini. Sekian, saya menyokong usul ini.

TUAN SPEAKER: Baiklah saya menjemput Kerajaan Negeri untuk memberi penjelasan berkenaan penyata ini. Taman Templer

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker, pertamanya saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor yang telah pun membentangkan penyata berkaitan dengan ada tiga penemuan dan juga ada empat saranan Jawatankuasa yang saya kira fokus kepada berkaitan NRW. Untuk pengetahuan semua NRW adalah merupakan fokus kepada Air Selangor itu sendiri. Jadi secara *detail*nya nanti jawapan bertulis akan diberikan sebagai respons kepada jawatankuasa ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya peraturan ini 6.5 Peraturan Tetap Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resources Management Of State Selangor*) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Kuantiti Status Terkini Bekalan Air Mentah Dan Air Terawat Di Negeri Selangor, Status Projek-Projek Aktif Air Selangor Dan Isu Insiden Paip Pecah yang telah dibentangkan di dalam dewan ini sebagai Kertas Bilangan 7 Tahun 2016. Ahli-ahli Berhormat yang bersetuju sila kata 'YA'. Ahli-ahli Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'TIDAK'. Usul ini DIPERSETUJUI. Sebelum saya meneruskan Aturan Mesyuarat seterusnya. Saya ingin memaklumkan urusan Dewan perlu diselesaikan pada hari ini. Saya menggunakan kuasa Speaker di bawah Peraturan Tetap 78 bagi membolehkan maklum balas Penyata Jawatankuasa dibentangkan sekarang di bawah Peraturan Tetap 76 (7), Ahli-ahli Berhormat yang bersetuju sila kata 'YA'. Ahli-ahli Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'TIDAK'. Usul ini DIPERSETUJUI. Baiklah! Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat. Kertas Mesyuarat 14 Tahun 2016 Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah Dan Daerah / JP-PADAT Dewan Negeri Selangor mengenai Kecurian Pasir Di Kawasan Pentadbiran di Pejabat Tanah dan Daerah di Selangor. Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2016 maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri/ JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor bagi PJ Central Sdn. Bhd (PJ Central). Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2016 Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Saranan Penambahbaikan Struktur Tadbir Urus Korporat Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) dan anak-anak syarikat. Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul untuk menengguhkan dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2016 telah sampai ke penghujungnya. Bagi pihak Kerajaan Negeri saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli dewan yang telah mengambil bahagian membahaskan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya menyambut baik sumbangan fikiran cadangan dan maklum balas Ahli-ahli Yang Berhormat demi merealisasikan gagasan membangunkan sebuah *Smart* Selangor yang peduli rakyat. Dalam Dewan yang mulia ini kita telah menyaksikan perbahasan yang sihat, perbezaan gagasan silang pandangan, pertembungan idea dan proses segar dan bersemuka dan berbincang. Kesemua ini merupakan sifat sebuah negeri yang mengamalkan demokrasi. Ada kalanya perdebatan panas dan senget dan inilah yang pernah disebut oleh Barack Obama bahawa demokrasi "*is not a straight line, it's laugh, it noise and complicated.*" Untuk menjayakan demokrasi sudah

barang pasti berlaku apa yang disebutkan oleh pemenang hadiah nobel ekonomi Amikiasen sebagai *public contestation of ideas*. Kita perlu menerima proses ini dengan berlapang dada dan menjadikan demokrasi yang kita amalkan semakin matang. Demokrasi yang matang juga mengutamakan ke aturan justeru itu demokrasi mengikut adap dan akhlak seperti yang ditegaskan oleh ulama tersohor dunia Almarhum Syeikh Taha Jabir Alalwani dalam karyanya yang bertajuk “bahasa arab” *the artic as agreement of Islam*. Dalam berbeza pendapat ada lunas-lunas yang perlu kita patuhi. Kerenah demokrasi boleh merosot dan membawa perdebatan titik bengik, bergelombang dengan isu yang tidak *substance* dan tercabut dari realiti dan cabaran kehidupan harian yang dihadapi oleh rakyat. Sebagai negeri yang termaju di Malaysia, Selangor bukan sahaja perlu menjawab cabaran yang perlu dihadapi oleh rakyat pada hari ini dengan menggunakan *smart solution* dan kita perlu memimpin Malaysia menghadapi cabaran dekad-dekad yang mendatang. Saya yakin kita boleh melaksanakan melalui demokrasi yang berpencerahan atau pun *and more lighten demokrasi* bukan demokrasi yang berbudaya merungut dan membebel atau *culture of complain*. Sebaliknya demokrasi yang beridealisme tinggi, berpandangan jauh dan berminda luas dan sekali gus pragmatik berpaksikan tindakan. Demokrasi sudah pasti bukan sekadar perdebatan, demokrasi juga

bermakna tindakan amal pelaksanaan gagasan dan *citizen centered and agreement* yang juga merupakan ciri penting utama kepada sebuah *smart state*. Selepas mesyuarat dewan ini Ahli-ahli Yang Berhormat akan kembali ke kawasan masing-masing mendampingi rakyat, mendengar dan menyelesaikan masalah mereka. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat turun berkongsi dengan rakyat kesatuan fikrah yang telah dicapai dan yang perlu diterjemahkan dalam kesatuan amal. Ahli-ahli Yang Berhormat adalah pemimpin rakyat, bimbinglah rakyat secara positif, perkukuhkan perpaduan, gembeng kekuatan rakyat sesuai dengan Deklarasi Rakyat yang bukan sekadar menuntut Perdana Menteri ditukar tetapi adalah penting adalah menuntut reformasi sistem demi membina Malaysia yang lebih gagah dan gemilang. Kita bersyukur kerana Selangor berada di dalam suasana yang sungguh memberangsangkan kerana kita telah berjaya mencipta kemakmuran dan perpaduan di kalangan semua lapisan rakyat. Bahkan kini kita menyaksikan kemunculan semangat kekitaan *esprit de corp* rasa kebersamaan sebagai warga Selangor dengan semangat ini *Insyah-Allah* Selangor akan pasti terus berjaya. Bagi pihak Kerajaan Negeri saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan dan pegawai-pegawai yang telah membuat persiapan yang rapi yang membolehkan mesyuarat berjalan dengan lancar mengikut peraturan mesyuarat. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat persidangan kita telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak, terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan pada kali ini saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang mulia, Ketua Jabatan, pegawai kerajaan di atas kerjasama yang telah diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Kali Keempat ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung dan mahupun secara tidak langsung atas komitmen dan kesungguhan dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Sidang kali ini juga menyaksikan perjalanan persidangan dijalankan secara *smart* selaras dengan konsep *Smart* Selangor. Aturan mesyuarat dan minit mesyuarat persidangan tidak dicetak dalam bentuk *hard copy*. Urus setia memuat naik dokumen dewan di portal Dewan Negeri Selangor setiap hari dan boleh dilayari menggunakan ID masing-masing. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum lagi menerima sesalinan Peraturan Tetap Edisi 2016 tolong dapatkan sesalinan daripada urus setia Dewan. Kepada semua Yang Berhormat sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang)